NEGERI SEMBILAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 74
No. 13

**24hb Jun 2021**

*TAMBAHAN*
*No. 1*

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

(Akta 171)

**No. 360.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH REMBAU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata kewangan Majlis Daerah Rembau yang merangkumi Penyata Kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Rembau pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Rembau dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Perkara Audit Utama

Perkara Audit Utama adalah perkara berdasarkan penilaian profesional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai Perkara Audit Utama dalam menyatakan pendapat saya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Daerah Rembau bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Rembau untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Rembau.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Rembau sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau atau, jika pendedahan tersebut tidak mcncukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau memberi gambaran yang saksama.

(f) Saya menentukan perkara paling signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau tahun kewangan semasa sebagai perkara audit utama melalui komunikasi dengan Ahli Majlis. Saya menerangkan perkara ini di dalam Sijil Juruaudit melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam atau dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, saya menentukan bahawa perkara ini tidak boleh dinyatakan dalam Sijil Juruaudit kerana kesan buruk pendedahan tersebut secara munasabah dijangka akan melebihi faedah kepentingan awam.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

SEREMBAN
Bertarikh 4 September 2020

SHAMSUL BIN SHAMDIN
*b.p. Ketua Audit Negara Malaysia*

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI

Laporan Audit Mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Daerah Rembau yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, serta satu ringkasan dasar perakaunan penting dan maklumat lain, seperti yang dibentangkan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Rembau pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007 dan Akta Akuan Berkanun, 1960 di Malaysia.

Asas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut adalah dijelaskan di bawah seksyen Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas yang munasabah pada pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Majlis Daerah Rembau berdasarkan keperluan perundangan *(Professional Ethics, Conduct and Practice)* yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA) *('By Laws')* dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa yang dikuatkuasakan khususnya kepada Akauntan Profesional (IESBA Code) dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan kod IESBA.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Daerah Rembau bertanggungjawab ke atas semua maklumat lain. Maklumat lain termasuk Laporan Ahli-Ahli tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Majlis dan laporan juruaudit mengenainya. Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Majlis dan ini tidak termasuk Laporan Ahli-Ahli dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Majlis, menjadi tanggungjawab kami membaca Laporan Ahli-Ahli dan mempertimbangkannya sama ada Laporan Ahli-Ahli tersebut adalah konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Majlis altau maklumat yang kami perolehi tanpa sebarang salah nyata ketara.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Laporan Ahli-Ahli, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis ke atas Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab dalam penyediaan dan perbentangan penyata kewangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007 dan Akta Akuan Berkanun, 1960 di Malaysia. Ahli Majlis juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Majlis, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan para ahli sama ada berniat untuk membubarkan Majlis atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai altenatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, sama ada atau tidak penyata kewangan Syarikat tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa.Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material, sama ada amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan pertimbangan profesional dan memelihara keraguan secara profesional. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Majlis, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata meterial yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Majlis.

- Memahami kawalan dalaman yang relevan bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.

- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh para ahli.

- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh para ahli untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperorehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Perbadanan untuk diteruskan secara berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Majlis dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Majlis terhenti daripada diteruskan sebagai usaha berterusan.

- Menilai keseluruhan persembahan, struktrur dan kandungan penyata kewangan Majlis, termasuk pendedahan ke atasnya, sama ada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.

Kami juga berkomunikasi dengan para ahli mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.

Perkara Audit Utama

Perkara audit utama adalah perkara-perkara yang pada pertimbangan profesional kami, adalah yang paling penting dalam audit kami akan penyata kewangan Majlis bagi tahun semasa. Perkara-perkara ini adalah ditangani dalam konteks audit kami akan penyata kewangan Majlis secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami mengenainya dan kami tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai perkara ini.

| Perkara audit utama | Bagaimana audit kami menangani perkara |
|---|---|
| Pelaburan Hartanah<br><br>Rujuk kepada muka surat 11 (Nota 2.5–Ringkasan mengenai dasar-dasar perakaunan–Hartanah Pelaburan), muka surat 20 (Nota 8–Hartanah Pelaburan).<br><br>Kami menumpukan perhatian kepada bidang ini bagi memastikan kelulusan dan perekodan pelaburan hartanah dibuat selaras dengan akta tubuh agensi, dasar perakaunan, pekeliling dan prosedur yang berkuatkuasa. Kami juga perlu memastikan ketepatan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan dalam penyata kewangan adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diguna pakai. | Kami melaksanakan prosedur audit berikut:<br><br>• Mengenalpasti pelaburan hartanah yang dimiliki Majlis pada tahun semasa adalah dibenarkan oleh akta tubuh agensi.<br><br>• Memastikan dasar-dasar perakaunan bagi hartanah pelaburan dipraktis dan dinyatakan seiring dengan akta tubuh dan piawaian perakaunan.<br><br>• Membuat lawatan fizikal bagi hartanah pelaburan.<br><br>Berdasarkan prosedur kami, kami perhatikan bahawa tidak ada pengecualian meterial dalam hartanah pelaburan yang direkodkan. |
| Penyaluran dan Penggunaan Geran Pembangunan dan Mengurus<br><br>Rujuk kepada muka surat 22 (Nota 12 Geran Tertunda)<br><br>Kami menumpukan perhatian kepada bidang ini bagi memastikan pengurusan geran dan peruntukan yang diterima diuruskan selaras dengan piawaian perakaunan yang digunapakai. | Kami melaksanakan prosedur audit berikut:<br><br>• Mengenalpasti terimaan geran pada tahun semasa telah direkodkan dan menyemak dokumen sokongan kelulusan.<br><br>• Menyemak dokumen penggunaan geran bagi memastikan penggunaan geran pada tahun semasa adalah bagi tujuan ia diberi.<br><br>• Mendapatkan maklumbalas pengurusan terhadap baki geran yang tidak dibelanjakan dan tindakan pihak pengurusan terhadapnya.<br><br>Berdasarkan prosedur kami, kami perhatikan bahawa tidak ada pengecualian material dalam penyaluran dan penggunaan geran pembangunan dan mengurus yang diterima. |

| Perkara audit utama | Bagaimana audit kami menangani perkara |
|---|---|
| Emolumen dan Saraan Ahli Majlis (AM) / Pengurusan Tertinggi (PT)<br><br>Rujuk kepada muka surat 25 (Nota 16-Emolumen).<br><br>Kami menumpukan perhatian kepada bidang ini bagi memastikan pembayaran emolumen dan saraan AM/PT telah dibuat selaras dengan akta/enakmen tubuh dan pendedahan dalam penyata kewangan mengikut piawaian perakaunan yang berkaitan. | Kami melaksanakan prosedur audit berikut:<br><br>• Memastikan kontak pelantikan sampel yang dipilih menyatakan yang sewajarnya berkenaan pelantikan, kelayakan, tempoh lantikan, emolumen dan manfaat yang diterima.<br>• Memastikan manfaat yang diterima adalah mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan.<br><br>Berdasarkan prosedur kami, kami perhatikan bahawa tidak ada pengecualian meterial dalam emolumen dan saraan AM/PT. |

Laporan ke atas Undang-Undang dan Peraturan Lain

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007 dan Akta Akuan Berkanun, 1960 di Malaysia, kami melaporkan bahawa rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta tersebut untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan baik sejajar dengan peruntukan Akta tersebut.

Hal-hal Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk para ahli Majlis, sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil 4 Tahun 2007 dan Akta Akuan Berkanun, 1960 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

SEREMBAN
Bertarikh 7 Ogos 2020

ISMAIL & ASSOCIATES (AF 1561)
*Akauntan-Akauntan Bertauliah (Malaysia)*

ISMAIL BIN SET
*02109/08/2020 J*
*Rakan Kongsi*

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Cik Sriamuthavalli a/p Bathumalai dan Puan Aisah binti Lamsah, dua orang daripada Ahli-Ahli Majlis Daerah Rembau menyatakan bahawa pada pendapat Ahli-ahli Majlis; Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta nota-nota yang dilampirkan telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2019, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tarsebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,

CIK SRIAMUTHAVALLI A/P BATHUMALAI
*Ahli Majlis,*
*Majlis Daerah Rembau,*
*Negeri Sembilan*

Tarikh 6 Julai 2020

PUAN AISAH BINTI LAMSAH
*Ahli Majlis,*
*Majlis Daerah Rembau,*
*Negeri Sembilan*

Tarikh 6 Julai 2020

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Mohamad Najib bin Mustafa, Pegawai Utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Majlis Daerah Rembau bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dengan seikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta nota-nota yang dilampirkan, menurut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya bahawa ia adalah benar mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
penama yang tersebut di atas
di Rembau, Negeri Sembilan
pada 6 Julai 2020 }

Di hadapan saya,

*Pesuruhjaya Sumpah*

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah Loji dan Peralatan (Nota 3) | 113,341,193 | 119,227,760 |
| Hartanah Pelaburan (Nota 4) | 5,510,263 | 5,665,141 |
| JUMLAH ASET BUKAN SEMASA | 118,851,456 | 124,892,901 |
| ASET SEMASA | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 5) | 1,124,864 | 1,117,276 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima (Nota 6) | 333,340 | 337,436 |
| Simpanan Tetap (Nota 7) | 222,155 | 216,247 |
| Wang di Tangan dan di Bank (Nota 8) | 2,894,423 | 2,755,605 |
| JUMLAH ASET SEMASA | 4,574,762 | 4,426,564 |
| JUMLAH ASET | 123,426,238 | 129,319,465 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 9) | 250,768 | 216,427 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 10) | 38,121 | 107,371 |
| Geran Tertunda (Nota 11) | 2,091,475 | 714,054 |
| JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA | 2,380,364 | 1,037,852 |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar (Nota 12) | 7,594,212 | 6,565,906 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 9) | 67,769 | 60,383 |
| Pinjaman Kerajaan Negeri (Nota 10) | 68,246 | 68,245 |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA | 7,730,227 | 6,694,534 |
| JUMLAH LIABILITI | 10,110,591 | 7,732,386 |
| ASET BERSIH | 113,315,647 | 121,587,079 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis (Nota 13) | 113,265,647 | 121,537,079 |
| Akaun Amanah Pinjaman Kenderaan | 50,000 | 50,000 |
| JUMLAH ASET BERSIH | 113,315,647 | 121,587,079 |

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| HASIL | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran (Nota 14) | 8,964,252 | 6,486,618 |
| Urus Niaga Pertukaran (Nota 15) | 998,557 | 955,194 |
| JUMLAH HASIL | 9,962,809 | 7,441,812 |
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen (Nota 16) | 2,823,808 | 2,503,698 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | |
| Perjalanan dan sarahidup | 52,133 | 29,796 |
| Perhubungan dan utiliti (Nota 17) | 1,133,170 | 1,111,262 |
| Bekalan bahan-bahan mentah | 45,548 | 55,049 |
| Bekalan bahan-bahan lain (Nota 18) | 235,896 | 155,339 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan yang diberi | 232,497 | 142,388 |
| Perkhidmatan iktisas dan hospitaliti (Nota 19) | 2,488,956 | 2,361,097 |
| | 4,188,200 | 3,854,931 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | |
| Manfaat kakitangan (Nota 20) | 93,745 | 37,760 |
| Pelbagai Perbelanjaan | 26,927 | 35,409 |
| Perbelanjaan pembangunan (Nota 21) | 4,854,369 | 1,736,735 |
| Hutang ragu | — | 62,431 |
| | 4,975,041 | 1,872,335 |
| Pelunasan | 154,878 | 157,107 |
| Susutnilai | 6,090,748 | 6,072,286 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 18,232,675 | 14,460,357 |
| KURANGAN BERSIH BAGI TAHUN SEMASA | (8,269,866) | (7,018,545) |

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | Akaun Amanah Pinjaman Kenderaan | Kumpulan Wang Majlis | Jumlah Aset Bersih |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2019 | 50,000 | 121,537,079 | 121,587,079 |
| Pelarasan (Nota 22) | | (1,566) | (1,566) |
| Kurangan Bersih Bagi Tahun 2019 | — | (8,289,866) | (8,289,866) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 50,000 | 113,265,647 | 113,315,647 |

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi | | |
| Kurangan sebelum cukai | (8,269,866) | (7,018,545) |
| Pelarasan bukan tunai | | |
| Pelarasan aset bersih | (1,566) | (270,420) |
| Pelunasan | 154,878 | 157,107 |
| Susutnilai | 6,090,748 | 6,072,286 |
| Kurangan daripada aktiviti operasi sebelum perubahan modal kerja | (2,025,806) | (1,059,572) |
| Pelunasan geran | (2,486,087) | (432,014) |
| Penerimaan geran | 3,863,508 | 560,000 |
| Pergerakan bersih dalam bukan pertukaran belum terima | (7,588) | (360,682) |
| Pergerakan bersih dalam pertukaran belum terima | 4,096 | (31,420) |
| Pergerakan bersih dalam pertukaran belum bayar | 1,028,306 | 1,034,751 |
| Penambahan dalam manfaat kakitangan | 41,727 | 254,129 |
| Aliran Tunai bersih daripada aktiviti operasi | 418,156 | (34,808) |
| Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | (204,181) | (67,596) |
| Aliran Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan | (204,181) | (67,596) |
| Aliran Tunai Dari Aktiviti Pembiayaan | | |
| Bayaran balik Pinjaman Kerajaan Negeri | (69,249) | (68,245) |
| Aliran Tunai bersih daripada akiviti pembiayaan | (69,249) | (68,245) |
| Pergerakan Bersih dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai | 144,726 | (170,649) |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai pada awal tahun | 2,971,852 | 3,142,501 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai pada akhir tahun | 3,116,578 | 2,971,852 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Terdiri daripada: | | |
| Wang ditangan dan di bank | 2,894,423 | 2,755,605 |
| Simpanan Tetap | 222,155 | 216,247 |
| | 3,116,578 | 2,971,852 |

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | Jumlah Bajet Asal | Jumlah Bajet Akhir | Jumlah Sebenar | Varian Bajet^ | Varian Bajet^ |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | % |
| PENERIMAN | | | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | 5,411,500 | 5,411,500 | 3,542,239 | 1,869,261 | 34.54% |
| Urusniaga pertukaran | 594,000 | 594,000 | 538,199 | 65,801 | 9.39% |
| Lalin-lain Terimaan | 1,327,000 | 1,327,000 | 1,410,632 | (83,632) | -6.30% |
| | 7,332,500 | 7,332,500 | 5,491,070 | 1,841,430 | 25.11% |
| PEMBAYARAN | | | | | |
| Emolumen | 2,902,900 | 2,902,900 | 2,811,362 | 91.538 | 3.15% |
| Perkhidmatan dan bekalan | 3,626,900 | 3,781,900 | 3,056,106 | 725,794 | 19.19% |
| Pemilikan harta modal | 262,500 | 262,500 | 218,673 | 43.827 | 16.70% |
| Pemberian dan kenaan bayaran tetap | 144,200 | 144,200 | 117,380 | 26,820 | 18.60% |
| Perbelanjaan lain-lain | 46,000 | 46,000 | 23,840 | 22,160 | 48.17% |
| Perbelanjaan pembangunan | 300,000 | 300,000 | 186,683 | 113,317 | 37.77% |
| | 7,282,500 | 7,437,500 | 6,414,044 | 1,023,456 | 13.76% |
| PENERIMAAN BERSIH | 50,000 | (105,000) | (922,974) | 817,974 | |

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar
^ % Merujuk kepada varian di antara Varian Bajet dan Jumlah Bajet Akhir

PENJELASAN VARIAN MELEBIHI 20%

1. Urusniaga bukan pertukaran

Kutipan cukai taksiran tidak dapat dicapai mengikut anggaran kerana ketika bajet tahun 2019 disediakan, pihak Majlis turut merekodkan anggaran bagi cadangan hasil baru iaitu Ladang Solar di Chembong sebanyak RM1.5 juta. Walau bagaimanapun, disebabkan beberapa masalah yang timbul kutipan tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2019.

2. Perbelanjaan lain-lain

2.1 Peruntukan tidak banyak digunakan kerana perbelanjaan lain-lain diperuntukan bagi perbelanjaan mengurus luar jangka.

3. Perbelanjaan pembangunan

3.1 Peruntukan perbelanjaan pembangunan MDR adalah dibuat bagi kerja-kerja penyelenggaraan kecil dan kecemasan, Peruntukan berbaki melebihi 20% kerana terdapat kerja-kerja kecil dibuat di bawah peruntukan projek sumbangan dari agensi lain.

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT AM

Majlis Daerah Rembau adalah sebuah majlis kerajaan tempatan. Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi Daerah Rembau.

Alamat Majlis adalah Pejabat Majlis Daerah Rembau, D/A Dewan Merdeka, Jalan Dato' Lela Maharaja, 71309 Rembau, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewaan ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

Penyata kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Majlis sama seperti tarikh pada penyata oleh ahli majlis dan penyata oleh Majlis.

Kesemua angka dinyatakan dalam mata wang Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata fungsian dan persembahan Majlis.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP).

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2:2 Pengiktirafan Hasil

2.2.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan.

(ii) Caruman Bantu Kadar

Caruman Bantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Caruman Membantu Kadar ini di iktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, peniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

Hasil bagi lesen, bayaran pendaftaran dan permit diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana ketidakpastian sama ada pelesen mahu meneruskan perniagaan setelah tamat tempoh lesen.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan Hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan laln-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dangan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan pelan dan parancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Sewaan

Hasil sewaan dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iii) Perolehan dari Jualan Barang-barang

Perolehan dari Jualan Barang-barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebutharga, borang permohonan penyewaan premis Majlis serta jualan harta benda fizikal dan lain-lain.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, Jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Perbelanjaan bagi pembelian harta modal (aset alih dipermodalkan) yang harga perolehan asalnya RM2,000 atau lebih setiap satu unit dan aset alih bernilai rendah (aset alih tidak dipermodalkan) yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000 setiap unit.

Aset bangunan adalah terdiri daripada bangunan batu dan kayu yang digunakan untuk tujuan pentadbiran, pemberian perkhidmatan kepada orang ramai dan sewaan.

Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan mambandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

MDR mempunyai aset infrastruktur iaitu jalanraya meliputi jalan perumahan rendah, lorong belakang dan jalan bandaran Data adalah berasaskan laporan MARRIS JKR.MDR juga menggunapakai Garis Panduan Aset Infrastruktur MDR yang telah diluluskan melalui Kertas Mesyuarat Bil 12/2019 Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kewangan, Penilaian dan Pengurusan Sumber Manusia dan di perakukan oleh Mesyuarat Penuh Majlis.

2.4 Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul. Tanah milik bebas tidak disusutnilaikan. Bagi aset yang lain, susutnilai dikira berasaskan kaedah garis lurus berdasarkan jangka hayat kegunaan harta. Pada tahun semasa kadar bagi bangunan batu dan alatan komputer telah disemak semula kepada 2% dan 33.33%. Kadar susutnilai yang telah disemak semula adalah seperti yang berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah pajakan | Tempoh pajakan (60-99 tahun) |
| Bangunan | 2%-5% |
| Jentera berat dan kenderaan | 12.50% |
| Jentera ringan | 20% |
| Alatan komputer | 33.33% |
| Alatan pejabat | 10% |
| Alat perhiasan | 10% |
| Alatan pembersihan | 33.33% |
| Aset Infrastruktur | 5% |

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5 Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Jumlah ini ditunjukan pada kos berdasarkan bayaran kemajuan pada akhir tahun. Jumlah kos ini akan dipindahkan Harta Tetap apabila kerja telah disempurnakan dan dilunaskan.

Pembinaan dalam kemajuan yang dilakukan oleh Majlis akan dimodalkan dalam hartanah, loji dan peralatan setelah pendapat sijil perakuan layak menduduki *(Certificate of Fitness (CF) dan Certificate of Completion and Compliance)* dikeluarkan. Susut nilai tidak dikenakan ke atas bangunan yang masih dalam pembinaan.

2.7 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos ururniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat ketegori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) pembayaran tertunggak:

(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal, Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.8 Peruntukan Liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

2.9 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua ketegori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Majlis hanya mempunyai ketegori liabiliti kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf arau dirosot, nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.10 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang kurang dari 12 bulan yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.11 Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, elaun dan bonus diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Majlis. Ketidakhadiran terimbuh terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran terimbuh masa depan dan ketidakhadiran terimbuh tak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran itu.

(ii) Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun.

Majlis juga mengiktiraf bayaran ganjaran bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(iii) Pelan Sumbangan Terancang

Seperti diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

2.12 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

(i) Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

(ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikut akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.13 Cukai

Majlis Daerah Rembau adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 : Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.14 Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Majlis sahaja dan tidak mengambilkira bajet entiti yang dikawal kerana ia tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

2.15 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Kerugian hutang ragu bagi belum terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Kumpulan menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.
(Majlis membuat peruntukan hutang ragu bagi jumlah tertunggak yang melebihi 5 tahun.)

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau kedua-duanya sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebgai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

Pengukuhan Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.16 Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.17 Nilai Saksama Instrumen Kewangan

Nilai saksama instrumen kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif pada setiap tarikh laporan adalah ditentukan dengan merujuk harga pasaran disebut tanpa mengurangkan kos urus niaga.

2.18 Pihak Berkaitan

Pihak Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli majlis.

2.19 Pajakan

Pajakan Kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsistem dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat pada setiap tarikh pelaporan. Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan dirosotnilai.

Pajakan Operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindahkan sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan dibawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.20 Kos Kewangan

Semua kos kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh ia terlibat.

2.21 Kesan Pemakaian MPSAS

2.21.1 Aset Infrastruktur

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, Majlis telah memilih pengecualian di dalam mengiktiraf aset infrastrukturnya iaitu jalanraya didalam tempoh peralihan. Memandangkan ini merupakan tempoh peralihan terakhir, Majlis telah mengiktiraf aset infrastrukturnya berjumlah RM112,085,416.

(i) Jalan raya

Kos aset infrastruktur ini ditentukan mengikut nilai kos material pasaran tahun semasa jalan raya berdasarkan kepada spesifikasi jalan. Majlis telah menganggarkan jangka hayat aset infrastruktur jalan mengikut struktur binaan iaitu selama 20 tahun (5%).

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Tanah Pajakan | Bangunan | Aset Infrastruktur | Jentera Berat dan Kenderaan | Jentera Ringan | Alatan Pembersihan | Alatan Pejabat | Alat Perhiasan | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | 1,330,165 | 15,946,976 | 112,085,416 | 1,292,065 | 186,085 | 20,449 | 431,525 | 21,944 | 131,314,625 |
| Tambahan dalam tahun | — | 50,000 | — | 68,950 | — | — | 85,231 | — | 204,181 |
| Pelarasan tahun semasa | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2019 | 1,330,165 | 15,996,976 | 112,085,416 | 1,361,015 | 186,085 | 20,449 | 516,756 | 21,944 | 131,518,806 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | 76,690 | 4,600,206 | 5,604,271 | 1,217,413 | 183,703 | 20,425 | 367,233 | 16,924 | 12,086,865 |
| Susutnilai tahun semasa | 3,096 | 356,774 | 5,604,271 | 80,887 | 920 | — | 44,044 | 756 | 6,090,748 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2019 | 79,786 | 4,956,980 | 11,208,542 | 1,298,300 | 184,623 | 20,425 | 411,277 | 17,680 | 18,177,613 |
| AMAUN BAWAAN BERSIH | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2019 | 1,250,379 | 11,039,996 | 100,876,874 | 62,715 | 1,462 | 24 | 105,479 | 4,264 | 113,341,193 |

4. HARTANAH PELABURAN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Hartanah pelaburan | | |
| Kos | | |
| Baki pada awal tahun | 7,796,044 | 7,796,044 |
| Tambahan | — | — |
| Pelupusan | — | — |
| Baki pada akhir tahun | 7,796,044 | 7,796,044 |
| Pelunasan Terkumpul | | |
| Baki pada awal tahun | 2,130,903 | 1,973,796 |
| Tambahan | 154,878 | 157,107 |
| Pelupusan | — | — |
| Baki pada akhir tahun | 2,285,781 | 2,130,903 |
| Amaun bawaan | 5,510,263 | 5,665,141 |

5. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | | |
|---|---|---|
| Akaun belum terima cukai taksiran | 1,544,264 | 1,603,543 |
| Tolak: | | |
| Elaun hutang ragu | (419,400) | (488,790) |
| | 1,124,864 | 1,114,753 |
| Akaun belum terima sumbangan bantu kadar | — | 2,523 |
| Tolak: | | |
| Elaun hutang ragu | — | — |
| | 1,124,864 | 1,117,276 |
| Jumlah elaun hutang ragu | (419,400) | (488,790) |
| Jumlah tunggakan | 1,544,264 | 1,600,066 |

6. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urus niaga pertukaran belum terima terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Sewaan | 119,087 | 117,158 |
| Pendahuluan kenderaan/komputer | 9,564 | 15,944 |
| Lain-lain penghutang | 204,689 | 204,334 |
| | 333,340 | 337,436 |

7. SIMPANAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| Bank Rakyat | 222,155 | 216,247 |
| | 222,155 | 216,247 |

8. WANG DITANGAN DAN DI BANK

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada: | | |
| Tunai ditangan | 1,000 | 1,000 |
| Wang dibank | 2,893,423 | 2,754,605 |
| | 2,894,423 | 2,755,605 |

9. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Gantian Cuti Rehat | | |
| Baki pada awal tahun | 189,027 | 22,681 |
| Tambahan | 62,789 | 21,821 |
| Pembayaran | (1,740) | (19,571) |
| Terkurang peruntuk bagi tahun 2019 | — | 24,902 |
| Terkurang peruntuk bagi tahun 2020 | — | 139,194 |
| Baki pada akhir tahun | 250,076 | 189,027 |
| Gantian Pekerja Kontrak | | |
| Baki pada awal tahun | 87,783 | — |
| Tambahan | 9,127 | 60,454 |
| Pembayaran | (28,448) | (29,712) |
| Terkurang peruntuk bagi tahun 2020 | — | 27,801 |
| Tarkurang peruntuk bagi tahun 2021 | — | 29,240 |
| Baki pada akhir tahun | 68,462 | 87,783 |
| | 318,538 | 276,810 |
| Kurang daripada 12 bulan | 67,769 | 60,383 |
| Lebih daripada 12 bulan | 250,768 | 216,427 |
| | 318,537 | 276,810 |

10. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

Majlis Daerah Rembau telah memperoleh pinjaman tanpa faedah daripada Kerajaan Negeri Sembilan bertujuan membiayai pengambilan balik tanah bagi pembinaan pasar.

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pembayaran balik dalam masa 12 bulan | 68,246 | 68,245 |
| Pembayaran balik selepas 12 bulan | 38,121 | 107,371 |
| | 106,367 | 175,616 |

11. GERAN TERTUNDA

Geran Tertunda adalah peruntukan yang diterima dan dibelanjakan dalam tahun semasa.

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2019 | 714,054 | 586,068 |
| Diterima dalam tahun | 3,863,508 | 560,000 |
| Dilunaskan | (2,486,087) | (432,014) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 2,091,475 | 714,054 |

12. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

Urus niaga pertukaran belum bayar terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Pelbagai pemiutang dan akruan (Nota a) | 6,146,046 | 4,918,283 |
| Terimaan terdahulu (Nota b) | 266,251 | 171,297 |
| Deposit (Nota c) | 1,181,915 | 1,476,326 |
| | 7,594,212 | 6,565,906 |

(a) Pelbagai Pemiutang dan Akruan

| | | |
|---|---|---|
| Pelbagai pemiutang | 5,828,828 | 4,754,391 |
| GST output | 117,788 | 117,788 |
| GST net | 68,981 | — |
| Perbelanjaan terakru | 109,903 | 43,690 |
| Cek luput tarikh/terbatal | 20,546 | 2,414 |
| | 6,146,046 | 4,918,283 |

(b) Terimaan Terdahulu

| | | |
|---|---|---|
| Cukai taksiran am | 35,027 | 19,683 |
| Lesen | 202,011 | 123,887 |
| Perkhidmatan | 29,213 | 27,727 |
| | 266,251 | 171,297 |

(c) Deposit

| | | |
|---|---|---|
| | 1,181,915 | 1,476,326 |

13. KUMPULAN WANG MAJLIS

| | | |
|---|---|---|
| Penurunan Kumpulan Wang Majlis disebabkan susutnilai aset infrastruktur | 113,265,647 | 121,537,079 |

14. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

Urus niaga bukan pertukaran terdiri daripada:

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 2,023,561 | 1,936,687 |
| Caruman Bantu Kadar (Nota a) | 430,118 | 433,470 |
| Lesen-Lesen (Nota b) | 506,949 | 898,289 |
| Notis dan Denda | 140,022 | 76,233 |
| Sumbangan Kerajaan (Nota c) | 5,863,602 | 3,141,939 |
| | 8,964,252 | 6,486,618 |

(a) Caruman Bantu Kadar

| | | |
|---|---|---|
| Kerajaan Persekutuan | 196,445 | 196,445 |
| Kerajaan Negeri | 128,697 | 128,697 |
| Lain-lain agensi | 104,976 | 108,328 |
| | 430,118 | 433,470 |

(b) Lesen-Lesen

| | | |
|---|---|---|
| Hotel dan rumah penginapan | 1,726 | 3,343 |
| Penjaja | 15,893 | 17,538 |
| Hiburan awam | 1,201 | 3,738 |
| Tred Perniagaan dan lain-lain | 66,616 | 138,755 |
| Pasar | 34,056 | 36,394 |
| Gerai | 20,445 | 28,856 |
| Pengendali makanan | 18,363 | 24,785 |
| Iklan | 87,733 | 126,416 |
| Permit-permit | 164,615 | 427,243 |
| Permit bangunan sementara | 96,301 | 91,221 |
| | 506,949 | 898,289 |

(c) Sumbangan Kerajaan

| | | |
|---|---|---|
| Geran tahunan | 806,385 | 806,385 |
| Sumbangan projek pembangunan dan lain-lain | 5,057,217 | 2,335,554 |
| | 5,863,602 | 3,141,939 |

15. URUS NIAGA PERTUKARAN

Urus niaga pertukaran terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan dan Bayaran | 214,449 | 244,418 |
| Sewaan (Nota a) | 531,553 | 523,498 |
| Perolehan Jualan Barang (Nota b) | 67,914 | 34,233 |
| Faedah (Nota c) | 39,627 | 39,573 |
| Pelbagai Pendapatan/Pulangan balik | 145,014 | 113,472 |
| | 998,557 | 955,194 |

(a) Sewaan

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Gerai, pasar dan tapak penjaja | 368,845 | 364,298 |
| Dewan dan peralatan | 93,594 | 104,133 |
| Pelbagai sewaan | 69,114 | 55,067 |
| | 531,553 | 523,498 |

(b) Perolehan Jualan Sarang

| | | |
|---|---|---|
| Plet lesen | 6,107 | 3,755 |
| Pelbagai jualan | 61,807 | 30,478 |
| | 67,914 | 34,233 |

(c) Faedah

| | | |
|---|---|---|
| Faedah bank | 31,208 | 24,952 |
| Faedah simpanan tetap | 7,829 | 13,743 |
| Faedah pinjaman komputer | 248 | 405 |
| Faedah pinjaman kenderaan | 342 | 473 |
| | 39,627 | 39,573 |

16. EMOLUMEN

| | | |
|---|---|---|
| Gaji pokok | 1,594,637 | 1,444,226 |
| Elaun tanggung kerja | 23,583 | 26,867 |
| Elaun khidmat awam | 81,445 | 74,475 |
| Elaun tetap perumahan | 210,900 | 189,300 |
| Elaun basikal | 990 | 1,080 |
| Elaun mesyuarat Jawatankuasa Kecil MDR | 11,360 | 6,360 |
| Bayaran insentif tugas kewangan (BITK) | 1,440 | 1,440 |
| Elaun tetap Ahli Majlis | 126,000 | 112,000 |
| Elaun kos sarahidup | 104,850 | 94,650 |
| KWSP | 29,552 | 33,982 |
| KWCP | 253,327 | 215,776 |
| Elaun lebih masa | 115,072 | 123,100 |
| Imbuhan tahunan | 223,508 | 152,220 |
| Insentif tugas memandu | 1,950 | 1,800 |
| Insentif khidmat cemerlang | 6,000 | 6,000 |
| Lain-lain | 39,194 | 20,422 |
| | 2,823,808 | 2,503,698 |

17. PERHUBUNGAN DAN UTILITI

Termasuk di dalam perhubungan dan utiliti adalah:

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran pos | 3,424 | 4,480 |
| Telefon | 59,319 | 47,261 |
| Internet | 16,319 | 14,318 |
| Elektrik | 998,187 | 969,432 |
| Air | 48,163 | 71,208 |
| Pembentungan dan lain-lain | 7,758 | 4,563 |
| | 1,133,170 | 1,111,262 |

18. BEKALAN BAHAN-BAHAN LAIN

Termasuk di dalam bekalan bahan-bahan lain ialah:

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Bekalan bahan lain | 173,069 | 132,666 |
| Aset bernilai rendah | 62,827 | 22,673 |
| | 235,896 | 155,339 |

19. PERKHIDMATAN IKTISAS DAN HOSPITALITI

Termasuk di dalam perkhidmatan iktisas dan hospitaliti adalah:

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan yang dibeli (Nota a) | 233,472 | 147,540 |
| Perkhidmatan percetakan papan lesen | 5,850 | 5,850 |
| Keraian, hospitaliti dan honorarium (Nota b) | 33,758 | 20,917 |
| Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal | 1,350,754 | 1,323,265 |
| Bayaran kepada kakitangan sementara, sambilan dan kontrak (Nota c) | 865,122 | 863,963 |
| | 2,488,956 | 2,361,097 |

(a) Perkhidmatan yang dibeli

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan Perubatan | 65,259 | 36,304 |
| Perkhidmatan Perakaunan dan auditan | 13,981 | 13,190 |
| Perkhidmatan Latihan | 42,832 | 28,905 |
| Perkhidmatan Lain-lain | 84,475 | 49,864 |
| Perkhidmatan Percetakan | 22,916 | 16,680 |
| Perkhidmatan Perundangan | — | — |
| Perkhidmatan Pemprosesan Data & Elektronik | 4,009 | 2,159 |
| | 233,472 | 147,102 |

(b) Keraian, hospitaliti dan honorarium

| | | |
|---|---|---|
| Makanan dan minuman jemputan | 31,328 | 20,875 |
| Saguhati Jemputan | 1,630 | 42 |
| Hadiah dan cenderamata | 800 | — |
| | 33,758 | 20,917 |

(c) Bayaran kepada kakitangan sementara, sambilan dan kontrak

| | | |
|---|---|---|
| Gaji Kakitangan Kontrak | 501,072 | 496,275 |
| Elaun Tetap Perumahan | 87,600 | 86,100 |
| Elaun Tetap Khidmat Awam | 33,895 | 32,780 |
| Elaun Sara Hidup | 43,800 | 43,050 |
| KWSP | 87,265 | 86,659 |
| PERKESO | 12,448 | 12,563 |
| Elaun Lebih Masa | 32,395 | 45,966 |
| Elaun Pembantu Khas | 1,680 | 1,080 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Imbuhan Tahunan | 64,487 | 59,010 |
| BITK Kakitangan Kontrak | 480 | 480 |
| | 865,122 | 863,963 |

20. MANFAAT KAKITANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Ganjaran kakitangan kontrak | (5,709) | 28,529 |
| Gantian Cuti Rehat | 93,454 | 3,231 |
| Bantuan Kematian | — | — |
| Pelbagai Pemberian | 6,000 | 6,000 |
| | 93,745 | 37,760 |

21. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Termasuk di dalam perbelanjaan pembangunan adalah:

| | | |
|---|---|---|
| Membina dan membaiki jalan dan jambatan | 1,243,640 | 1,270,444 |
| Membina dan membaiki gerai dan bangunan | 3,574 | 20,678 |
| Membina dan membaiki kemudahan, lampu dan prasarana | 11,902 | — |
| Membina dan membaiki longkang | 11,067 | 14,610 |
| Pelbagai perbelanjaan pembangunan | 3,584,186 | 431,003 |
| | 4,854,369 | 1,736,735 |

22. PELARASAN

| | | |
|---|---|---|
| Peruntukan manfaat kakitangan | — | 270,420 |
| Tambahan aset infrastruktur | — | 112,085,416 |
| Melaras beza baki awal Simpanan Tepat | 1,566 | — |
| | 1,566 | 112,355,836 |

23. CUKAI

Majlis Daerah Rembau adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

24. INSTRUMEN KEWANGAN – PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, entiti mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif entiti adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Entiti hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi entiti bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan entiti kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti entiti pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2019 | | |
| Urus niaga pertukaran belum bayar | 7,594,212 | — |
| Pada 31 Disember 2018 | | |
| Urus niaga pertukaran belum bayar | 6,565,906 | — |

Pengurusan Modal

Objektif utama pengurusan modal adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan, termasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa Kumpulan Kewangan Majlis kekal kukuh dari segi kewangan.

Majlis memantau modal dengan menggunakan nisbah keberhutangan, iaitu hutang bersih dibahagikan dengan jumlah aset bersih dan hutang bersih.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

25. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Kakitangan Penting Pihak Berkaitan

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuklah mana-mana pengarah entiti berkenaan. Ganjaran untuk pengarah dan lain-lain ahli penting pihak pengurusan untuk tahun berkenaan adalah seperti berikut:

| | 2019 |
|---|---|
| | RM |
| Jumlah ganjaran: | 137,360 |
| Elaun Ahli Majlis | 126,000 |
| Elaun Kehadiran Mesyuarat | 11,360 |
| Jumlah Ahli Majlis | 23 |

26. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Bajet asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan melalui Kertas Mesyuarat No. 1838/2018 bertarikh 12 Disember 2018. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan ke dalam bajet asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan masing-masing supaya dapat menutup bajet akhir. Pada tahun 2019, Majlis mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM155,000 mengikut arahan khusus daripada kelulusan MMK melalui kertas mesyuarat No. 1715/2019.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

27. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sepanjang tahun kewangan, Majlis telah mengubah pengkelasan beberapa item dalam penyata kewangannya akibat daripada penerimaan pakai MPSAS, dengan itu, Majlis telah mengkelaskan semula angka perbandingan untuk mematuhi pembentangan tahun kewangan semasa.

**No. 361.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH TAMPIN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Tampin pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Tampin dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit lnstitutions*.

Perkara Audit Utama

Perkara Audit Utama adalah perkara berdasarkan penilaian profesional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai Perkara Audit Utama dalam menyatakan pendapat saya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Daerah Tampin bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majls Daerah Tampin, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Tampin untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *lnternational Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Tampin.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Tampin sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin memberi gambaran yang saksama.

(f) Saya menentukan perkara paling signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin tahun kewangan semasa sebagai perkara audit utama melalui komunikasi dengan Ahli Majlis. Saya menerangkan perkara ini di dalam Sijil Juruaudit melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam atau dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, saya menentukan bahawa perkara ini tidak boleh dinyatakan dalam Sijil Juruaudit kerana kesan buruk pendedahan tersebut secara munasabah dijangka akan melebihi faedah kepentingan awam.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Bertarikh 11 September 2020

SHAMSUL BIN SHAMDIN
*b.p. Ketua Audit Negara Malaysia*

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI
MAJLIS DAERAH TAMPIN

Laporan Audit Mengenai Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Daerah Tampin yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, serta satu ringkasan dasar perakaunan penting dan maklumat lain, seperti yang dibentangkan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Tampin pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai untuk, tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007 dan Akta Akuan Berkanun 1960 di Malaysia.

Alas kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut adalah dijelaskan di bawah seksyen *Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan* laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas yang munasabah pada pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Majlis Daerah Tampin berdasarkan keperluan perundangan *(Professional Ethics, Conduct and Practice)* yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA) *("By Laws")* dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa yang dikuatkuasakan khususnya kepada Akauntan Profesional (IESBA Code) dan kami telah mematuhi tanggungjawab etika lain selaras dengan By-Laws (MIA) dan kod IESBA.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Daerah Tampin bertanggungjawab ke atas semua maklumat lain. Maklumat lain termasuk Laporan Ahli-Ahli tetapi tidak termasuk laporan penyata kewangan Majlis dan laporan juruaudit mengenainya. Kami hanya memberikan pendapat ke atas penyata kewangan Majlis dan ini tidak termasuk Laporan Ahli-Ahli dan juga tidak melaporkan sebarang kesimpulan mengenainya.

Berhubung dengan audit ke atas penyata kewangan Majlis, menjadi tanggungjawab kami membaca Laporan Ahli-Ahli dan mempertimbangkannya sama ada Laporan Ahli-Ahli tersebut adalah konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Majlis atau maklumat yang kami perolehi tanpa sebarang salah nyata ketara.

Berdasarkan audit yang dilaksanakan, sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material dinyatakan di dalam Laporan Ahli-Ahli, maka kami dikehendaki melaporkannya. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis ke atas Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab dalam penyediaan dan perbentangan penyata kewangan yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007 dan Akta Akuan Berkanun 1960 di Malaysia. Ahli Majlis juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Majlis, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan para ahli sama ada berniat untuk membubarkan Majlis atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan keseluruhan, sama ada atau tidak penyata kewangan Syarikat tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenainya dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material, sama ada amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan pertimbangan profesional dan memelihara keraguan secara profesional. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Majlis, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta yang disengajakan, salah nyata atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Majlis.

- Memahami kawalan dalaman yang relevan bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.

- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh para ahli.

- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh para ahli untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Perbadanan untuk diteruskan secara berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkan di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Majlis dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang boleh mengakibatkan Majlis terhenti daripada diteruskan sebagai usaha berterusan.

- Menilai keseluruhan persembahan, struktrur dan kandungan penyata kewangan Majlis, termasuk pendedahan ke atasnya, sama ada penyata kewangan ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.

Kami juga berkomunikasi dengan para ahli mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit dilakukan.

Perkara Audit Utama

Perkara audit utama adalah perkara-perkara yang pada pertimbangan profesional kami, adalah yang paling penting dalam audit kami akan penyata kewangan Majlis bagi tahun semasa. Perkara-perkara ini adalah ditangani dalam konteks audit kami akan penyata kewangan Majlis secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami mengenainya dan kami tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai perkara ini.

| Perkara audit utama | Bagaimana audit kami menangani perkara |
|---|---|
| Pelaburan Hartanah<br><br>Rujuk kepada muka surat 12 & 13 (Nota 2.5-Ringkasan mengenai dasar-dasar perakaunan-Hartanah Pelaburan), muka surat 24 (Nota 4-Hartanah Pelaburan<br><br>Kami menumpukan perhatian kepada bidang ini bagi memastikan kelulusan dan perekodan pelaburan hartanah dibuat selarah dengan akta tubuh agensi, dasar perakaunan, pekelililng dan prosedur yang berkuatkuasa. Kami juga perlu memastikan ketepatan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan dalam penyata kewangan adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diguna pakai | Kami melaksanakan prosedur audit berikut:<br><br>• Mengenalpasti pelaburan hartanah yang dimiliki Majlis pada tahun semasa adalah dibenarkan oleh akta tubuh agensi.<br><br>• Menyemak kelulusan penambahan hartanah<br><br>• Memastikan dasar-dasar perakaunan bagi hartanah pelaburan dipraktis dan dinyatakan seiring dengan akta tubuh dan plawaian perakuanan<br><br>• Membuat lawatan fizikal bagi hartanah pelaburan<br><br>Berdasarkan prosedur kami, kami perhatikan bahawa tidak ada pengecualiam material dalam hartanah pelaburan yang direkodkan |
| Emolumen dan Saraan Ahli Lembaga Pengarah (ALP)/Pengurusan Tertinggi (PT)<br><br>Kami menumpukan perhatian kepada bidang ini bagi memastikan pembayaran emolumen dan saraan ALP/PT telah dibuat selaras dengan akta/ enakmen tubuh dan pendedahan dalam penyata kewangan mengikut piawaian perakaunan yang berkaitan | Kami melaksanakan prosedur audit berikut:<br><br>• Memastikan kontrak pelantikan sampel yang dipilih menyatakan yang sewajarnya berkenaan pelantikan, kelayakan, tempoh lantikan, emolumen dan manfaat yang diterima.<br><br>• Memastikan manfaat yang diterima adalah mengikut terma rujukan yang telah ditetapkan<br><br>Berdasarkan prosedur kami, kami perhatikan bahawa tidak ada pengecualian material dalam emoluman dan saraan Ahli Lembaga Pengarah (ALP)/Pengurusan Tertinggi (PT) |
| Penyaluran dan Penggunaan Geran Pembangunan dan Mengurus<br><br>Kami menumpukan perhatian kepada bidang ini bagi memastikan pengurusan geran dan peruntukan yang diterima diuruskan selaras dengan piawaian perakaunan yang digunapakai. | Kami melaksanakan prosedur audit berikut:<br><br>• Mengenalpasti terimaan geran pada tahun semasa telah direkodkan dan menyemak dokumen sokongan kelulusan.<br><br>• Menyemak dokumen penggunaan geran bagi memastikan penggunaan geran pada tahun semasa adalah bagi tujuan ia diberi.<br><br>• Mendapatkan maklumbalas pengurusan terhadap baki geran yang tidak dibelanjakan dan tindakan pihak pengurusan terhadapnya.<br><br>Berdasarkan prosedur kami, kami perhatikan bahawa tidak ada pengecualian material dalam penyaluran dan penggunaan geran pembangunan dan mengurus yang diterima. |

Laporan ke atas Undang-Undang dan Peraturan Lain

Seleras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007 dan Akta Akuan, 1960 di Malaysia kami melaporkan bahawa rekod perakaunan dan lain-lain rekod serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta tersebut untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan baik sejajar dengan peruntukan Akta tersebut.

Hal-hal lain

Laporan ini disediakan hanya untuk para ahli Majlis, sebagai satu badan, selaras dengan peruntukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007 dan Akta Akuan Berkanun, 1960 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

SEREMBAN
Bertarikh 10 September 2020

NURDINI & CO.
*AF 1126*
*Akauntan Bertauliah*

ISMAIL BIN SET
*0219/08/2022 (J)*
*Rakan Kongsi*

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Abdul Shukor bin Ab. Aziz dan Abdul Halim bin Burhanudin, yang masing-masing merupakan dua daripada Ahli-ahli Majlis, Majlis Daerah Tampin dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli-ahli Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar Majlis Daerah Tampin beserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia bagi memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Tampin pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-ahli Majlis,

ABDUL SHUKOR BIN AB. AZIZ
*Ahli Majlis,*
*Majlis Daerah Tampin*

Tarikh 9 September 2020

ABDUL HALIM BIN BURHANUDIN
*Ahli Majlis,*
*Majlis Daerah Tampin*

Tarikh 9 September 2020

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Suhaiza binti Sharudin, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Tampin, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2019 Majlis Daerah Tampin beserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
penama yang tersebut di atas
di Tampin, Negeri Sembilan
pada 9 September 2020 }

Di hadapan saya,

MOHD SYAFIZI BIN MOHAMAD
*Majistret*
*Negeri Sembilan*

PENYATA MAJLIS

Kami, Suhaiza binti Sharudin, Yang DiPertua Majlis Daerah Tampin dan Zulhilmi bin Marzuki, Akauntan Majlis Daerah Tampin dengan ini mengesahkan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aliran Tunai, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta nota-nota yang dilampirkan telah disediakan supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2019, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Majlis,

SUHAIZA BINTI SHARUDIN
*Yang DiPertua,*
*Majlis Daerah Tampin*

ZULHILMI BIN MARZUKI
*Akauntan,*
*Majlis Daerah Tampin*

Bertarikh 9 September 2020
[SUKNS. 200(05)416/1/4 Klt. 5; PUNS 100/2/14]

PEJABAT MAJLIS DAERAH TAMPIN
73000 TAMPIN
NEGERI SEMBILAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah, loji dan peralatan (Nota 3) | 239,199,603 | 251,976,653 |
| Hartanah pelaburan (Nota 4) | 14,108,050 | 13,570,078 |
| | 253,507,653 | 265,546,731 |
| ASET SEMASA | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 5) | 2,228,433 | 2,361,756 |
| Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 6) | 122,759 | 384,212 |
| Pelbagai akaun belum terima (Nota 7) | 512,427 | 500,005 |
| Simpanan tetap (Nota 8) | 9,044,626 | 8,312,903 |
| Wang di tangan dan di bank (Nota 9) | 4,814,698 | 4,896,348 |
| | 16,722,943 | 16,455,224 |
| JUMLAH ASET | 270,030,596 | 282,001,955 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 10) | 1,139,541 | 1,012,348 |
| | 1,139,541 | 1,012,348 |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru (Nota 11) | 9,377,324 | 8,241,843 |
| Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 10) | 58,722 | 42,180 |
| | 9,436,046 | 8,284,023 |
| JUMLAH LIABILITI | 10,575,587 | 9,296,371 |
| ASET BERSIH | 259,455,009 | 272,705,584 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 259,255,009 | 272,505,584 |
| Akaun Amanah Pinjaman Kenderaan | 200,000 | 200,000 |
| | 259,455,009 | 272,705,584 |

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2018

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| HASIL | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran (Nota 12) | 23,712,330 | 17,309,465 |
| Urus Niaga Pertukaran (Nota 13) | 2,008,381 | 2,158,534 |

| | 2018 | 2017 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| JUMLAH HASIL | 25,720,711 | 19,467,999 |
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen | | |
| Gaji dan upahan | 3,750,619 | 3,663,428 |
| Elaun tetap | 924,461 | 898,130 |
| Sumbangan berkanun untuk kakitangan | 884,942 | 752,644 |
| Elaun lebih masa | 131,864 | 112,693 |
| Faedah kewangan yang lain | 653,522 | 479,412 |
| Elaun Ahli Majlis | 170,523 | 158,600 |
| | 6,515,931 | 6,064,907 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | |
| Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup (Nota 14) | 107,008 | 53,281 |
| Pengangkutan barang-barang | — | 1,159 |
| Utiliti (Nota 15) | 1,831,513 | 1,762,046 |
| Sewaan (Nota 16) | 39,740 | 20,561 |
| Bekalan dan bahan-bahan lain (Nota 17) | 483,876 | 442,977 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan kecil (Nota 18) | 119,562 | 122,869 |
| Perkhidmatan iktisas dan hospitaliti (Nota 19) | 3,981,623 | 3,667,035 |
| | 6,563,322 | 6,069,928 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | |
| Tuntutan, insurans dan pampasan (Nota 20) | — | 180 |
| Ganjaran | 15,351 | 89,620 |
| Gantian cuti rehat | 189,170 | 997,772 |
| | 204,521 | 1,087,572 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan lain | | |
| Pelbagai perbelanjaan yang tidak dijeniskan (Nota 21) | 30,170 | 28,304 |
| Perbelanjaan pembangunan (Nota 22) | 11,135,687 | 5,668,822 |
| Pulangbalik dan hapuskira | 6,854 | 226 |
| Hutang ragu (Nota 23) | (134,841) | (135,929) |
| | 11,037,870 | 5,561,423 |
| Susutnilai dan Penulasan | 14,647,647 | 14,749,700 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 38,969,291 | 33,533,530 |
| (KURANGAN)/BAGI TAHUN | (13,248,580) | (14,065,531) |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | Kumpulan Wang Majlis | Kumpulan Wang Pinjaman | Jumlah Aset Bersih |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2018 | 31,488,015 | 200,000 | 31,688,015 |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 25) | (239,269) | — | (239,269) |
| Kesan pemakaian MPSAS (Nota 26) | 255,322,369 | — | 255,322,369 |
| (Kurangan) bersih bagi tahun 2018 | (14,065,531) | — | (14,065,531) |
| Baki pada 31 Disember 2018 | 272,505,584 | 200,000 | 272,705,584 |
| Pelarasan tahun semasa (Nota 25) | (1,995) | — | (1,995) |
| (Kurangan) bersih bagi tahun 2019 | (13,248,580) | — | (13,248,580) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 259,255,009 | 200,000 | 259,455,009 |

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi | | |
| (Kurangan) | (13,248,580) | (14,065,531) |
| Pelarasan: | | |
| Susutnilai dan pelunasan | 14,647,647 | 14,749,700 |
| Hapuskira hartanah, loji dan peralatan | — | 45,662 |
| Hasil Faedah | 370,664 | 351,842 |
| Lebihan pendapatan dari perbelanjaan sebelum | 1,769,731 | 1,081,673 |
| pertukaran (Peningkatan)/Pengurangan: | | |
| (Pengurangan) dalam peruntukan hutang ragu | (134,842) | (440,086) |
| Peningkatan peruntukan manfaat kakitangan | 143,735 | 941,643 |
| Pengurangan belum terima (Nota a) | 517,197 | 107,741 |
| Peningkatan belum bayar (Nota b) | 1,135,481 | 320,876 |
| Pelarasan dalam Hartanah, Loji dan Peralatan | (1) | (45,650) |
| Tunai dijana dari aktiviti operasi | 3,431,301 | 1,966,197 |
| Faedah diterima | (370,664) | (351,842) |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi | 3,060,637 | 1,614,355 |
| Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan | | |
| Belian hartanah, loji dan peralatan | (815,939) | (642,155) |
| Belian hartanah pelaburan | (1,159,625) | (582,580) |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan | (2,410,564) | (1,224,735) |
| Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | 650,073 | 389,620 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | 13,209,251 | 12,819,631 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun (Nota 8 dan 9) | 13,859,324 | 13,209,251 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Nota kepada Penyata Aliran Tunai | | |
| (a) Pengurangan/(Peningkatan) belum terima | | |
| Pengurangan/(Peningkatan) Siberhutang Cukai Taksiran | 192,409 | (149,849) |
| Pengurangan Siberhutang Sewaan | 337,210 | 218,973 |
| (Peningkatan)/Pengurangan Siberhutang Yang Lain | (12,422) | 38,617 |
| | 517,197 | 107,741 |
| (b) (Pengurangan)/Peningkatan belum bayar | | |
| (Pengurangan) dalam Terimaan Terdahulu | (2,295) | (12,065) |
| (Pengurangan)/Peningkatan dalam Akaun Deposit | (182,701) | 77,550 |
| Peningkatan dalam Akaun Amanah | 279,553 | 801,988 |
| Peningkatan/(Pengurangan) dalam belum bayar yang lain | 1,040,924 | (546,597) |
| | 1,135,481 | 320,876 |

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | Jumlah Bajet | | Jumlah | Varian Bajet | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Asal | Akhir | Sebenar | | |
| | RM | RM | RM | RM | % |
| PENERIMAAN | | | | | |
| Hasil Cukai | 6,450,000 | 6,450,000 | 6,834,052 | 384,052 | 5.95 |
| Hasil Bukan Cukai | 3,948,000 | 3,948,000 | 3,991,263 | 43,263 | 1.10 |
| Terimaan Bukan Hasil | 2,636,000 | 2,636,000 | 2,502,359 | (133,641) | (5.07) |
| Jumlah Penerimaan | 13,034,000 | 13,034,000 | 13,327,674 | 293,674 | |
| PEMBAYARAN | | | | | |
| Emolumen | 6,141,000 | 6,702,000 | 6,515,931 | (186,069) | (2.78) |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | 6,078,300 | 6,078,300 | 6,554,052 | 475,752 | 7.83 |
| Aset | 202,700 | 202,700 | 177,500 | (25,200) | (12.43) |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran | 88,000 | 88,000 | 60,785 | (27,215) | (30.93) |
| Perbelanjaan Lain-lain | 24,000 | 24,000 | 37,024 | 13,024 | 54.27 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 500,000 | 500,000 | 80,000 | (420,000) | (84.00) |
| Jumlah Pembayaran | 13,034,000 | 13,595,000 | 13,425,292 | (169,708) | |
| PENERIMAAN BERSIH | — | (561,000) | (97,618) | 463,382 | |

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

PENJELASAN BAGI VARIAN MELEBIHI 20%

1. Pemberian dan Kenaan Bayaran

Penyusutan dalam pembayaran ganti cuti rehat bagi kakitangan yang bersara serta bayaran ganjaran kakitangan kontrak. Bajet berdasarkan perbelanjaan tahun lepas dan pada tabun ini bilangan kakitangan yang bersara serta bilangan penerima ganjaran bagi kakitangan kontrak menyusut berbanding tahun 2018.

2. Perbelanjaan Lain-lain

Peningkatan dalam caj bank disebabkan penggunaan yang tinggi bagi perkhidmatan atas talian serta perkhidmatan kutipan hasil oleh pihak bank.

3. Perbelanjaan Pembangunan

Disebabkan pendapatan yang rendah berbanding tanggungan, kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur kebanyakkannya bersumberkan dana dari Negeri (MARIS) dan Pcrsekutuan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (BPI).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT AM

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Daerah Tampin.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3. Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh pada 29 Mei 2019

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1. Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

2.1.2. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran di iktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan membantu kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar di iktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan–perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan dari Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.3.2. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai atau rosotnilai terkumpul. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.3.3. Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.3.4. Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.3.5. Peralatan taman permainan diiktiraf sebagai belanja dalam Penyata Prestasi Kewangan atas faktor kesukaran kawalan ke atas alatan dan mempunyai tempoh usia guna yang pendek.

2.4. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Rosotnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.

2.4.2. Susutnilai hanya akan dikira bagi perolehan aset yang disempurnakan pada atau sebelum bulan Jun tahun semasa. Bagi perolehan yang diterimna selepas Jun, susutnilai mula dikira pada tahun berikutnya.

2.4.3. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| Hartanah, loji dan peralatan | Kadar tahunan |
|---|---|
| Tanah pajakan | tempoh pajakan (60 - 99 tahun) |
| Bangunan | 2%–5% |
| Lengkapan dan Lekapan | 5% |
| Kenderaan | 12.5% |
| Jentera berat | 12.5% |
| Jentera ringan | 20% |
| Alatan pejabat | 10% |
| Alat pembersihan | 20% |
| Alat perhiasan | 10% |
| Perabut rumah | 10% |
| Infrastruktur - Jalan dan Hentian Bas | 5% |
| Infrastruktur - Jambatan | 2% |

2.4.4. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5. Hartanah Pelaburan

2.5.1. Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

2.5.2. Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.5.3. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

2.5.4. Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut bermula pada tahun semasa terimaan aset berkenaan sekiranya diperolehi pada atau sebelum bulan Jun tahun semasa. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.5.5. Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6. Aset Tak Ketara

2.6.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.6.2. Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.6.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.6.4. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 10 tahun.

2.6.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.6.6. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.7. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan ini akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap *(Certificate of Practical Completion)* dikeluarkan dan disusutnilaikan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan disusutnilaikan.

2.8. Inventori

Majlis mempunyai inventori iatu bekalan dan bahan ganti yang dipegang pada nilai tidak melebihi RM1,000,000. Inventori ini diiktiraf sebagai belanja (apabila transaksi berlaku) dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.9. Aset Kewangan

2.9.1. Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.9.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.9.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.9.4. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.9.5. Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) pembayaran tertunggak;

(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.10. Peruntukan dan Liabiliti

2.10.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.11. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.11.1. Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.11.2. Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.12. Liabiliti Kewangan

2.12.1. Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.12.2. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.12.3. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.12.4. Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.13. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Lain-Lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer.

2.14. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.15. Manfaat Pekerja

2.15.1. Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus, dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.15.2. Manfaat selepas perkhidmatan

Pelan Caruman Wajib

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Pelan Manfaat Persaraan

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

Majlis hanya mengambilkira peruntukan gantian cuti rehat bagi kakitangannya yang akan bersara sekurang-kurangnya 3 tahun daripada tempoh kewangan berakhir di mana ia dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 X Gaji akhir yang diterima X jumlah hari cuti rehat yang dikumpulkan (tertakluk kepada had maksimum 150 hari)

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh pekhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

[17.5% - 12% (caruman KWSP majikan) X gaji pokok terakhir X jumlah bulan perkhidmatan] (-) faedah syer ke atas caruman KWSP majikan.

2.16. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.16.1. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.16.2. Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta-merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.17. Percukaian

2.17.1. Majlis Daerah Tampin adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.18. Cukai Barang dan Perkhidmatan (CJP)

Majlis tidak mengenakan sebarang cukai perkhidmatan ke atas hasil yang dikenakan.

2.19. Maklumat Bajet

2.19.1. Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.19.2. Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Majlis sahaja. Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Penuh Majlis dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

2.20. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.20.1. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.20.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Kerugian Rosotnilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan hartanah pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.21. Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.22. Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli Majlis.

2.23. Pajakan

Pajakan kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

Pajakan operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.24. Kos Kewangan

Semua kos kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh ia terlibat.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Tanah | Bangunan | Lengkapan dan Lekapan | Jentera Berat | Kenderaan | Jentera Ringan | Perabot dan Alat Pejabat | Alat-Alat Pembersihan | Perabot Rumah | Alat Perhiasan | Aset Infrastruktur | Jumlah Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2019 | 1,081,464 | 13,090,533 | 2,163,739 | 843,995 | 2,049,631 | 289,432 | 2,010,116 | — | 71,211 | 563,640 | 255,751,523 | 277,915,284 |
| Tambahan dalam tahun | — | 567,709 | — | 94,500 | — | 11,000 | 62,730 | — | — | — | 80,000 | 815,939 |
| Pelupusan | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelarasan bagi tahun sebelum | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelarasan MPSAS | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Kos Pada 31 Disember 2019 | 1,081,464 | 13,658,242 | 2,163,739 | 938,495 | 2,049,631 | 300,432 | 2,072,846 | — | 71,211 | 563,640 | 255,831,523 | 278,731,223 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | 348,080 | 7,521,979 | 326,330 | 843,987 | 1,846,656 | 289,425 | 1,360,927 | — | 61,809 | 395,696 | 12,943,742 | 25,938,631 |
| Susutnilai tahun semasa | 12,638 | 564,081 | 107,690 | — | 63,147 | 2,200 | 104,087 | — | 1,565 | 19,098 | 12,716,488 | 13,590,994 |
| Pelupusan | — | — | — | — | (1) | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelarasan | 1,996 | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — | 1,995 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember2019 | 362,714 | 8,086,060 | 434,020 | 843,987 | 1,909,802 | 291,625 | 1,465,014 | — | 63,374 | 414,794 | 25,660,230 | 39,531,620 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 733,384 | 5,568,554 | 1,837,409 | 8 | 202,975 | 7 | 649,189 | — | 9,402 | 167,944 | 242,807,781 | 251,976,653 |
| Pada 31 Disember 2019 | 718,750 | 5,572,182 | 1,729,719 | 94,508 | 139,829 | 8,807 | 607,832 | — | 7,837 | 148,846 | 230,171,293 | 239,199,603 |

| | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KOS | | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 1,081,464 | 13,143,580 | 2,050,239 | 843,995 | 2,175,685 | 346,608 | 2,491,711 | 2,480 | 95,569 | 593,720 | — | 22,825,051 |
| Tambahan dalam tahun | — | 334,185 | 122,150 | — | 52,850 | — | 72,970 | — | — | — | 60,000 | 642,155 |
| Pindahan dari kerja dalam kemajuan | — | — | — | — | (35,667) | — | (9,988) | — | — | — | — | (45,655) |
| Pelupusan | — | (387,232) | (8,650) | — | (143,237) | (57,176) | (544,577) | (2,480) | (24,358) | (30,080) | 369,154 | (828,636) |
| Pelarasan bagi tahun sebelum | — | — | — | — | — | — | — | — | — | — | 255,322,369 | 255,322,369 |
| Kos Pada 31 Disember 2018 | 1,081,464 | 13,090,533 | 2,163,739 | 843,995 | 2,049,631 | 289,432 | 2,010,116 | — | 71,211 | 563,640 | 255,751,523 | 277,915,284 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 335,555 | 7,521,753 | 220,171 | 843,988 | 1,905,358 | 346,359 | 1,640,324 | 2,478 | 84,568 | 394,300 | — | 12,898,854 |
| Susutnilai tahun semasa | 12,527 | 635,180 | 108,187 | — | 120,195 | — | 103,407 | — | 1,565 | 19,100 | 12,716,766 | 13,714,927 |
| Pelupusan | — | — | — | — | (35,665) | — | (9,985) | — | — | — | — | (45,650) |
| Pelarasan | (2) | (238,954) | (2,028) | (1) | (142,232) | (56,934) | (372,819) | (2,478) | (24,324) | (17,704) | 228,976 | (629,500) |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 348,080 | 7,521,979 | 326,330 | 843,987 | 1,846,656 | 289,425 | 1,360,927 | — | 61,809 | 395,696 | 12,943,742 | 25,938,631 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2017 | 745,909 | 6,017,827 | 1,830,068 | 7 | 270,327 | 249 | 851,387 | 2 | 11,001 | 199,420 | — | 9,926,197 |
| Pada 31 Disember 2018 | 733,384 | 5,568,554 | 1,837,409 | 8 | 202,975 | 7 | 649,189 | — | 9,402 | 167,846 | 242,807,781 | 251,976,653 |

4. HARTANAH PELABURAN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Tanah dan Bangunan | | |
| Kos | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 24,170,348 | 23,723,064 |
| Tambahan | 1,594,625 | 582,580 |
| Pelarasan | — | (135,296) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 25,764,973 | 24,170,348 |
| Pelunasan Terkumpul | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 10,600,270 | 9,660,653 |
| Tambahan | 1,056,653 | 1,034,773 |
| Pelarasan | — | (95,156) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 11,656,923 | 10,600,270 |
| Nilai Buku Bersih | 14,108,050 | 13,570,078 |

5. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | | |
|---|---|---|
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima: | | |
| Akaun belum terima cukai taksiran | 3,368,769 | 3,561,177 |
| Tolak: | | |
| Peruntukan hutang ragu | (1,140,336) | (1,199,421) |
| | 2,228,433 | 2,361,756 |

6. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | | |
|---|---|---|
| Urusniaga pertukaran belum terima: | | |
| Akaun belum terima sewaan | 143,603 | 480,813 |
| Tolak: | | |
| Peruntukan hutang ragu | (20,844) | (96,601) |
| | 122,759 | 384,212 |

7. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Siberhutang GST (Sewaan) | 1,311 | 6,802 |
| Jabatan Kastam Diraja Malaysia (GST) | 344,648 | 344,648 |
| Faedah atas simpanan tetap terakru | 148,858 | 125,996 |
| Pinjaman komputer | 14,250 | 14,412 |
| Pendahuluan kakitangan | 1,017 | 790 |
| Cek Hasil Terbatal | 2,343 | 7,357 |
| | 512,427 | 500,005 |

8. SIMPANAN TETAP

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| AmBank Tampin | 2,302,014 | 2,219,794 |
| Bank Rakyat Tampin | 2,059,716 | 2,044,565 |
| Bank Islam Tampin | 2,119,058 | 1,033,804 |
| BSN Tampin | 677,813 | 675,204 |
| Public Bank Tampin | 500,000 | 1,000,000 |
| Affin Bank Gemas | 360,488 | 346,457 |
| Public Bank Gemas | 148,627 | 143,809 |
| Maybank Tampin | 132,100 | 127,818 |
| Maybank Gemenceh | 100,000 | 100,000 |
| Bank Rakyat Gemas | 269,882 | 259,552 |
| Bank Muamalat Gemas | 374,928 | 361,900 |
| | 9,044,626 | 8,312,903 |

9. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

| | | |
|---|---|---|
| Tunai di tangan | 2,000 | 2,000 |
| Wang di bank | 4,894,348 | 4,894,348 |
| | 4,814,698 | 4,896,348 |

10. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun | 1,054,528 | 112,885 |
| Tambahan | 204,520 | 1,095,259 |
| Penggunaan | (60,785) | (153,616) |
| Baki pada Akhir Tahun | 1,198,263 | 1,054,528 |

Peruntukan manfaat kakitangan dianalisa seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Kurang daripada 12 bulan | 58,722 | 42,180 |
| Lebih daripada 12 bulan | 1,139,263 | 1,012,348 |
| | 1,198,263 | 1,054,528 |

11. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Pelbagai akaun belum bayar (Nota a) | 3,907,223 | 2,866,299 |
| Pelbagai terimaan terdahulu | 145,981 | 148,276 |
| Deposit | 3,221,576 | 3,404,277 |
| Wang amanah projek-projek Kerajaan | 2,102,544 | 1,822,991 |
| | 9,377,324 | 8,241,843 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| (a) Pelbagai akaun belum bayar terdiri daripada: | | |
| Akaun Penyelesaian Cek Terbatal | 5,619 | 36,157 |
| Akaun Kenabayar | 731,672 | 427,659 |
| GST Output | 159,049 | 159,049 |
| Lain-Lain Sipiutang | 11,649 | 126,075 |
| Si Piutang Sw Corp | 2,999,234 | 2,117,359 |
| | 3,907,223 | 2,866,299 |

12. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | | |
|---|---|---|
| Cukai taksiran | 5,700,538 | 5,728,716 |
| Caruman membantu kadar | | |
| Kerajaan Persekutuan | 731,282 | 728,602 |
| Kerajaan Negeri | 113,517 | 113,517 |
| Swasta | 88,349 | 16,050 |
| | 933,148 | 858,169 |
| Lesen, bayaran pendaftaran dan permit | | |
| Lesen Penjaja | 2,461 | 1,681 |
| Lesen Kedai Makanan/Restoran | 89,368 | 92,868 |
| Lesen Pasar | 14,394 | 14,704 |
| Lesen Bengkel Kereta/Motor | — | — |
| Lesen Salon Kecantikan/Kedai Gunting | 22,435 | 24,125 |
| Lesen Trade/Industri Dll Niaga | 987,861 | 649,632 |
| Lesen Pengiklanan/Kenyataan | 154,807 | 145,904 |
| Lesen Pasar Malam | 343 | 468 |
| Lesen Sementara | 66,340 | 32,312 |
| Lesen Tempat Hiburan | 23,551 | 25,579 |
| Lesen Pasar/Bazar Ramadhan | — | 21,540 |
| Lesen Pelbagai | 30,076 | 31,094 |
| Lesen Gerai Tepi Jalan | 84,656 | 85,723 |
| Permit Kaki Lima | 95,208 | 77,428 |
| | 1,571,500 | 1,203,068 |
| Notis dan denda | | |
| Notis Dan Kompaun | 100,110 | 70,360 |
| Denda Pelan Bangunan | 31,976 | 111,974 |
| Denda Cukai Taksiran | 15,538 | 36,310 |
| Notis Taksiran | 106,484 | 113,297 |
| Waran Tahanan | — | — |
| Denda Lewat Pembayaran Lesen | 25,095 | 8,109 |
| Denda Kebenaran Merancang | 15,000 | 21,250 |
| Surcaj Tempat Letak Kereta | 71,005 | 61,265 |
| | 365,208 | 422,565 |
| Sumbangan Kerajaan dan Awam | | |
| Geran Tahunan | 1,382,672 | 1,382,672 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pemberian senggaraan jalan (MARIS) | 8,316,677 | 3,891,956 |
| Pemberian Kerajaan Persekutuan | 2,320,435 | 3,637,484 |
| Pemberian Kerajaan Negeri | 2,622,152 | 184,835 |
| Lembaga Pengelola SJK(T) Tmn. Regent | 500,000 | — |
| | 15,141,936 | 9,096,947 |
| | 23,712,330 | 17,309,465 |

13. URUSNIAGA PERTUKARAN

| | | |
|---|---|---|
| Sewaan | 544,392 | 703,553 |
| Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan | 620,825 | 770,079 |
| Faedah | 370,664 | 352,190 |
| Perolehan dari jualan barang | 203,204 | 135,624 |
| Pelbagai bayaran balik | 2,347 | 3,075 |
| Lain-lain pendapatan | 266,949 | 194,013 |
| | 2,008,381 | 2,158,534 |

14. PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP

| | | |
|---|---|---|
| Penginapan | 16,060 | 8,349 |
| Elaun Perjalanan, Bayaran Tambang Bas & Teksi | 10,056 | 10,007 |
| Elaun Harian | 2,100 | 875 |
| Elaun Perjalanan Ahli Majlis | 37,564 | 18,666 |
| Bayaran-Bayaran Lain | 41,228 | 15,384 |
| | 107,008 | 53,281 |

15. UTILITI

| | | |
|---|---|---|
| Elektrik | 1,611,379 | 1,499,840 |
| Air | 91,322 | 149,584 |
| Telefon | 89,154 | 75,981 |
| Pos | 32,040 | 30,030 |
| Pembentungan | 7,618 | 6,611 |
| | 1,831,513 | 1,762,046 |

16. SEWAAN

| | | |
|---|---|---|
| Pelbagai Sewaan | 39,740 | 20,561 |
| | 39,740 | 20,561 |

17. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN

| | | |
|---|---|---|
| Bekalan pejabat | 258,264 | 219,453 |
| Bekalan Petrol | 111,232 | 88,148 |
| Bekalan tenunan dan barang-barang pakaian | 55,913 | 66,071 |
| Bekalan am | 58,467 | 69,305 |
| | 483,876 | 442,977 |

18. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Penyelenggaraan kemudahan | 11,560 | 12,331.00 |
| Penyelenggaraan bangunan termasuk lif dan alat keselamatan | — | (10,301) |
| Penyelenggaraan alat kelengkapan pejabat, perabot dan kelengkapan | 3,503 | 7,460.00 |
| Penyelenggaraan kenderaan dan jentera | 59,733 | 65,623.00 |
| Penyelenggaraan alat kelengkapan elektrik | 44,766 | 47,756.00 |
| | 119,562 | 122,869 |

19. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan yang dibeli (Nota a) | 2,748,368 | 2,444,420 |
| Bayaran kepada pekerja sementara dan sambilan | 1,193,383 | 1,182,658 |
| Keraian, hospitaliti dan honorarium | 39,854 | 39,957 |
| | 3,981,623 | 3,667,035 |

(a) Perkhidmatan yang dibeli terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan yang lain | 2,492,859 | 2,327,283 |
| Perkhidmatan perubatan | 187,242 | 35,036 |
| Perkhidmatan latihan kakitangan | 22,218 | 12,640 |
| Perkhidmatan pengiklanan | 2,171 | 3,812 |
| Perkhidmatan perundangan | 2,862 | 17,949 |
| Perkhidmatan perakaunan dan auditan | 12,084 | 11,400 |
| Perkhidmatan penjagaan tandas awam | 28,950 | 36,300 |
| | 2,748,386 | 2,444,420 |

20. TUNTUTAN INSURANS DAN PAMPASAN

| | | |
|---|---|---|
| Individu | — | 180 |
| | — | 180 |

21. PELBAGAI PERBELANJAAN YANG TIDAK DIJENISKAN

| | | |
|---|---|---|
| Cukai, cukai tanah dan duti setem | 20,886 | 20,885 |
| Caj Bank | 9,284 | 7,416 |
| Kerugian atas pelupusan aset | — | 3 |
| | 30,170 | 28,304 |

22. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Peruntukan Majlis

| | | |
|---|---|---|
| Membina dan menaik taraf parit dan longkang | 20,000 | 70,000 |
| Membina dan menaik taraf taman permainan kanak-kanak | — | 20,000 |
| Membina dan menaik taraf jalan dan lorong-lorong belakang | — | 60,000 |
| Membina dan membaiki gerai dalam kawasan Majlis | — | 20,000 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Membina dan menaiktaraf taman awam dan kemudahan awam | 20,000 | — |
| Membina dan membaiki bangunan-bangunan Majlis | 40,000 | — |
| Peruntukan Kerajaan Negeri | | |
| SUK | 2,060,000 | 434,076 |
| MARIS | 8,316,677 | 3,891,955 |
| Peruntukan Kerajaan Persekutuan | | |
| Projek Baru (BP.1) | 179,010 | 1,157,791 |
| Program Rakan Taman | — | 15,000 |
| Peruntukan Lain-lain | | |
| Lembaga Pengelola SJK(T) Tmn. Regent | 500,000 | — |
| | 11,135,687 | 5,668,822 |

23. HUTANG RAGU

| | | |
|---|---|---|
| Hutang ragu cukai Taksiran | (59,085) | 29,228 |
| Hutang ragu Sewaan | (75,756) | (165,157) |
| | (134,841) | (135,929) |

24. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 24 | 24 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Jumlah ganjaran | 220,836 | 160,554 |

25. PELARASAN TAHUN LALU DALAM KUMPULAN WANG MAJLIS

1) Pelarasan nilai aset yang direkod bersama belanja GST pada 2017

| | | |
|---|---|---|
| (i) Gerai di Sungai Kelamah Gemas | — | (1,128) |
| (ii) Dewan Gemenceh | — | (22,540) |
| (iii) Pusat Penjaja di Taman Indah, Tampin | — | (5,628) |
| (iv) Pondok menunggu bus hadapan Bomba Tampin | — | (1,128) |
| (v) Menaiktaraf Hutan Rekreasi Gunung Tampin | — | (7,324) |
| (vi) Membekal dan memasang skrin LED di Arena Tampin | — | (11,160) |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| 2) Pelarasan Aset bernilai RM2,000 ke bawah | — | (179,887) |
| 3) Terimaan 8 lot tanah | — | 8 |
| 4) Pelarasan aset yang lupus sebelum tahun semasa | — | (7) |
| 5) Pelarasan susutnilai bagi tahun 2017 untuk menaiktaraf Hutan Rekreasi Gunung Tampin | — | 366 |
| 6) Pelarasan susutnilai bagi tahun 2017 untuk Gerai Kg. Pondoi | — | (12,306) |
| 7) Pelarasan susutnilai bagi tahun 2017 untuk Gerai Sg. Kelamah, Dewan Gemenceh dan Pusat Penjaja Taman Indah | — | 1,465 |
| 8) Pelarasan susutnilai bagi tahun 2001 hingga 2018 untuk tanah pajakan HS(D) 12971 Kg. Benggali, Gemas | (1,996) | — |
| 9) Pelarasan susutnilai 2 unit motosikal Modenas Kriss (NBR 1446 dan NBR 1447) terlebih rekod bagi tahun 2018 | 1 | — |
| | (1,995) | (239,269) |

26. KESAN PEMAKAIAN MPSAS

| | | |
|---|---|---|
| 1) Pengiktirafan Aset Jalan Raya | — | 253,035,553 |
| 2) Pengiktirafan Aset Jambatan | — | 2,286,816 |
| | — | 255,322,369 |

**No. 362.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH KUALA PILAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 34, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standands of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Kuala Pilah dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standands of Supreme Audit Institutions*.

Perkara Audit Utama

Perkara Audit Utama adalah perkara berdasarkan penilaian profesional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai Perkara Audit Utama dalam menyatakan pendapat saya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Penyata Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Daerah Kuala Pilah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Kuala Pilah untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesualan untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Kuala Pilah.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Kuala Pilah sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah memberi gambaran yang saksama.

(f) Saya menentukan perkara paling signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah tahun kewangan semasa sebagai perkara audit utama melalui komunikasi dengan Ahli Majlis. Saya menerangkan perkara ini di dalam Sijil Juruaudit melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam atau dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, saya menentukan bahawa perkara ini tidak boleh dinyatakan dalam Sijil Juruaudit kerana kesan buruk pendedahan tersebut secara munasabah dijangka akan melebihi faedah kepentingan awam.

Hal-hal lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Bertarikh 15 September 2020

SHAMSUL BIN SHAMDIN
*b.p. Ketua Audit Negara*

LAPORAN JURUAUDIT SWASTA KEPADA KETUA AUDIT NEGARA
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah telah diaudit oleh kami yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 33.

Pada pendapat kami, selain daripada kesan yang dinyatakan di perenggan Asas Pendapat di bawah, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Pekeliling Perbendaharaan dan Akta Kerajaan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian dijelaskan dengan lebih terperinci di dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata, Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian sebagai asas pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Majlis Daerah Kuala Pilah serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan Undang-Undang Kecil (Etika Profesional. Kelakuan dan Amalan) dalam Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan Profesional (termasuk *International Independence Standards*) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Anggota Majlis Daerah Kuala Pilah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat kami terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis, Ahli Anggota Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleb dijangka dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan profesional skeptisisme sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan Majlis, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas kepada pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.

- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabah anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Anggota Majlis.

- Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat kami akan diubah. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

- Menilai sama ada keseluruhan persembaban termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis memberi gambaran yang saksama.

Kami telah berkomunikasi dengan Ahli Anggota Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Kawal Selia Yang Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), kami turut melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.

Hal-hal lain

Laporan ini dibuat untuk ahli-ahli Majlis, sebagai satu badan, selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Pihak kami tidak bertanggungjawab terhadap pihak-pihak lain bagi kandungan laporan ini.

BANDAR BARU BANGI
Bertarikh 21 Ogos 2020

ADAM & CO.
*AF 1250*
*Akauntan Bertauliah*

MOHAMAD FAIZAL BIN ABDUL FATAH
*03375/06/2022 (J)*
*Akauntan Bertauliah*

MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

MAKLUMAT MAJLIS

| | | |
|---|---|---|
| YANG DIPERTUA | : | TUAN MOHD FAIZAL BIN ABDUL MANAP |
| PENOLONG PEGAWAI UNDANG-UNDANG | : | EN. MOHD EFFANDY BIN SAIDIN |
| AKAUNTAN | : | PUAN NOR AEZREEN BINTI ABDUL AZIZ |
| PEJABAT BERDAFTAR | : | MAJLIS DAERAH KUALA PILAH<br>72000 KUALA PILAH<br>NEGERI SEMBILAN |
| BANK-BANK | : | Bank Islam Malaysia Berhad |
| | : | CIMB Bank Berhad |
| | : | Bank Simpanan Nasional Berhad |
| | : | Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad |

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Mohd Faizal bin Abdul Manap, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Kuala Pilah, dengan seikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 yang berikut ini beserta nota-nota yang di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya bahawa ia adalah benar mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
penama yang tersebut di atas
di Kuala Pilah, Negeri Sembilan
pada 9 Julai 2020 }

MOHD FAIZAL BIN ABDUL MANAP
Dihadapan saya,
NUR AFIQAH BINTI AB. AZIZ
*Pesuruhjaya Sumpah*

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Zaifuddin bin Alias dan Lee Cheng Chit, yang merupakan dua daripada Ahli-Ahli Majlis Daerah Kuala Pilah, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini serta nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-Ahli Majlis,

ZAIFUDDIN BIN ALIAS
*Ahli Majlis*
*Majlis Daerah Kuala Pilah*

Bertarikh 9 Julai 2020

LEE CHENG CHIT
*Ahli Majlis*
*Majlis Daerah Kuala Pilah*

Bertarikh 9 Julai 2020

MAJLIS DAERAH KUALA PILAH
72000 KUALA PILAH
NEGERI SEMBILAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| ASET SEMASA | | |
| Wang di Bank dan di tangan (Nota 3) | 230,639 | 2,824,393 |
| Simpanan Tetap (Nota 4) | 2,026,166 | 2,826,827 |
| Pelaburan Lain Jangka Pendek (Nota 5) | 2,542,402 | — |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 5) | 1,557,425 | 1,727,386 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima (Nota 7) | 489,853 | 333,726 |
| JUMLAH ASET SEMASA | 6,846,485 | 7,712,332 |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah, loji dan Peralatan (Nota 10) | 125,173,560 | 131,831,456 |
| Hartanah Pelaburan (Nota 8) | 7,655,003 | 8,014,336 |
| Aset Tak Ketara (Nota 9) | 4,773 | 6,453 |
| JUMLAH ASET BUKAN SEMASA | 132,833,336 | 139,852,245 |
| JUMLAH ASET | 139,679,821 | 147,564,577 |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Urusniaga Pertukaran Belum Bayar (Nota 11) | 9,178,936 | 9,007,750 |
| Pinjaman sewa Beli (Nota 12) | 42,960 | — |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Bayar (Nota 13) | 75,359 | 73,741 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 14) | 71,433 | 2,963 |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA | 9,368,688 | 9,084,454 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Pinjaman Sewa Beli (Nota 12) | 168,110 | — |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 14) | 615,084 | 573,588 |
| Geran Tertunda (Nota 15) | 2,296,795 | 5,938,098 |
| JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA | 3,079,989 | 6,511,686 |
| JUMLAH LIABILITI | 12,448,677 | 15,596,140 |
| ASET BERSIH | 127,231,144 | 13,968,437 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 127,231,144 | 131,968,437 |
| JUMLAH ASET BERSIH | 127,231,144 | 131,968,437 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| HASIL | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran (Nota 17) | 16,534,452 | 12,422,821 |
| Urusniaga Pertukaran (Nota 18) | 1,790,284 | 1,635,896 |
| JUMLAH HASIL | 18,324,736 | 14,058,717 |
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen (Nota 19) | 6,202,584 | 5,523,239 |
| Perkhidmatan Dan Bekalan | | |
| Perjalanan dan sarahidup | 34,240 | 15,917 |
| Pengangkutan barang-barang | 2,584 | 2,155 |
| Perhubungan dan utiliti | 1,104,668 | 1,123,975 |
| Sewaan | 29,440 | 36,597 |
| Bekalan bahan-bahan mentah | 161,034 | 191,906 |
| Bekalan bahan-bahan lain | 282,359 | 279,628 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan yang dibeli | 121,183 | 62,720 |
| Perkhidmatan ikhtisas, hospitaliti dan lain-lain yang dibeli | 3,394,603 | 3,572,769 |
| | 5,130,111 | 5,285,667 |
| Pemberian dan kenaan bayaran tetap | | |
| Pemberian Dalam Negeri | 51,302 | 34,305 |
| Ganjaran | 17,466 | 12,069 |
| Ganjaran cuti rehat | 95,479 | 544,483 |
| | 164,247 | 590,857 |

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | | |
| Pulangbalik dan hapuskira | 860 | 541 |
| Bayaran-bayaran lain | 55,348 | 42,433 |
| Perbelanjaan pembangunan (Nota 20) | 7,493,163 | 4,844,932 |
| Hutang ragu/lapuk | 320,419 | 11,718 |
| Rugi atas pelupusan | 21,300 | — |
| | 7,891,090 | 4,899,624 |
| Susut nilai dan Pelunasan | 7,556,680 | 71,561,920 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 26,944,712 | 23,861,307 |
| KURANGAN BERSIH BAGI TAHUN | (8,619,976) | (9,802,590) |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Aliran Tunai dari Aktiviti Operasi | | |
| Kurangan Bersih bagi Tahun | (8,619,976) | (9,802,590) |
| Pergerakan buku tunai: | | |
| Susutnilai dan pelunasan | 7,556,680 | 7,591,920 |
| Lebih laras Susut Nilai Terkumpul Hartanah Pelaburan | (132,742) | — |
| Kerugian pelupusan aset | 21,300 | — |
| Tambahan dalam peruntukan hutang ragu | 320,419 | — |
| Tambahan peruntukan manfaat kakitangan | 109,966 | 550,871 |
| (Pengurangan)/Tambahan pelunasan geran tertunda | (3,641,303) | 290,438 |
| Pulangan sumbangan kerajaan | — | 200 |
| Pelupusan hartanah, loji dan peralatan | — | 1 |
| Penerimaan faedah atas pelaburan jangka pendek | (33,963) | — |
| Tambahan belum terima | (315,739) | (465,670) |
| Tambahan belum bayar | 172,804 | 2,400,194 |
| Pelarasan | 3,882,683 | (232,763) |
| Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi | (679,871) | 332,601 |
| Aliran Tunai dari Aktiviti Pelaburan | | |
| Belian hartanah, loji dan peralatan (Nota 10) | (427,029) | (365,548) |
| Belian aset tak ketara (Nota 9) | — | (5,900) |
| Tunai pelupusan aset | 700 | 3,000 |
| Penerimaan faedah atas pelaburan jangka pendek | 33,963 | — |
| Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pelaburan | (392,366) | (368,448) |
| Aliran Tunai dari Aktiviti Pembiayaan | | |
| Terimaan daripada pinjaman | 9,154 | 5,591 |
| Pembiayaan Sewabeli | 214,800 | — |
| Bayaran balik Sewabeli | (3,730) | — |
| Aliran Tunai Bersih daripada Aktiviti Pembiayaan | 220,224 | 5,591 |

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Kurangan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai | (852,013) | (30,256) |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Awal Tahun | 5,651,220 | 5,681,476 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Akhir Tahun | 4,799,207 | 5,651,220 |
| Analisa Tunai dan Kesetaraan Tunai | | |
| Simpanan Tetap | 2,026,166 | 2,826,827 |
| Pelaburan Lain Jangka Pendek | 2,542,402 | — |
| Tunai ditangan dan dibank | 230,639 | 2,824,393 |
| | 4,799,207 | 5,651,220 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | Kumpulan Wang Majlis<br>RM | Jumlah Aset Bersih<br>RM |
|---|---|---|
| Baki Pada 1 Januari 2018 | 2,755,939 | 2,755,939 |
| Kurangan Bersih Bagi Tahun | (9,802,590) | (9,802,590) |
| Pelarasan 2018 | 232,763 | 232,763 |
| Rizab Penilaian semula Hartanah | 2,576,139 | 2,576,139 |
| Kesan Pemakaian MPSAS | 136,206,186 | 136,206,186 |
| Baki Pada 31 Disember 2018 | 131,968,437 | 131,968,437 |
| Kurangan Bersih Bagi Tahun | (8,619,976) | (8,619,976) |
| Pelarasan 2019 (Nota 16) | 3,882,683 | 3,882,683 |
| Baki Pada 31 Disember 2019 | 127,231,144 | 127,231,144 |

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | Jumlah Bajet Asal<br>RM | Jumlah Bajet Akhir<br>RM | Jumlah Sebenar<br>RM | ^Varian Bajet<br>RM | ^Varian Asal Bajet<br>% |
|---|---|---|---|---|---|
| PENERIMAAN | | | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | 10,389,000 | 10,389,000 | 9,287,266 | 1,101,734 | 10.60 |
| Urusniaga pertukaran | 1,618,400 | 1,618,400 | 1,737,769 | (119,369) | (7.38) |
| | 12,007,400 | 12,007,400 | 11,025,035 | 982,365 | 3.22 |

| | Jumlah Bajet Asal | Jumlah Bajet Akhir | Jumlah Sebenar | ^Varian Bajet | ^Varian Asal Bajet |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | % |
| PEMBAYARAN | | | | | |
| Emolumen | 5,637,495 | 5,637,495 | 5,992,172 | (354,677) | (6.29) |
| Perkhidmtan dan Bekalan | 5,534,839 | 5,534,839 | 5,403,000 | 131,839 | 2.38 |
| Pemilikan Harta Modal | 184,536 | 184,536 | 56,633 | 127,903 | 69.31 |
| Pemberiaan dan Kenaan Bayaran tetap | 59,030 | 59,030 | 54,281 | 4,749 | 8.05 |
| Perbelanjaan lain-lain | 91,500 | 91,500 | 56,208 | 35,292 | 38.57 |
| PEMBAYARAN BERSIH | 11,507,400 | 11,507,400 | 11,562,294 | (54,894) | (0.48) |
| Pembayaran Pembangunan | 500,000 | 500,000 | 361,364 | 138,636 | 27.73 |
| PEMBAYARAN PEMBANGUNAN | 500,000 | 500,000 | 361,364 | 138,636 | 27.73 |

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

PENJELASAN BAGI VARIAN MELEBIHI 20%

1. Pemilikan harta modal:

1.1 Pihak pengurusan membuat pembayaran 10% deposit untuk 3 unit kenderaan walaubagaimanapun hanya Proton SUV X70 sahaja yang telah dibuat bayar ansuran bulanan sebanyak RM2,083,00 bermula bulan November 2019, manakala 1 lagi kenderaan Lori Skylift belum diterima dari pembekal dalam tahun 2019.

1.2 Selain daripada itu pihak MDKP juga memberi keutamaan kepada pembelian Aset yang boleh meningkatkan kecekapan perkhidmatan kepada orang Awam.

2. Perbelanjaan lain-lain:

2.1 Bayaran insurans berkelompok kepada kakitangan yang telah divotkan tidak dibelanjakan kerana tiada syarikat yang berjaya dilantik dalam tahun 2019.

3. Perbelanjaan Pembangunan

3.1 Peruntukan Pembangunan yang telah diluluskan tidak dibelanjakan kerana Aliran Tunai tidak mengizinkan dan peruntukan ini hanya digunakan bagi aduan-aduan awam serta kecemasan.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Daerah Kuala Pilah.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2 Penyata Kewangan ini telah disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Pekeliling Perbendaharaan.

2.1.2 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

2.1.3 Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

2.1.4 Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2 PENGIKTIRAFAN HASIL

2.2.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomf masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diikfiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecualian setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan ketika bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai setiap tahun.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbagan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, iklan dan lain-lain.

Hasil bagi lesen, bayaran pendaftaran dan permit diiktiraf sebagai hasil setelah Majlis menerima bayaran kerana ketidakpastian sama ada pelesen mahu meneruskan perniagaan setelah tamat tempoh lesen.

(iv) Denda dan hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk notis cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi Denda dan Hukuman diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti Geran Tahunan Berasas Kaedah Keseimbangan (GTBKK) diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, fi kebenaran merancang, bayaran pelan bangunan dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Hasil sewa diiktiraf apabila hasil perkhidmatan itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan

(iii) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif ke atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(iv) Perolehan dari jualan barang-barang

Perolehan dari jualan barang-barang merupakan terimaan daripada jualan borang, sebutharga dan tender, jualan patil lesen dan jualan harta benda fizikal dan lain-lain

2.3 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang tidak lebih 12 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.4 ROSOT NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

2.4.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemorosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga, pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemorosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.4.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggl di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilail dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset. Kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihl nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2.5.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000 setiap satu.

2.5.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantikan secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.5.3 Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.5.4 Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.6 HARTANAH PELABURAN

2.6.1 Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya.

2.6.2 Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran adalah diiktiraf ada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.6.3 Caj susutnilai akan diiktiraf didalam penyata prestasi kewangan.

2.6.4 Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih di dalam penyata prestasi kewangan.

2.7 SUSUTNILAI

2.7.1 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul.

2.7.2 Tanah milikan bebas tidak disusutnilai. Tanah pajakan disusutnilai menurut tempoh pajakan. Susutnilai diperuntukkan ke atas kos hartanah, loji dan peralatan menurut Kaedah Garis Lurus secara tahunan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah pajakan | Tempoh pajakan (60-99 tahun) |
| Bangunan | 1%-5% |
| Aset Infrastruktur | 5% |
| Jentera berat | 12 1/2% |
| Jentera ringan | 20% |
| Alat pejabat | 10%-33.33% |
| Alat komputer dan elektronik | 20% |

2.7.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnitai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.8 ASET TAK KETARA

2.8.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.8.2 Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.8.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi pertu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.8.4 Perisian Komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun (20%).

2.8.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.8.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.8.7 Selepas pengiktirafan awal sesuatu aset, aset tersebut akan dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh manfaat masa depan yang dijangkakan. Di dalam tempoh pembangunan, aset diuji untuk rosot nilai dengan sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf serta merta dalam penyata prestasi kewangan.

2.9 KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos ini akan dipermudahkan sebagai hartanah, loji dan peralatan atau hartanah pelaburan apabila Sijil Perakaunan Siap (*Certificate of Practical Completion*) dan Sijil Perakaunan Penyiapan dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance*) dikeluarkan dan dilunaskan.

2.10 ASET KEWANGAN

2.10.1 Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.10.2 Pada Pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kawangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.10.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.10.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.10.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

i. Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

2.10.6 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) pembayaran tertunggak;

(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi Individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai bahawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Majlis telah menetapkan bahawa dalam mengiktiraf elaun rosot nilai Cukai Taksiran Am (Peruntukan Hutang Ragu) diambilkira ke atas tunggakan yang melebihi jumlah RM5,000.00 dan tempoh melebihi 48 bulan serta premis yang terbengkalai pembinaan atau usang dan roboh. Manakala bagi penghutang sewa (Peruntukan Hutang Ragu) elaun rosot nilai pula ditentukan berdasarkan tunggakan bernilai RM2,000.00 dan ke atas yang melebihi 12 bulan.

2.10.7 Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

Majlis menyahiktirafan aset kewangan belum terima sebagai hutang lapuk ke atas cukai taksiran am premis yang terbakar atau ditukar hakmilik mejadi harta kerajaan.

2.11 PERUNTUKAN DAN LIABILITI

2.11.1 Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

2.11.2 Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai mata wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

2.11 LIABILITI KEWANGAN

2.12.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrument.

2.12.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.12.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

2.12.4 Majlis hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

i. Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabilitli kewangan tersebut.

2.12.5 Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liablliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.13 MANFAAT PEKERJA

2.13.1 Manfaat Jangka Pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek adalah termasuk gaji pokok, elaun-elaun tetap, pelbagai cuti tahunan, kemudahan perubahan di Institusi Jantung Negara (IJN).

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk upah, gaji, bonus dan sumbangan caruman sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.13.2 Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun. Bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Bagi kakitangan tetap Majlis, samada memilih skim berpencen ataupun KWSP, akan mendapat Ganjaran Cuti Rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

Formula pengiraan Gantian Cuti Rehat adalah seperti berikut:

1/30 x Cuti Rehat Dikumpul (terhad kepada maksima 150 hari) x Gaji Akhir dan Imbuhan Tetap

Majlis juga membuat peruntukan ganjaran bagi pekerja kontrak yang diiktiraf sebagai akruan.

Formula pengiraan Bayaran Ganjaran Tamat Kontrak adalah seperti berikut:

17.5% - Caruman KWSP Majikan x Gaji Pokok Akhir x Jumlah Genap Perkhidmatan (-) Faedah atas Caruman Majikan

2.13.3 Pelan Sumbangan Terancang

Seperti diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

2.14 CUKAI

Majlis Daerah Kuala Pilah adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.15 CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)

2.15.1 Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan oleh Kerajaan Malaysia berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barangan dan perkhidmatan kepada Majlis adalah bermula 2016 seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran am dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%)

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/ perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output)

Pihak Kastam Bahagian GST, sehingga ke tarikh pelaporan ini disediakan, masih dalam peringkat mengaudit dan masih belum mengesahkan Cukai Input Majlis Daerah Kuala Pilah berkaitan tuntutan bayaran balik kredit cukai di bawah subseksyen 38(3) Akta Cukai Barangan dan perkhidmatan 2014.

(iii) Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan bahawa mulai 1 Jun 2018, kadar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 6% dimansuhkan.

2.16 MENGOFSET INSTRUMEN KEWANGAN

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.17 PIHAK BERKAITAN

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli majlis.

2.18 MAKLUMAN BAJET

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Majlis sahaja dan tidak mengambilkira bajet entiti yang dikawal kerana ia tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 12 Disember 2018.

2.19 PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

2.19.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.19.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Kerugian Rosot nilai bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.20 INSTRUMEN KEWANGAN – PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, entiti mengurangkan risiko kredit dengan berterusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif entiti adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Entiti hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi entiti bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa entiti akan menghadapai kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan entiti kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti entiti pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun RM | Lebih tempoh setahun RM |
|---|---|---|
| Pada 31 Disember 2019 | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar | 1,085,249 | 7,018,705 |
| Pada 31 Disember 2018 | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar | 1,313,495 | 6,737,697 |

Pengiraan dalam tempoh setahun mengambil kira dari nota 10 perkara akaun penyelesaian cek terbatal, pemiung lain, sipiutang wang jaminan perlaksanaan-tunai, belanja terakru dan peruntukan bayaran audit.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

2.21 PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

2.21.1 Kakitangan Penting Pihak Berkaitan

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuklah mana-mana pengarah entiti berkenaan. Ganjaran untuk pengarah dan lain-lain ahli penting pihak pengurusan untuk tahun berkenaan mengikut kategori adalah seperti berikut:

Ahli-Ahli Majlis

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| (i) Gaji dan Lain-lain Imbuhan | 190,740 | 131,142 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| (ii) Lain-lain manfaat kakitangan jangka pendek | 2,383 | — |
| | 193,123 | 131,142 |
| Lain–lain personel pengurusan penting: | | |
| (i) Lain-lain manfaat kakitangan jangka pendek | 3,000 | 1,750 |
| | 3,000 | 1,750 |

2.22 NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2019. Bajet asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan pada 12 Disember 2018 melalui surat SUKNS. 700-10/4/6 Klt. 3(19) bertarikh 8 Januari 2019.

Belanjawan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyatata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:

| | Operasi | Pelaburan RM | Pembiayaan | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar setanding seperti yang dikemukakan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | (304,731) | (56,633) | — | (361,364) |
| Perbezaan asas | 201,758 | — | — | 201,758 |
| Perbezaan masa | — | — | — | — |
| Perbezaan entiti | — | — | — | — |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | (102,973) | (56,633) | — | (159,606) |

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

3. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada : | | |
| Tunai di tangan | 1,000 | 1,000 |
| Wang di bank | 229,639 | 2,823,393 |
| | 230,639 | 2,824,393 |

4. SIMPANAN TETAP

| | KADAR | | |
|---|---|---|---|
| BANK KERJASAMA RAKYAT (M) BERHAD | 3.35% - 3.70% | 1,169,511 | 1,189,204 |
| AMBANK (M) BERHAD | 3.20% - 4.10% | — | 1,336,456 |
| MAYBANK BERHAD | 4.10% | — | 100,910 |
| BANK ISLAM (M) BERHAD | 3.10% - 3.45% | 856,655 | 200,257 |
| | | 2,026,166 | 2,826,827 |

5. PELABURAN LAIN JANGKA PENDEK

| | | |
|---|---|---|
| Instrumen pada nilai saksama: | | |
| Saham tersiarharga | 2,542,402 | — |

Lain-lain pelaburan dengan institusi kewangan berlesen Majlis mempunyai tempoh matang selama 1 tahun dan mempunyai kadar purata faedah 2.50-3.47% setahun.

6. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Penghutang cukai taksiran | 1,877,844 | 1,727,386 |
| Tolak: | | |
| Elaun Hutang Ragu | 320,419 | — |
| | 1,557,425 | 1,727,386 |

Laporan umuran penghutang dikategorikan seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 0 hingga 6 bulan | 70,456 | 64,777 |
| 6 hingga 12 bulan | 121,733 | 111,935 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| 12 hingga 18 bulan | 191,018 | 175,675 |
| 18 hingga 24 bulan | 76,012 | 69,959 |
| 24 hingga 30 bulan | 72,646 | 66,850 |
| 30 hingga 36 bulan | 95,008 | 87,406 |
| 36 hingga 42 bulan | 56,852 | 52,340 |
| 42 hingga 48 bulan | 61,605 | 56,658 |
| 48 bulan ke atas | 1,132,514 | 1,041,786 |
| | 1,877,844 | 1,727,386 |
| Dirosotnilai: | | |
| 48 bulan ke atas | 320,419 | — |
| | 1,557,425 | 1,727,386 |

Pergerakan elaun hutang ragu bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Baki awal | — | — |
| Elaun tahun semasa | 320,419 | — |
| Baki akhir | 320,419 | — |

7. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | | |
|---|---|---|
| Siberhutang sewaan | 73,196 | 62,765 |
| Siberhutang pinjaman kenderaan | 59,731 | 29,501 |
| Siberhutang lain | 269,134 | 156,134 |
| Faedah simpanan tetap terakru | 16,083 | 2,302 |
| Utiliti terdahulu | — | 2,976 |
| Pendahuluan pos | 3,000 | 3,000 |
| Deposit sewa | 2,800 | 2,800 |
| Deposit Tanah | 6,000 | 6,000 |
| Deposit Air | 3,000 | 3,000 |
| Jabatan Kastam Diraja Malaysia (GST) | 56,909 | 65,248 |
| | 489,853 | 333,726 |

8. HARTANAH PELABURAN

Tanah Dan Bangunan

Kos

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 13,928,380 | 11,352,241 |
| Penilaian semula | — | 2,576,139 |
| Baki pada akhir tahun | 13,928,380 | 13,928,380 |

Pelunasan Terkumpul

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 5,914,044 | 5,404,965 |
| Tambahan | 492,075 | 509,079 |
| Pelarasan | (132,742) | — |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki pada akhir tahun | 6,273,377 | 5,914,044 |
| Amaun Bawaan | 7,655,003 | 8,014,336 |

9. ASET TAK KETARA

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Perisian Komputer | | |
| Kos | | |
| Baki pada awal tahun | 59,900 | 54,000 |
| Tambahan | — | 5,900 |
| Baki pada akhir tahun | 59,900 | 59,900 |
| Pelunasan Terkumpul | | |
| Baki pada awal tahun | 53,447 | 50,898 |
| Tambahan | 1,680 | 2,549 |
| Baki pada akhir tahun | 55,127 | 53,447 |
| Nilai Buku Bersih | 4,773 | 6,453 |

10. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Tanah Milik Bebas | Tanah Pajakan | Bangunan | Aset Infra | Jentera Berat | Jentera Ringan | Alatan Pejabat | Alatan Komputer & Elektronik | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | 469,205 | 933,448 | 1,750,739 | 136,206,186 | 1,963,214 | 187,315 | 653,826 | 503,480 | 142,667,413 |
| Tambahan dalam tahun | — | — | — | 100,000 | 252,707 | 6,120 | 19,392 | 48,810 | 427,029 |
| Pelupusan | — | — | — | 20,000 | 12,000 | — | — | — | 32,000 |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2019 | 469,205 | 933,448 | 1,750,739 | 136,286,186 | 2,203,921 | 193,435 | 673,218 | 552,290 | 143,062,442 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | — | 83,807 | 1,029,288 | 6,810,309 | 1,717,780 | 158,910 | 592,369 | 443,494 | 10,835,957 |
| Susutnilai tahun semasa | — | 9,429 | 87,537 | 6,811,976 | 104,067 | 11,349 | 14,496 | 24,071 | 7,062,925 |
| Pelupusan | — | — | — | 1,000 | 9,000 | — | — | — | 10,000 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2019 | — | 93,236 | 1,116,825 | 13,621,285 | 1,812,847 | 170,259 | 606,865 | 467,565 | 17,888,882 |
| AMAUN BAWAAN BERSIH | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2019 | 469,205 | 840,212 | 633,914 | 122,664,901 | 391,074 | 23,176 | 66,353 | 84,725 | 125,173,560 |

| | Tanah Milik Bebas | Tanah Pajakan | Bangunan | Aset Infra | Jentera Berat | Jentera Ringan | Alatan Pejabat | Alatan Komputer & Elektronik | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 469,205 | 933,448 | 1,518,429 | — | 1,981,484 | 187,908 | 638,903 | 467,927 | 6,197,304 |
| Tambahan dalam tahun | — | — | 232,310 | 136,206,186 | 78,000 | — | 15,388 | 39,850 | 136,571,734 |
| Pelupusan | — | — | — | — | 96,270 | — | — | 3,599 | 99,869 |
| Pelarasan bagi tahun sebelum | — | — | — | — | — | 593 | 465 | 698 | 1,756 |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2018 | 469,205 | 933,448 | 1,750,739 | 136,206,186 | 1,963,214 | 187,315 | 653,826 | 503,480 | 142,667,413 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | — | 74,378 | 951,431 | — | 1,718,907 | 151,511 | 578,234 | 416,437 | 3,890,898 |
| Susutnilai tahun semasa | — | 9,429 | 77,857 | 6,810,309 | 95,142 | 11,200 | 14,181 | 32,174 | 7,050,292 |
| Pelupusan | — | — | — | — | 96,269 | — | — | 3,598 | 99,867 |
| Pelarasan bagi tahun sebelum | — | — | — | — | — | 3,801 | 46 | 1,519 | 5,366 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2018 | — | 83,807 | 1,029,288 | 6,810,309 | 1,717,780 | 158,910 | 592,369 | 443,494 | 10,835,957 |
| AMAUN BAWAAN BERSIH | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 469,205 | 849,641 | 721,451 | 129,395,877 | 245,434 | 28,405 | 61,457 | 59,986 | 131,831,456 |

11. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Deposit (Nota 11(a)) | 1,240,591 | 903,745 |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar (Nota 11(b)) | 7,892,883 | 8,051,192 |
| Terimaan Terdahulu (Nota 11(c)) | 45,462 | 52,813 |
| | 9,178,936 | 9,007,750 |

(a) DEPOSIT

| | | |
|---|---|---|
| Pelbagai deposit | 347,653 | 373,998 |
| Deposit tempat letak kereta | 6,000 | 6,000 |
| Deposit sewa dewan | 21,800 | 22,500 |
| Deposit sewa gerai | 81,016 | 72,269 |
| Deposit sewa bangunan kediaman | 800 | 800 |
| Deposit kerja-kerja tanah/pembangunan | 764,930 | 421,328 |
| Deposit lain-lain sewaan | 18,392 | 6,850 |
| | 1,240,591 | 903,745 |

(b) PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR

| | | |
|---|---|---|
| Akaun penyelesaian cek terbatal | 13,017 | 50,140 |
| Pemiutang lain | 848,399 | 435,757 |
| Program pembasmian kemiskinan bandar (PPKB) | 35,884 | 35,884 |
| Perbelanjaan terakru (Nota a) | 6,881,524 | 7,473,771 |
| Pinjaman dari Kerajaan Negeri | — | — |
| Sipiutang Wang Jaminan perlaksanaan - tunai | 114,059 | 55,640 |
| | 7,892,883 | 8,051,192 |

(a) Perbelanjaan terakru terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Belanja terakru | 101,418 | 191,657 |
| Lain-lain Pemiutang | — | 1,000,000 |
| Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam | 6,765,001 | 6,267,009 |
| Peruntukan Bayaran Audit | 15,105 | 15,105 |
| | 6,881,524 | 7,473,771 |

(c) TERIMAAN TERDAHULU

| | | |
|---|---|---|
| Penghutang Tempat Letak Kereta | 320 | — |
| Sewa letak bas/teksi | — | 230 |
| Sewa Tapak | 1,940 | 6,570 |
| Sewaan gerai | 43,202 | 46,013 |
| | 45,462 | 52,813 |

12. PINJAMAN SEWA BELI

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Bayaran minimum sewa beli | 240,134 | — |
| Tolak: | | |
| Faedah tertunda | (29,064) | — |
| | 211,070 | — |
| Tanggungan sewa beli: | | |
| Bayar dalam tempoh setahun | 42,960 | — |
| Bayar selepas tempoh setahun | 168,110 | — |
| | 211,070 | — |

Kadar pembiayaan asas pinjaman sewa beli ini disandarkan pada 2.33% - 3.2% setahun dengan tempoh 60 bulan.

13. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM BAYAR TERIMAAN TERDAHULU

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Cukai taksiran am | 75,359 | 73,741 |
| | 75,359 | 73,741 |

14. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 576,551 | 25,680 |
| Tambahan | 112,929 | 550,871 |
| Penggunaan | (2,963) | — |
| Baki pada akhir tahun | 686,517 | 576,551 |
| Dianalisa seperti berikut: | | |
| Kurang daripada 12 bulan | 71,433 | 2,963 |
| Lebih daripada 12 bulan | 615,084 | 573,588 |
| | 686,517 | 576,551 |

15. GERAN TERTUNDA

| | Pembangunan RM | Belian Harta RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| 2019 | | | |
| Baki pada 1 Januari | 2,467,460 | 3,470,638 | 5,938,098 |
| Diterima dalam tahun | 3,023,184 | — | 3,023,184 |
| Direalisasikan dalam tahun | (3,193,849) | — | (3,193,849) |
| Pelarasan | — | (3,470,638) | (3,470,638) |
| Baki pada 31 Disember | 2,296,795 | — | 2,296,795 |

| | Pembangunan RM | Belian Harta RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| 2018 | | | |
| Baki pada 1 Januari | 2,337,256 | 3,739,121 | 6,076,377 |
| Diterima dalam tahun | 1,141,478 | 21,955 | 1,163,433 |
| Direalisasikan dalam tahun | (1,011,274) | (290,438) | (1,301,712) |
| Baki pada 31 Disember | 2,467,460 | 3,470,638 | 5,938,098 |

16. PELARASAN

| | DINYATAKAN SEMULA RM | PELARASAN RM | DINYATAKAN TERDAHULU RM |
|---|---|---|---|
| 31-12-2018 | | | |
| Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan | | | |
| Simpanan tetap (Nota (a)) | 2,824,663 | (2,164) | 2,826,827 |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota (b)) | 1,877,844 | (2,201) | 1,880,045 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima (Nota (c)) | 28,685 | (816) | 29,501 |
| Hartanah Pelaburan (Nota (d)) | 7,655,003 | 132,742 | 7,522,261 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Bayar (Nota (e)) | (8,783,340) | 224,411 | (9,007,751) |
| Geran Tertunda (Nota (f)) | (2,467,460) | 3,470,638 | (5,938,098) |
| Kesan ke atas Penyata Kewangan | | | |
| Sumbangan Kerajaan (Nota (g)) | 7,859,237 | 60,073 | 7,799,164 |
| Kesan ke atas Aliran Tunai | | | |
| Aliran tunai dari Aktiviti Operasi (Nota (h)) | | 3,882,683 | |
| | | — | |

Nota:

16(a) Simpanan tetap

Pelarasan tahun lalu dibuat bagi mengurangkan faedah terakru simpanan tetap yang terlebih laras dua kali pada tahun 2018.

16(b) Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima

Pelarasan dibuat bagi mengurangkan hasil cukai kerana terlebih laras pada bil yang dikeluarkan bagi hasil 2018.

16(c) Urusniaga Pertukaran Belum Terima

Pelarasan tahun lalu dibuat bagi menambah amaun prinsipal ansuran pinjaman kenderaan ke atas faedah yang terkurang laras pada tahun sebelumnya.

16(d) Hartanah Pelaburan

Pelarasan dibuat adalah pelarasan susutnilai yang terlebih laras dan menurunkan nilai bawaan ketika proses penilaian semula Pasar Awam Johol dan Gerai makan Taman Bukit Pilah pada tahun 2018.

16(e) Urusniaga Pertukaran Belum Bayar

Pelarasan dibuat setelah dipersetujui di sesi Exit Conference Penyata Kewangan 2018 ke atas baki perbelanjaan terakru yang tidak dituntut oleh pembekal dan berkemungkinan telah dibayar di dalam perbelanjaan semasa. Pelarasan pindahan wang dibuat setelah mengenalpasti terdapat data pendua yang direkod pada tahun 2018.

16(f) Geran Tertunda

Pelarasan dibuat untuk mengiktiraf amaun Geran Tertunda sebagai hasil kerana sumbangan diterima menjadi hak milik kekal Majlis seperti dipersetujui di Exit Conference Penyata Kewangan 2018.

16(g) Sumbangan Kerajaan

Pelarasan dibuat bagi mengiktiraf sumbangan aset infrastruktur iaitu pembinaan pondok bas yang dibina menggunakan peruntukan tahun sebelum dan diiktiraf sebagai hasil bagi tahun 2018.

16(h) Aliran tunai daripada aktiviti operasi

Kesan daripada pelarasan tahun lalu di para 16(a) - 16(g).

17. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Cukai taksiran am | 5,505,725 | 5,447,472 |
| Caruman Membantu Kadar (Nota 17(a)) | 1,117,916 | 1,005,573 |
| Lesen dan Permit (Nota 17(b)) | 614,128 | 517,019 |
| Notis dan denda (Nota 17(c)) | 328,290 | 196,435 |
| Sumbangan Kerajaan dan Awam (Nota 17(d)) | 8,968,393 | 5,256,322 |
| | 16,534,452 | 12,422,821 |

(a) CARUMAN MEMBANTU KADAR

| | | |
|---|---|---|
| Kerajaan Persekutuan | 876,871 | 764,956 |
| Kerajaan Negeri | 241,045 | 240,617 |
| | 1,117,916 | 1,005,573 |

(b) LESEN DAN PERMIT

| | | |
|---|---|---|
| Penjaja | 8,593 | 8,717 |
| Pelbagai | 440 | 3,350 |
| Tred/Perniagaan/Kawalan/Tempat makanan/Hiburan Awam | 334,120 | 258,072 |
| Pasar | 14,477 | 16,914 |
| Gerai tepi jalan | 34,278 | 34,985 |
| Iklan/Kenyataan | 35,828 | 30,552 |
| Permit sementara | 186,392 | 164,429 |
| | 614,128 | 517,019 |

(c) NOTIS DAN DENDA

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Pelan dan bangunan | 36,044 | 10,510 |
| Kompaun lesen/kebersihan | 34,115 | 575 |
| Notis cukai taksiran | 128,050 | 113,620 |
| Kompaun T. Letak Kereta | 108,935 | 60,320 |
| Denda pelbagai | 8,501 | — |
| Denda lesen/lewat bayar | 12,645 | 11,410 |
| | 328,290 | 196,435 |

(d) SUMBANGAN KERAJAAN DAN AWAM

| | | |
|---|---|---|
| Geran tahunan | 1,109,156 | 1,109,156 |
| Pengiktirafan tahun semasa daripada Geran Tertunda | — | 290,438 |
| Sumbangan kerajaan | 7,859,237 | 3,828,728 |
| Sumbangan T. Letak Kereta | — | 28,000 |
| | 8,968,393 | 5,256,322 |

18. URUSNIAGA PERTUKARAN

| | | |
|---|---|---|
| Sewaan (Nota 18(a)) | 660,756 | 577,383 |
| Perolehan jualan barang (Nota 18(b)) | 273,049 | 69,624 |
| Faedah (Nota 18(c)) | 147,068 | 117,768 |
| Perkhidmatan dan bayaran (Nota 18(d)) | 690,208 | 417,488 |
| Pelbagai Terimaan (Nota 18(e)) | 19,203 | 453,633 |
| | 1,790,284 | 1,635,896 |

(a) SEWAAN

| | | |
|---|---|---|
| Sewaan dewan | 49,770 | 42,428 |
| Sewa padang/gelanggang | 12,650 | 389 |
| Pasar dan gerai | 342,741 | 313,015 |
| Pelbagai sewaan | 600 | 1,037 |
| Sewa kenderaan & jentera | — | 50 |
| Tandas awam | 7,800 | 8,413 |
| Petak bas/teksi | 6,600 | 9,130 |
| Tanah/tapak | 228,595 | 190,919 |
| Sewa bangunan kediaman | 12,000 | 12,002 |
| | 660,756 | 577,383 |

(b) PEROLEHAN JUALAN BARANG

| | | |
|---|---|---|
| Jualan patil lesen | 9,128 | 9,720 |
| Jualan pelekat banner/bunting | 13,325 | 4,506 |
| Jualan dokumen & pelan | 575 | 245 |
| Pelbagai jualan | 138,111 | 3,813 |
| Jualan pelupusan | — | 3,000 |
| Jualan borang tender | 500 | 600 |
| Jualan borang sebutharga | 111,410 | 47,720 |
| Jualan borang cetak | — | 20 |
| | 273,049 | 69,624 |

(c) FAEDAH

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Akaun semasa | 5,806 | 16,895 |
| Faedah pinjaman kenderaan | 1,398 | 1,269 |
| Lain-lain faedah | — | 224 |
| Faedah simpanan tetap | 139,864 | 99,380 |
| | 147,068 | 117,768 |

(d) PERKHIDMATAN DAN BAYARAN

| | | |
|---|---|---|
| Terimaan prosesan | 648,517 | 192,024 |
| Pelbagai bayaran perkhidmatan | 100 | 190 |
| Tempat letak kereta | 11,377 | 193,793 |
| Perkhidmatan angkat sampah | 10,793 | 15,012 |
| Bayaran pendaftaran kontraktor | 3,980 | 2,080 |
| Terima komisyen rumah rakyat | 15,441 | 14,389 |
| | 690,208 | 417,488 |

(e) PELBAGAI TERIMAAN

| | | |
|---|---|---|
| Lain-lain bayaran balik | 6,000 | 15,174 |
| Lain-lain pendapatan | 13,203 | 130,669 |
| Elaun hutang ragu | — | 307,790 |
| | 19,203 | 453,633 |

19. EMOLUMEN

| | | |
|---|---|---|
| Gaji | 3,600,968 | 3,326,608 |
| Elaun tetap | 940,892 | 892,234 |
| Sumbangan berkanun untuk kakitangan | 626,724 | 575,743 |
| Elaun lebih masa | 262,353 | 225,519 |
| Faedah-faedah kewangan yang lain | 577,907 | 373,353 |
| Emolumen ahli majlis | 193,740 | 129,782 |
| | 6,202,584 | 5,523,239 |

20. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

| | | |
|---|---|---|
| Pengindahan sekitar kawasan MDKP | — | 20,223 |
| Jalan dan lorong belakang | 2,023,225 | 436,317 |
| Longkang dan saliran | 2,016,527 | 784,150 |
| Elektrik/Pencahayaan | 68,760 | 42,051 |
| Memasang dan membaiki papan tanda | 7,250 | 6,500 |
| Kerja-kerja kecil/luar jangka | 3,814 | 78,549 |
| Taman permainan kanak-kanak | 33,950 | — |
| Lain-lain | — | 3,874 |
| Pembangunan/Selenggara Bandar DiRaja Seri Menanti | 886,028 | 728,680 |
| Kemudahan awam | — | — |
| Projek BP1/Projek pembangunan kecil | 2,453,609 | 2,744,588 |
| | 7,493,163 | 4,844,932 |

21. PERISTIWA SELEPAS TARIKH LEMBARAN IMBANGAN

Terdapat 9 kes yang dikemukakan oleh MDKP ke panel peguam pada 11 Jun 2019 bagi menuntut tunggakan cukai taksiran berjumlah RM361,721.30 dan sedang dalam tindakan peguam bagi menyediakan saman pemula sebelum kes didaftarkan di Mahkamah. Kes adalah seperti berikut:

1. SIOW KAN WEE & SEOW – RM14,656.00
2. MUSTAFA BIN ABDUL RASHID – RM28,660.00
3. AINA SALWA BINTI ABDUL KARIM – RM22,540.00
4. BAHARUDDIN BIN AMAT – RM28,660.00
5. ZAINAL BIN SAMAH – RM13,049.60
6. AZMI BIN HASHIM – RM22,540.00
7. PERUSAHAAN AZAN – RM11,309.80
8. JENG HUAT PLANTATION SDN. BHD. – RM16,113.50
9. GENIUS MORE SDN. BHD. – RM204,192.40

[SUKNS. 700-10/5/9; PUNS 100/2/8(PK)]

**No. 363.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 43, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seremban pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Seremban dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Perkara Audit Utama

Perkara Audit Utama adalah perkara berdasarkan penilaian profesional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai Perkara Audit Utama dalam menyatakan pendapat saya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seremban bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban hendak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majils Perbandaran Seremban yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majils Perbandaran Seremban, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Seremban untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jamnian yang tinggi, tetapi bukan satu jamnian bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Seremban.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Seremban sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban memberi gambaran yang saksama.

(f) Saya menentukan perkara paling signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban tahun kewangan semasa sebagai perkara audit utama melalui komunikasi dengan Ahli Majlis. Saya menerangkan perkara ini di dalam Sijil Juruaudit melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam atau dalarn keadaan yang sangat jarang berlaku, saya menentukan bahawa perkara ini tidak boleh dinyatakan dalam Sijil Juruaudit kerana kesan buruk pendedahan tersebut secara munasabah dijangka akan melebihi faedah kepentingan awam.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Bertarikh 21 September 2020

AHMED BIN SELI
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

LAPORAN JURUAUDIT SWASTA KEPADA KETUA AUDIT NEGARA
MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seremban ("Majlis") telah diaudit oleh kami yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan.

Pada pendapat kami, selain daripada kesan yang dinyatakan di perenggan Asas Pendapat di bawah, penyata kewangan ini membelikan gambaran yang benar dan saksama mengenai Penyata Kedudukan Kewangan Majljs pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS), Pekeliling Perbendaharaan dan Akta Kerajaan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian dijelaskan dengan lebih terperinci di dalam bahagian Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian sebagai asas pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami adalah bebas daripada Majlis serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) dalam Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Antarabangsa Akauntan Profesional (termasuk *International Independence Standards*) ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Anggota Majlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat kami terhadap penyata kewangan Majlis tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Anggota Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Anggota Majlis bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan Majlis yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Anggota Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman seperti Anggota Majlis menentukan adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau ralat.

Dalam menyediakan penyata kewangan Majlis, Ahli Anggota Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk meneruskan sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, seperti yang berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan melainkan jika Anggota Majlis berhasrat sama ada untuk membubarkan Majlis atau memberhentikan operasi, atau tiada alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, dan megeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangka dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan “profesional skeptisisme” sepanjang audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan Majlis, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi kepada sesuatu hasil daripada kesilapan, begitu juga dengan penipuan yang mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau melangkaui kawalan dalaman.

- Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.

- Menilai kesesuaian polisi perakanunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan juga berkaitan dengan pendedahan yang dibuat oleh Ahli Anggota Majlis.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan daripada perakaunan oleh Anggota Majlis dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material yang wujud berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Majlis untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk memberi perhatian di dalam laporan juruaudit yang berkaitan dengan pendedahan dalam penyata kewangan Majlis atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa akan datang atau keadaan boleh menyebabkan Majlis berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.

- Menilai pembentangan secara keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Majlis, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili transaksi asas dan peristiwa dengan cara untuk mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ahli Anggota Majlis mengenai, antara perkara-perkara lainnya, skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan penting audit, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Laporan mengenai Keperluan Perundangan dan Kawal Selia Yang Lain

Selaras dengan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) di Malaysia, kami turut melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakanuan dan rekod-rekod lain serta daftar-daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.

Hal-hal lain

Laporan ini dibuat untuk ahli-ahli majlis, sebagai satu badan, selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Pihak kami tidak bertanggungjawab terhadap pihak-pihak lain bagi kandungan laporan ini.

BANDAR BARU BANGI
Bertarikh 4 September 2020

ADAM & CO.
*AF 1250*
*Akauntan Bertauliah*

MOHAHAMD FAIZAL BIN ABDUL FATAH
*03375/06/2022 J*
*Akauntan Bertauliah*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Dato' Haji Zazali bin Salehudin, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Seremban, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
penama yang tersebut di atas
di Seremban, Negeri Sembilan
pada 30 Jun 2020 }

Di hadapan saya,

LEE KEE CHONG
*Pesuruhjaya Sumpah*
*Malaysia*

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Noor Iskandar bin Mohamad Noor dan Mk Ibrahim bin Abd Rahman yang merupakan dua daripada Ahli-Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seremban dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota didalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Seremban pada 31 Disember 2019 dan Prestasi Kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-Ahli Majlis,

NOOR ISKANDAR BIN MOHAMAD NOOR
*Ahli Majlis*
*Majlis Bandaraya Seremban*
*Seremban, Negeri Sembilan*

Tarikh 30 Jun 2020

MK IBRAHMI BIN ABD RAHMAN
*Ahli Majlis*
*Majlis Bandaraya Seremban*
*Seremban, Negeri Sembilan*

Tarikh 30 Jun 2020

PEJABAT MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
WISMA MBS
PERSIARAN FOREST HEIGHTS 1
JALAN SEREMBAN-TAMPIN
70450 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

| | 31-12-2019 RM | 31-12-2018 RM Seperti yang dinyatakan semula | 1-1-2018 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| ASET SEMASA | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran belum terima (Nota 3) | 24,068,030 | 23,166,364 | 24,231,253 |
| Urusniaga pertukaran belum terima (Nota 4) | 2,123,097 | 2,075,337 | 2,417,486 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 5) | 23,437,826 | 29,453,047 | 27,285,956 |
| Simpanan tetap (Nota 6) | 43,000,000 | 49,500,000 | 51,500,000 |
| Wang di tangan dan di bank (Nota 7) | 6,535,768 | 5,885,572 | 3,522,260 |
| | 99,164,721 | 110,080,320 | 108,956,955 |
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, loji dan peralatan (Nota 8) | 2,534,877,068 | 2,650,516,109 | 2,782,038,071 |
| Hartanah pelaburan (Nota 9) | 281,057,954 | 271,236,658 | 273,707,352 |
| Kerja dalam pelaksanaan (Nota 10) | 17,017 | 15,884,169 | 5,473,502 |
| Aset tak ketara (Nota 11) | 1,214,031 | 1,183,895 | 992,819 |
| Pelbagai akaun belum terima, deposit dan pendahuluan (Nota 5) | 101,131 | 75,243 | 92,007 |
| | 2,817,267,201 | 2,938,896,074 | 3,062,303,751 |
| JUMLAH ASET | 2,916,431,922 | 3,048,976,394 | 3,171,260,706 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru (Nota 12) | 20,153,186 | 38,025,346 | 31,218,010 |
| Geran tertunda (Nota 13) | 2,580,179 | 1,733,061 | 6,789,248 |
| Peruntukan (Nota 14) | 2,093,098 | — | — |
| Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 15) | 528,776 | 343,699 | 546,003 |
| Pinjaman sewa beli (Nota 16) | 374,379 | 441,949 | 539,208 |
| Pinjaman (Nota 17) | 2,739,085 | 1,373,392 | 349,090 |
| | 28,468,703 | 41,917,447 | 39,441,559 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Peruntukan manfaat kakitangan (Nota 15) | 631,092 | 607,118 | 657,556 |
| Pinjaman sewa beli (Nota 16) | 686,254 | 1,060,634 | 1,502,680 |
| Pinjaman (Nota 17) | 57,667,776 | 57,289,490 | 46,999,414 |
| | 58,985,122 | 58,957,242 | 49,159,650 |
| JUMLAH LIABILITI | 87,453,825 | 100,874,689 | 88,601,209 |
| ASET BERSIH | 2,828,978,097 | 2,948,101,705 | 3,082,659,497 |
| ASET BERSIH | | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 2,827,978,097 | 2,947,101,705 | 3,081,659,497 |
| Kumpulan Wang Pinjaman | 1,000,000 | 1,000,000 | 1,000,000 |
| | 2,828,978,097 | 2,948,101,705 | 3,082,659,497 |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| HASIL | | |
| Urusniaga bukan pertukaran (Nota 18) | 123,520,324 | 115,219,585 |
| Urusniaga pertukaran (Nota 19) | 13,928,713 | 10,819,906 |
| JUMLAH HASIL | 137,449,037 | 126,039,491 |
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen | | |
| Gaji dan upahan | 19,254,975 | 18,898,354 |
| Elaun tetap | 5,415,688 | 5,441,720 |
| Sumbangan berkanun untuk kakitangan | 3,367,776 | 3,304,692 |
| Elaun lebih masa | 3,083,151 | 2,829,659 |
| Faedah kewangan yang lain | 2,550,682 | 1,831,596 |
| Elaun Ahli Majlis | 539,833 | 382,680 |
| | 34,212,105 | 32,688,701 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | |
| Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup (Nota 20) | 527,654 | 498,552 |
| Pengangkutan barang-barang | 3,427 | 10,217 |
| Utiliti (Nota 21) | 11,536,322 | 11,449,998 |
| Sewaan (Nota 22) | 486,510 | 790,824 |
| Bekalan bahan-bahan mentah (Nota 23) | 2,690,354 | 2,822,021 |
| Bekalan dan bahan-bahan lain (Nota 24) | 1,674,071 | 1,514,784 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan kecil (Nota 25) | 6,471,524 | 6,391,146 |
| Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti (Nota 26) | 31,227,628 | 30,156,519 |
| | 54,617,490 | 53,634,061 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | |
| Pemberian dalam negeri (Nota 27) | 222,100 | 301,245 |
| Tuntutan, insurans dan pampasan (Nota 28) | 1,180 | 6,816 |
| Ganjaran | 128,423 | 112,904 |
| Gantian cuti rehat | 679,795 | 148,748 |
| Faedah (Nota 29) | 3,086,650 | 2,585,903 |
| | 4,118,148 | 3,155,616 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | | |
| Pelbagai perbelanjaan (Nota 30) | 1,873,289 | 3,142,856 |
| Perbelanjaan pembangunan (Nota 31) | 15,920,198 | 22,385,213 |
| Kerugian atas pelupusan | 10,084 | 327,275 |
| Pulangbalik dan hapuskira | 218,037 | 219,103 |
| Rosot nilai aset kewangan | 642,953 | 810,873 |
| | 18,664,561 | 26,885,320 |

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Susutnilai dan pelunasan | | |
| Lain-lain aset | 10,055,250 | 9,550,889 |
| Aset Infrastruktur | 134,905,091 | 134,682,696 |
| | 144,960,341 | 144,233,585 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 256,572,645 | 260,597,283 |
| KURANGAN BAGI TAHUN | (119,123,608) | (134,557,792) |

Sila rujuk nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | Kumpulan Wang Majlis<br>RM | Kumpulan Wang Pinjaman<br>RM | Jumlah Aset Bersih<br>RM |
|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2018 Seperti yang dinyatakan terdahulu | 3,023,717,398 | 1,000,000 | 3,024,717,398 |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 36) | 57,942,099 | — | 57,942,099 |
| Baki pada 1 Januari 2018 Seperti yang dinyatakan semula | 3,081,659,497 | 1,000,000 | 3,082,659,497 |
| Kurangan bersih bagi tahun | (134,557,792) | — | (134,557,792) |
| Baki pada 31 Disember 2018 | 2,947,101,705 | 1,000,000 | 2,948,101,705 |
| Kurangan bersih bagi tahun | (119,123,608) | — | (119,123,608) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 2,827,978,097 | 1,000,000 | 2,828,978,097 |

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| Kurangan bagi tahun | (119,123,608) | (134,557,792) |
| Pergerakan bukan tunai: | | |
| Susutnilai dan pelunasan | 144,960,341 | 144,233,585 |
| Pelarasan belanja | 77,745 | — |
| Pulangbalik dan hapuskira | 218,037 | 219,103 |
| Rosot nilai aset kewangan | 642,953 | 810,873 |
| Belanja peruntukan | 2,093,098 | — |
| Peruntukan manfaat kakitangan | 537,095 | 293,261 |

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Pembayaran peruntukan manfaat kakitangan | (605,488) | (466,867) |
| Peningkatan/(Pengurangan) dalam peruntukan manfaat kakitangan | 277,444 | (79,136) |
| Pelunasan geran | (11,579,449) | (12,149,560) |
| Perbelanjaan faedah | 3,086,650 | 2,585,903 |
| Pengurangan/(Peningkatan) belum terima | 4,257,905 | (1,769,684) |
| (Pengurangan)/Peningkatan belum bayar | (17,872,160) | 6,807,336 |
| Kerugian atas pelupusan jualan hartanah, loji dan peralatan | 10,084 | 317,087 |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi | 6,980,647 | 6,244,109 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Belian hartanah, loji dan peralatan (Nota (a)) | (7,016,649) | (2,211,913) |
| Belian aset tak ketara | (502,843) | (466,227) |
| Belian hartanah pelaburan | — | (1,433,952) |
| Tambahan kerja dalam kemajuan (Nota (b)) | (11,613,357) | (4,524,249) |
| Terimaan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan | 58 | 15,118 |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti pelaburan | (19,132,791) | (8,621,223) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Penerimaan geran | 12,426,567 | 7,093,373 |
| Bayaran balik pinjaman | (2,739,084) | (1,373,371) |
| Faedah dibayar | (2,943,193) | (2,440,271) |
| Pembayaran pinjaman sewa beli | (441,950) | (539,305) |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan | 6,302,340 | 2,740,426 |
| (Pengurangan)/Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | (5,849,804) | 363,312 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh | 45,385,572 | 45,022,260 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh | 39,535,768 | 45,385,572 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh terdiri daripada: | | |
| Simpanan tetap | 43,000,000 | 49,500,000 |
| Wang di tangan dan di bank | 6,535,768 | 5,885,572 |
| | 49,535,768 | 55,385,572 |
| Tolak: | | |
| Simpanan tetap dicagarkan | (10,000,000) | (10,000,000) |
| | 39,535,768 | 45,385,572 |
| Nota a: | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | 11,356,255 | 2,211,913 |
| Dibiayai melalui pinjaman | (4,339,606) | — |
| | 7,016,649 | 2,211,913 |

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Nota b: | | |
| Penambahan kerja dalam kemajuan | 11,613,357 | 17,066,366 |
| Dibiayai melalui pinjaman | — | (12,542,117) |
| | 11,613,357 | 4,524,249 |

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | JUMLAH BAJET Asal | Akhir | Jumlah Sebenar | ^Varian Bajet | ^Varian Bajet |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | % |
| PENERIMAAN | | | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | 83,874,500 | 83,874,500 | 83,396,196 | (478,304) | (0.57) |
| Urusniaga pertukaran | 11,311,500 | 11,311,500 | 13,566,228 | 2,254,728 | 19.93 |
| | 95,186,000 | 95,186,000 | 96,962,424 | 1,776,424 | 1.87 |
| PEMBAYARAN | | | | | |
| Emolumen | 33,741,000 | 34,764,100 | 34,498,339 | (265,761) | (0.76) |
| Perkhidmatan dan bekalan | 52,755,600 | 56,833,700 | 54,874,401 | (1,959,299) | (3.45) |
| Pemilikan harta modal | 746,600 | 3,450,300 | 643,358 | (2,806,942) | (81.35) |
| Pemberian dan kenaan bayaran tetap | 4,626,500 | 4,177,700 | 4,169,445 | (8,255) | (0.20) |
| Perbelanjaan lain-lain | 1,467,300 | 1,664,700 | 1,520,679 | (144,021) | (8.65) |
| Perbelanjaan pembangunan | 1,849,000 | 2,398,900 | 2,371,899 | (27,001) | (1.13) |
| | 95,186,000 | 103,289,400 | 98,078,121 | (5,211,279) | (5.05) |
| KURANGAN BERSIH | — | (8,103,400) | (1,115,697) | (3,434,855) | |

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Sebenar dan Jumlah Bajet Akhir.

PENJELASAN BAGI VARIAN YANG MELEBIHI 20%

1. Pemilikan Harta Modal

Pengurangan pemilikan harta modal adalah disebabkan oleh Majlis menggunakan keseluruhan peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi kerja-kerja baikpulih Pasar Besar Seremban tanpa menggunakan peruntukan dalaman.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT AM

1.1. Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Seremban.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2. Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”) yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.3. Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Bandaraya Seremban pada 30 Jun 2020.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

2.1.1. Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan.

2.1.2. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut :

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam lebihan atau kurangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Geran Kerajaan dan Sumbangan Awam

Geran kerajaan dan sumbangan awam yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam lebihan atau kurangan. Geran kerajaan dan sumbangan Awam yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai liabiliti dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

Hasil bagi lesen, bayaran pendaftaran dan permit diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana ketidakpastian sama ada pelesen mahu meneruskan perniagaan setelah tamat tempoh lesen.

(iv) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam lebihan atau kurangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(v) Notis dan Denda

Notis dan denda merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi notis dan denda yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil notis dan denda.

(vi) Lain-lain terimaan

Lain-lain terimaan akan diiktiraf apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan yang akan mengalir ke dalam Majlis dan lain-lain terimaan tersebut dapat diukur dengan munasabah.

2.2.2. Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Sewaan

Hasil sewa yang dikenakan ke atas premis-premis Majlis diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan pada asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(iii) Faedah

Faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(iv) Perolehan dari Jualan Barang

Perolehan dari Jualan Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain yang diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

2.3. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.3.2. Bagi tanah-tanah yang bukan milik Majlis yang mana didirikan bangunan Majlis di atasnya tidak diakaunkan kerana Majlis tidak mempunyai kawalan yang menyeluruh ke atasnya.

2.3.3. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosot nilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau kurangan.

2.3.4. Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilaian oleh Pengarah Penilaian Majlis.

2.3.5. Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam lebihan atau kurangan.

2.3.6. Majlis telah mengiktiraf jalan raya, jambatan dan pondok bas sebagai aset infrastruktur Majlis. Tatacara pengiktirafan aset infrastruktur boleh dirujuk dalam garis panduan Aset Infrastruktur Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Sembilan.

2.3.7. Peralatan taman permainan diiktiraf sebagai belanja dalam lebihan atau kurangan atas faktor kesukaran kawalan ke atas alatan dan mempunyai tempoh usia guna yang pendek.

2.4. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan. Tanah pegangan bebas tidak disusutnilaikan.

2.4.2. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| | Hartanah, loji dan peralatan | Kadar tahunan |
|---|---|---|
| | Tanah | Mengikut tempoh pajakan |
| | Bangunan | |
| i. | Batu | 2% |
| ii. | Kayu/Tidak Kekal | 5% |
| | Jentera berat | 12% |
| | Jentera ringan | 20% |
| | Alatan pejabat | 10% |
| | Peralatan dan kelengkapan | 20% - 33.4% |
| | Aset infrastruktur | |
| i. | Jambatan | 2% |
| ii. | Jalan Raya, Pondok Bas dan Hentian Teksi | 5% |

2.4.3. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5. Hartanah Pelaburan

2.5.1. Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya.

2.5.2. Bagi tanah-tanah yang bukan milik Majlis yang mana didirikan bangunan Majlis di atasnya tidak diakaunkan kerana Majlis tidak mempunyai kawalan yang menyeluruh ke atasnya.

2.5.3. Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilaian oleh Pengarah Penilaian Majlis.

2.5.4. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

2.5.5. Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan.

2.5.6. Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam lebihan atau kurangan.

2.6. Aset Tak Ketara

2.6.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.6.2. Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilaian oleh Pengarah Teknologi Maklumat Majlis.

2.6.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.6.4. Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

2.6.5. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.6.6. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam lebihan atau kurangan.

2.6.7. Perisian komputer dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja pembangunan perisian yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.7. Kerja Dalam Pelaksanaan

2.7.1. Kerja dalam pelaksanaan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta hartanah pelaburan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos ini akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan atau hartanah pelaburan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) atau Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance) dikeluarkan dan dilunaskan.

2.7.2. Sekiranya kerja dalam pelaksanaan telah mendapat Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) atau Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance) tetapi Perakuan Muktamad belum dimuktamadkan, perbelanjaan masa hadapan yang diperlukan untuk menyelesaikannya akan diiktiraf sebagai peruntukan.

2.8. Inventori

Majlis mempunyai inventori iaitu bekalan dan bahan ganti yang dipegang pada nilai tidak melebihi RM1,000,000. Inventori ini diiktiraf sebagai belanja (apabila transaksi berlaku) dalam lebihan atau kurangan.

2.9. Aset Kewangan

2.9.1. Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.9.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.9.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.9.4. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.9.5. Majlis hanya mempunyai kategori aset-aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

2.9.6. Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk di rosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) pembayaran tertunggak;

(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Majlis menetapkan bahawa dalam mengiktiraf elaun rosot nilai bagi Cukai Taksiran diambilkira apabila tunggakan bertunggak melebihi tempoh 5 tahun dari tahun kewangan dan bagi penghutang yang lain iaitu Sumbangan Membantu Kadar, Sewaan, Letak Kereta, PPRT, Senggaraan dan Pelbagai Akaun Belum Terima, elaun rosot nilai diambilkira apabila tunggakan bertunggak melebihi tempoh 6 tahun dari tahun kewangan.

2.9.7. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.10. Peruntukan dan Liabiliti

2.10.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam lebihan atau kurangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.11. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.11.1. Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.11.2. Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.12. Liabiliti Kewangan

2.12.1. Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.12.2. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.12.3. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.12.4. Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

2.12.5 Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.13 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan Lain-Lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan, Pinjaman Komputer dan Pinjaman Pendidikan Boleh Ubah.

2.14 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank perdagangan dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.15 Manfaat Pekerja

2.15.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, rawatan di semua hospital dan klinik di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh KKM dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan, komputer dan pendidikan boleh ubah.

Manfaat kakitangan jangka pendek dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.15.2 Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

Majlis menggunapakai kaedah 'Projected Unit Credit' di dalam pengiraan Manfaat Cuti Rehat di mana terdapat beberapa andaian yang digunakan di dalam pengiraan tersebut seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Kenaikan gaji hakiki | RM80 - RM320 |
| Kadar imbuhan tetap | RM395 - RM1,700 |
| Bilangan cuti yang dikumpul | Bilangan maksimum sebanyak 150 hari |
| Kadar diskaun | 4% (Berdasarkan kepada kadar Malaysian Government Securities) |

Formula pengiraan Manfaat Cuti Rehat adalah seperti berikut:

1/30 X Gaji akhir (termasuk imbuhan tetap) x Bilangan cuti yang dikumpul (maksimum sebanyak 150 hari)

Majlis juga turut membuat peruntukan ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah memberi perkhidmatan dalam tempoh kewangan. Ganjaran ini diiktiraf secara akruan.

[17.5% - 12% (caruman KWSP majikan) X gaji pokok terakhir X jumlah bulan perkhidmatan] (-) faedah syer ke atas caruman KWSP majikan

2.16. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.16.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau kurangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

2.16.2. Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau kurangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

2.17. Percukaian

2.17.1 Majlis Perbandaran Seremban adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.18. Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

2.18.1 Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

2.18.2 Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan bahawa mulai 1 Jun 2018, kadar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 6% dimansuhkan.

2.18.3 Mulai 1 September 2018, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan Cukai Jualan dan Perkhidmatan di mana Majlis tidak mengenakan sebarang cukai perkhidmatan ke atas hasil yang dikenakan.

2.19. Maklumat Bajet

2.19.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.19.2 Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan MPS dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

2.20. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.20.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

2.20.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Kerugian Hutang Ragu bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan hartanah pelaburan

Jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan dan sebahagian hartanah yang dipegang untuk mendapatkan sewa adalah melebihi 70% maka Majlis akan mengklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan.

(iv) Pengukuran peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.21. Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengkontrakannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.22. Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli-Ahli Majlis.

2.23. Pajakan

Pajakan kewangan (Sebagai penerima pajak)

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukkan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosot nilai.

Pajakan operasi (Sebagai penerima pajak)

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.24. Kos Kewangan

Semua kos kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh ia terlibat.

2.25. Piawaian Dan Pindaan MPSAS

Tiada piawaian dan pindaan MPSAS yang telah berkuatkuasa di dalam tahun kewangan semasa yang akan memberi kesan ke atas penyata kewangan Majlis.

Tiada piawaian dan pindaan MPSAS yang belum berkuatkuasa yang akan memberi kesan ke atas penyata kewangan masa hadapan Majlis.

3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Akaun belum terima cukai taksiran | 33,984,582 | 31,047,694 |
| Tolak: | | |
| Elaun rosot nilai | (11,471,980) | (11,077,015) |
| | 22,512,602 | 19,970,679 |
| Akaun belum terima sumbangan membantu kadar | 1,555,428 | 3,195,685 |
| | 24,068,030 | 23,166,364 |

Butiran pergerakan akaun elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 11,077,015 | 10,608,714 |
| Tambahan tahun semasa | 394,965 | 468,301 |
| Baki pada akhir tahun | 11,471,980 | 11,077,015 |

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | | |
|---|---|---|
| Akaun belum terima sewaan | 701,923 | 763,698 |
| Tolak: | | |
| Elaun rosot nilai | (457,905) | (478,769) |
| | 244,018 | 284,929 |
| Akaun belum terima sewaan letak kereta | 505,440 | 320,615 |
| | 505,440 | 320,615 |
| Akaun belum terima sewaan pprt | 2,160,027 | 2,056,207 |
| Tolak: | | |
| Elaun rosot nilai | (1,281,752) | (1,112,410) |
| | 878,275 | 943,797 |

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Akaun belum terima senggaraan | 1,222,487 | 1,155,527 |
| Tolak: | | |
| Elaun rosot nilai | (727,123) | (629,531) |
| | 495,364 | 525,996 |
| | 2,123,097 | 2,075,337 |

Analisa pengumuran urusniaga pertukaran belum terima adalah seperti berikut:

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Tidak rosot atau melepasi tempoh kena dibayar | — | — |
| Melepasi tempoh kena dibayar 01 hingga 12 bulan tetapi tidak dirosot nilai | 727,439 | 570,483 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 13 hingga 24 bulan tetapi tidak dirosot nilai | 292,067 | 332,653 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 25 hingga 36 bulan tetapi tidak dirosot nilai | 327,228 | 323,042 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 37 hingga 48 bulan tetapi tidak dirosot nilai | 527,916 | 552,984 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 49 hingga 60 bulan tetapi tidak dirosot nilai | 248,447 | 296,175 |
| Melepasi tempoh kena dibayar 61 bulan tetapi tidak dirosot nilai | — | — |
| | 2,123,097 | 2,075,337 |
| Telah dirosot nilai | 2,466,780 | 2,220,710 |
| | 4,589,877 | 4,296,047 |

Butiran pergerakan akaun elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 2,220,710 | 1,879,008 |
| Tambahan tahun semasa | 246,070 | 341,702 |
| Baki pada akhir tahun | 2,466,780 | 2,220,710 |

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Lain-lain akaun belum terima | 2,195,364 | 2,195,364 |
| Tolak: | | |
| Elaun rosot nilai | (2,195,364) | (2,195,364) |
| | — | — |
| Pelbagai akaun belum terima | 268,444 | 240,716 |
| Tolak: | | |
| Elaun rosot nilai | (9,134) | (7,216) |
| | 259,310 | 233,500 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Jumlah terhutang oleh Majlis Perbandaran Nilai (Nota (b)) | 22,639,616 | 23,362,473 |
| Perbelanjaan terdahulu (Nota (c)) | 21,784 | 39,424 |
| Jabatan Kastam Diraja Malaysia (GST) (Nota (d)) | — | 4,939,454 |
| Deposit SAINS | 383,914 | 383,914 |
| Kutipan agensi/luar | 100 | 137,473 |
| Faedah atas simpanan tetap terakru | 53,973 | 131,241 |
| Kutipan kad kredit/debit | — | 167,938 |
| Pinjaman kenderaan (Nota (e)) | 25,609 | 42,601 |
| Pinjaman komputer (Nota (e)) | 107,825 | 42,416 |
| Pinjaman pendidikan (Nota (e)) | 21,535 | 22,464 |
| Deposit dan wang amanah | — | 25,392 |
| Pendahuluan kakitangan | 25,291 | — |
| | 23,538,957 | 29,528,290 |
| Dianalisa seperti berikut: | | |
| Kurang daripada 12 bulan | 23,437,826 | 29,453,047 |
| Lebih daripada 12 bulan | 101,131 | 75,243 |
| | 23,538,957 | 29,528,290 |

(a) Butiran pergerakan akaun elaun rosot nilai adalah seperti berikut:

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki pada awal tahun | 2,202,580 | 2,201,711 |
| Tambahan tahun semasa | 1,918 | 869 |
| Baki pada akhir tahun | 2,204,498 | 2,202,580 |

(b) Jumlah terhutang oleh Majlis Perbandaran Nilai (MPN) adalah jumlah yang wujud disebabkan oleh perkongsian kos bagi pembelian sebuah bangunan yang akan digunakan sebagai bangunan pejabat selepas Majlis bercantum dengan MPN menjadi Majlis Bandaraya Seremban. Butiran jumlah perkongsian sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

| | Bahagian MPN |
|---|---|
| | RM |
| Nilai bangunan termasuk kos langsung | 20,611,425 |
| Kos ubahsuai bangunan | 7,862,101 |
| Ansuran bayaran balik pinjaman bangunan | 1,586,394 |
| | 30,059,920 |
| Tolak: | |
| Penerimaan | (7,420,304) |
| | 22,639,616 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| (c) Perbelanjaan terdahulu terdiri daripada: | | |
| Bayaran bil air - Syarikat Air Negeri Sembilan | 10,776 | 38,685 |
| Bayaran bil pembentungan - Indah Water Konsortium | 11,008 | 739 |

(d) Jumlah ini merujuk kepada perbezaan di antara cukai input dan cukai output yang wujud sebelum ini.

(e) Pinjaman-pinjaman ini diberikan kepada kakitangan Majlis dengan kadar faedah sebanyak 2%-4% setahun, tidak bercagar dan dibayar maksima selama 9 tahun (108 bulan).

6. SIMPANAN TETAP

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Bank perdagangan | 43,000,000 | 46,500,000 |
| Institusi kewangan | — | 3,000,000 |
| | 43,000,000 | 49,500,000 |

Termasuk di dalam simpanan tetap dengan bank perdagangan adalah simpanan tetap berjumlah RM10,000,000 (2018: RM10,000,000) yang telah dicagarkan untuk mendapatkan kemudahan pembiayaan daripada pihak bank seperti yang dinyatakan pada nota 17.

7. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Tunai di tangan | 7,500 | 7,500 |
| Wang di bank | 6,528,268 | 5,878,072 |
| | 6,535,768 | 5,885,572 |

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

8.1 TAHUN 2019

| | Tanah | Bangunan | Jentera Berat | Jentera Ringan | Alatan Pejabat | Peralatan dan Kelengkapan | Aset Infrastruktur | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | 25,999,086 | 49,977,480 | 18,269,643 | 1,398,783 | 8,956,492 | 642,716 | 2,708,160,662 | 2,813,404,862 |
| Tambahan dalam tahun | 5,390,389 | 309,192 | 159,900 | 31,020 | 892,987 | 61,000 | 4,511,767 | 11,356,255 |
| Pindahan dari kerja dalam pelaksanaan 10 | — | 8,179,315 | 640,300 | — | 2,745,567 | 104,000 | — | 11,669,182 |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | (1,080,024) | (537,743) | (1,059,590) | (3,250) | — | (2,680,607) |
| Pelarasan* | (14,505) | — | — | — | — | — | — | (14,505) |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2019 | 31,374,970 | 58,465,987 | 17,989,819 | 892,060 | 11,535,456 | 804,466 | 2,712,672,429 | 2,833,735,187 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | 386,837 | 7,011,787 | 14,220,291 | 1,205,810 | 5,066,457 | 254,447 | 134,743,124 | 162,888,753 |
| Susutnilai tahun semasa | 135,420 | 1,026,471 | 1,298,066 | 73,447 | 1,031,102 | 169,946 | 134,905,091 | 138,639,543 |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | (1,079,959) | (537,584) | (1,049,386) | (3,248) | — | (2,670,177) |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2019 | 522,257 | 8,038,258 | 14,438,398 | 741,673 | 5,048,173 | 421,145 | 269,648,215 | 298,858,119 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2019 | 30,852,713 | 50,427,729 | 3,551,421 | 150,387 | 6,487,283 | 383,321 | 2,443,024,214 | 2,534,877,068 |

* Pelarasan merujuk kepada tanah di Taman Bukit Emas yang tidak mempunyai geran yang telah dibelanjakan di dalam tahun kewangan semasa.

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan adalah:

(i) Bangunan dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM14,259,303.38 (2018: RM14,366,870.94) telah didirikan di atas tanah yang bukan milik Majlis.

(ii) Bangunan dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM20,184,245.08 (2018: RM20,611,424.87) adalah merupakan bangunan yang dimiliki secara bersama dengan Majlis Perbandaran Nilai seperti yang dinyatakan pada nota 5. Bangunan ini dicagarkan bagi menjamin kemudahan yang diberikan oleh pihak bank seperti yang dinyatakan pada nota 17.

(iii) Jentera berat adalah aset-aset yang telah dibeli dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM1,630,145.55 (2018: RM2,501,427.99) yang telah dibeli melalui skim sewa beli.

8.2 TAHUN 2018

| | Tanah | Bangunan | Jentera Berat | Jentera Ringan | Alatan Pejabat | Peralatan dan Kelengkapan | Aset Infrastruktur | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 10,722,170 | 44,790,533 | 18,271,243 | 1,548,544 | 9,593,825 | 479,610 | — | 85,405,925 |
| - Seperti yang dinyatakan terdahulu | | | | | | | | |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 36) | 15,275,916 | 76,420 | — | — | 93,442 | — | — | 15,445,778 |
| Kesan pemakaian MPSAS | — | — | — | — | — | — | 2,708,086,761 | 2,708,086,761 |
| Pada 1 Januari 2018 | 25,998,086 | 44,866,953 | 18,271,243 | 1,548,544 | 9,687,267 | 479,610 | 2,708,086,761 | 2,808,938,464 |
| - Seperti yang dinyatakan semula | | | | | | | | |
| Tambahan dalam tahun | — | 314,439 | — | 39,685 | 1,352,427 | 431,460 | 73,901 | 2,211,912 |
| Pindahan dari kerja dalam pelaksanaan (Nota 10) | — | 4,796,088 | — | — | — | — | — | 4,796,088 |
| Pindahan dari hartanah pelaburan (Nota 9) | 1,000 | — | — | — | — | — | — | 1,000 |
| Pindahan ke aset tak ketara (Nota 11) | — | — | — | — | (10,060) | — | — | (10,060) |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | (1,600) | (189,446) | (2,073,142) | (268,354) | — | (2,532,542) |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2018 | 25,999,086 | 49,977,480 | 18,269,643 | 1,398,783 | 8,956,492 | 642,716 | 2,708,160,662 | 2,813,404,862 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 127,493 | 6,006,501 | 12,868,499 | 1,308,640 | 5,927,271 | 409,197 | — | 26,647,601 |
| - Seperti yang dinyatakan terdahulu | | | | | | | | |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 36) | 123,915 | — | — | — | 68,450 | — | — | 192,365 |
| Kesan pemakaian MPSAS | — | — | — | — | — | — | 60,428 | 60,428 |

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pada 1 Januari 2018 - Seperti yang dinyatakan semula | 251,408 | 6,006,501 | 12,868,499 | 1,308,640 | 5,995,721 | 409,197 | 60,428 | 26,900,394 |
| Susutnilai tahun semasa | 135,419 | 1,005,286 | 1,353,392 | 81,786 | 823,024 | 113,562 | 134,682,696 | 138,195,165 |
| Pindahan dari hartanah pelaburan (Nota 9) | 10 | — | — | — | — | — | — | 10 |
| Pindahan ke aset tak ketara (Nota 11) | — | — | — | — | (10,058) | — | — | (10,058) |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | (1,600) | (184,616) | (1,742,230) | (268,312) | — | (2,196,758) |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2018 | 386,837 | 7,011,787 | 14,220,291 | 1,205,810 | 5,066,457 | 254,447 | 134,743,124 | 162,888,753 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 25,612,249 | 42,965,693 | 4,049,352 | 192,973 | 3,890,035 | 388,269 | 2,573,417,538 | 2,650,516,109 |

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan adalah:

(i) Bangunan dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM14,366,870.94 (2017: RM9,523,665.95) telah didirikan di atas tanah yang bukan milik Majlis.

(ii) Bangunan dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM20,611,424.87 (2017: RM21,038,604.66) adalah merupakan bangunan yang dimiliki secara bersama dengan Majlis Perbandaran Nilai seperti yang dinyatakan pada nota 37. Bangunan ini dicagarkan bagi menjamin kemudahan yang diberikan oleh pihak bank seperti yang dinyatakan pada nota 17.

(iii) Jentera berat adalah aset-aset yang telah dibeli dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM2,501,427.99 (2017: RM4,709,904.08) yang telah dibeli melalui skim sewa beli.

9. HARTANAH PELABURAN

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| TANAH DAN BANGUNAN | | |
| KOS | | |
| Baki pada awal tahun<br>- Seperti yang dinyatakan terdahulu | 321,290,901 | 274,754,917 |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 36) | — | 43,243,421 |
| Baki pada awal tahun<br>-Seperti yang dinyatakan semula | 321,290,901 | 317,998,338 |
| Tambahan | — | 1,433,952 |
| Pindahan dari kerja dalam kemajuan (Nota 10) | 15,746,337 | 1,859,611 |
| Pindahan ke hartanah, loji dan peralatan (Nota 8) | — | (1,000) |
| Baki pada akhir tahun | 337,037,238 | 321,290,901 |
| PELUNASAN TERKUMPUL | | |
| Baki pada awal tahun<br>- Seperti yang dinyatakan terdahulu | 50,054,243 | 43,837,663 |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 36) | — | 453,323 |
| Baki pada awal tahun<br>-Seperti yang dinyatakan semula | 50,054,243 | 44,290,986 |
| Tambahan | 5,925,041 | 5,763,267 |
| Pindahan ke hartanah, loji dan peralatan (Nota 8) | — | (10) |
| Baki pada akhir tahun | 55,979,284 | 50,054,243 |
| AMAUN BAWAAN | 281,057,954 | 271,236,658 |

Termasuk di dalam hartanah pelaburan adalah bangunan dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM145,789,147.59 (2018: RM145,907,092.22) telah didirikan di atas tanah yang bukan milik Majlis.

Hasil sewa daripada hartanah pelaburan adalah berjumlah RM3,182,996.60 (2018: RM3,159,536.55)

Belanja operasi langsung yang ketara yang timbul daripada hartanah pelaburan adalah berjumlah RM259,559.79 (2018: RM687,723.01)

Pada pendapat Ahli-Ahli Majlis, nilai saksama hartanah pelaburan adalah melebihi nilai dibawa yang dilaporkan.

10. KERJA DALAM PELAKSANAAN

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 15,884,169 | 5,473,502 |
| Tambahan | 11,613,357 | 17,066,366 |
| Pindahan ke hartanah, loji dan peralatan (Nota 8) | (11,669,182) | (4,796,088) |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pindahan ke hartanah pelaburan (Nota 9) | (15,746,337) | (1,859,611) |
| Pindahan ke aset tak ketara (Nota 11) | (1,750) | — |
| Pelarasan* | (63,240) | — |
| Baki pada akhir tahun | 17,017 | 15,884,169 |

* Pelarasan merujuk kepada perbelanjaan yang bersifat bukan modal.

11. ASET TAK KETARA

11.1 TAHUN 2019

| | Perisian komputer | Perisian komputer dalam pelaksanaan | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| KOS | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | 2,846,536 | 231,169 | 3,077,705 |
| Tambahan dalam tahun | 178,548 | 324,295 | 502,843 |
| Pindahan dari/(ke) | 168,781 | (168,781) | — |
| Pindahan dari kerja dalam pelaksanaan (Nota 10) | 1,750 | — | 1,750 |
| Hapuskira | — | (78,700) | (78,700) |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2019 | 3,195,615 | 307,983 | 3,503,598 |
| PELUNASAN TERKUMPUL | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | 1,893,810 | — | 1,893,810 |
| Pelunasan tahun semasa | 395,757 | — | 395,757 |
| PELUNASAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2019 | 2,289,567 | — | 2,289,567 |
| AMAUN BAWAAN | | | |
| Pada 31 Disember 2019 | 906,048 | 307,983 | 1,214,031 |

11.2 TAHUN 2018

| | Perisian komputer | Perisian komputer dalam pelaksanaan | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| KOS | | | |
| Pada 1 Januari 2018 - Seperti yang dinyatakan terdahulu | 2,291,860 | 309,559 | 2,601,419 |
| Pelarasan tahun lalu | — | 17,469 | 17,469 |
| Pada 1 Januari 2018 - Seperti yang dinyatakan semula | 2,291,860 | 327,028 | 2,618,888 |
| Tambahan dalam tahun | 251,057 | 197,700 | 448,757 |
| Pindahan dari/(ke) | 293,559 | (293,559) | — |
| Pindahan dari hartanah, loji dan peralatan (Nota 8) | 10,060 | — | 10,060 |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2018 | 2,846,536 | 231,169 | 3,077,705 |

| | Perisian komputer | Perisian komputer dalam pelaksanaan | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| PELUNASAN TERKUMPUL | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 1,608,600 | — | 1,608,600 |
| Pelunasan tahun semasa | 275,152 | — | 275,152 |
| Pindahan dari hartanah, loji dan peralatan (Nota 8) | 10,058 | — | 10,058 |
| PELUNASAN TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2018 | 1,893,810 | — | 1,893,810 |
| AMAUN BAWAAN | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 952,726 | 231,169 | 1,183,895 |

12. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pelbagai akaun belum bayar (Nota (a)) | 4,523,810 | 17,025,703 |
| Jabatan Kastam Diraja Malaysia (GST) (Nota (b)) | — | 1,189,581 |
| Deposit (Nota (c)) | 9,230,934 | 10,991,428 |
| Wang amanah | 10,681 | 7,716 |
| Kutipan agensi/luar | 10,343 | 43,918 |
| Pelbagai terimaan terdahulu | 874,534 | 3,198,911 |
| Wang amanah perkuburan | 5,502,884 | 5,442,944 |
| Wang amanah PPKB | — | 125,145 |
| | 20,153,186 | 38,025,346 |

(a) Pelbagai akaun belum bayar terdiri daripada:

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Akaun cek bayaran terbatal | 169,377 | 156,946 |
| Lain-lain sipiutang | 3,434,227 | 15,794,762 |
| Peruntukan bayaran audit | 47,895 | 49,940 |
| Utiliti terakru | 872,311 | 995,155 |
| Sipiutang pemungut hutang | — | 28,900 |
| | 4,523,810 | 17,025,703 |

(b) Jumlah ini merujuk kepada perbezaan di antara cukai input dan cukai output yang wujud sebelum ini.

(c) Termasuk di dalam deposit adalah deposit yang diterima daripada pihak pemaju dan wang jaminan pelaksanaan masing-masing berjumlah RM4,515,255 dan RM1,748,860 (2018: RM5,641,684 dan RM2,317,678).

13. GERAN TERTUNDA

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Baki pada awal tahun | 1,733,061 | 6,789,248 |
| Terimaan geran tahun semasa | 12,426,567 | 7,093,373 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Tolak: | | |
| Pelunasan | (11,579,449) | (12,149,560) |
| Baki pada akhir tahun | 2,580,179 | 1,733,061 |

Geran tertunda ini adalah merujuk kepada geran yang diterima daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri bagi melaksanakan beberapa projek seperti menyelenggara jalan, projek landskap dan lain-lain. Geran ini akan dilunaskan apabila obligasi terhadap geran tersebut telah dipenuhi. Jumlah yang dilunaskan di dalam Penyata Prestasi Kewangan bersamaan dengan pengurangan di dalam geran tertunda.

14. PERUNTUKAN

| | Tuntutan Undang-Undang | Peruntukan Lain-Lain | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 1 Januari 2019 | — | — | — |
| Timbul dalam tahun kewangan | 528,034 | 1,565,064 | 2,093,098 |
| Pada 31 Disember 2019 | 528,034 | 1,565,064 | 2,093,098 |

Tuntutan Undang-Undang

Di dalam tahun semasa Majlis telah membuat peruntukan ke atas tuntutan undang-undang yang dibuat oleh orang awam. Pada tarikh laporan ini, Majlis dalam proses rundingan untuk penyelesaian dengan plaintif. Peruntukan dibuat berdasarkan anggaran Majlis dalam pertimbangan penyelesaian.

Peruntukan lain-lain

Peruntukan lain-lain adalah merujuk kepada peruntukan baki yang perlu dibayar kepada kontraktor Majlis bagi menyiapkan bangunan Majlis dan bangunan Pasar Besar Seremban. Kedua-dua bangunan ini telah memperolehi Sijil Perakuan Siap dan sedia untuk digunakan.

15. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Gantian Cuti Rehat | | |
| Baki pada awal tahun | 885,440 | 1,074,486 |
| Tambahan | 460,719 | 227,884 |
| Pembayaran | (481,743) | (337,794) |
| Terkurang/(Terlebih) peruntuk | 219,076 | (79,136) |
| Baki pada akhir tahun | 1,083,492 | 885,440 |
| Ganjaran Pekerja Kontrak | | |
| Baki pada awal tahun | 65,377 | 129,073 |
| Tambahan | 76,376 | 65,377 |
| Pembayaran | (123,745) | (129,073) |
| Terkurang peruntuk | 58,368 | — |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | 76,376 | 65,377 |
| | 1,159,868 | 950,817 |
| Peruntukan manfaat kakitangan dianalisa seperti berikut: | | |
| Kurang daripada 12 bulan | 528,776 | 343,699 |
| Lebih daripada 12 bulan | 631,092 | 607,118 |
| | 1,159,868 | 950,817 |

16. PINJAMAN SEWA BELI

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Analisa sewa beli | | |
| Bayaran balik dalam tempoh 1 tahun | 448,620 | 517,470 |
| Bayaran balik melebihi tempoh 1 tahun | 694,312 | 1,142,910 |
| | 1,142,932 | 1,660,380 |
| Tolak: | | |
| Faedah tertunda | (82,299) | (157,797) |
| | 1,060,633 | 1,502,583 |
| Mewakili liabiliti sewa beli | | |
| Matang dalam tempoh 12 bulan | 374,379 | 441,949 |
| Matang selepas tempoh 12 bulan | 686,254 | 1,060,634 |
| | 1,060,633 | 1,502,583 |
| Pinjaman sewa beli adalah terdiri daripada: | | |
| (i) Pinjaman RHB Islamic Berhad<br>Tujuan: Pembelian Kenderaan<br>Jumlah: RM3,327,500.00<br>Kadar Faedah: 3.0% - 3.15%<br>Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan<br>Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank | — | 68,850 |
| (ii) Pinjaman Maybank Islamic Berhad<br>Tujuan: Pembelian Kenderaan<br>Jumlah: RM1,191,934.72<br>Kadar Faedah: 2.48% - 3.25%<br>Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan<br>Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank | 577,965 | 728,097 |
| (iii) Pinjaman Maybank Islamic Berhad<br>Tujuan: Pembiayaan 2 unit lif<br>Jumlah: RM776,590.00<br>Kadar Faedah: 3.2%<br>Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan | 482,668 | 705,636 |
| Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank | 1,060,633 | 1,502,583 |

17. PINJAMAN

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Analisa pinjaman | | |
| Bayaran balik dalam tempoh 1 tahun | 5,606,791 | 3,707,746 |
| Bayaran balik melebihi tempoh 1 tahun | 150,513,939 | 153,536,712 |
| | 156,120,730 | 157,244,458 |
| Tolak: | | |
| Faedah tertunda | (95,713,869) | (98,581,576) |
| | 60,406,861 | 58,662,882 |
| Mewakili pinjaman | | |
| Matang dalam tempoh 12 bulan | 2,739,085 | 1,373,392 |
| Matang selepas tempoh 12 bulan | 57,667,776 | 57,289,490 |
| | 60,406,861 | 58,662,882 |

Pinjaman-pinjaman adalah terdiri daripada:

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Pinjaman Kerajaan Negeri | | |
| (i) Tujuan: Membiayai Pembinaan Pasar Besar Seremban (1974)<br>Jumlah: RM2,713,400.88<br>Faedah: Tiada<br>Tempoh Bayaran Balik: 28 tahun<br>(1-1-2011 - 31-1-2039)<br>Cagaran: Tiada | 1,272,290 | 1,319,510 |
| (ii) Tujuan: Membiayai Pembinaan Rumah Pangsa Lobak<br>Jumlah: RM6,750,000<br>Faedah: Tiada<br>Tempoh Bayaran Balik : 68 tahun<br>(1-1-2012 - 31-1-2079)<br>Cagaran: Tiada | 2,257,596 | 2,266,919 |
| Pinjaman Bank Berlesen | | |
| (i) Tujuan: Membiayai Premis Perniagaan Pusat Perdagangan Paroi<br>Jumlah: RM4,400,000.00<br>Faedah: 6.85%<br>Tempoh Bayaran Balik: 20 tahun<br>(1-10-2016 - 30-9-2035)<br>Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank<br>Simpanan tetap - RM5,000,000 | 3,823,198 | 3,966,157 |
| (ii) Tujuan: Membiayai Bangunan Wisma Bandar Raya Seremban<br>Jumlah: RM39,600,000<br>Faedah: 6.85%<br>Tempoh Bayaran Balik: 16 tahun<br>(1-4-2017 - 30-4-2033)<br>Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank<br>Simpanan tetap - RM5,000,000 | 36,702,778 | 38,568,179 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| (iii) Tujuan: Membiayai Ubahsuai Bangunan Wisma Bandar Raya Seremban<br>Jumlah: RM18,000,000<br>Faedah: 6.85%<br>Tempoh Bayaran Balik: 16 tahun<br>(1-6-2018 - 31-5-2034)<br>Cagaran: Hakmilik dituntut oleh Bank | 16,350,999 | 12,542,117 |
| | 60,406,861 | 58,662,882 |

18. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Cukai taksiran | 64,440,485 | 61,830,937 |
| Geran kerajaan dan sumbangan awam | 44,171,662 | 40,009,327 |
| Lesen, bayaran pendaftaran dan permit | 7,148,247 | 6,595,705 |
| Sumbangan membantu kadar | 2,681,440 | 3,270,365 |
| Notis dan denda | 4,518,089 | 3,303,710 |
| Lain-lain terimaan | 560,401 | 209,541 |
| | 123,520,324 | 115,219,585 |

19. URUSNIAGA PERTUKARAN

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan | 7,604,806 | 5,053,468 |
| Sewaan | 3,727,763 | 3,139,746 |
| Faedah | 2,138,074 | 2,016,437 |
| Perolehan dari jualan barang | 458,070 | 610,255 |
| | 13,928,713 | 10,819,906 |

20. PERBELANJAAN PERJALANAN DAN SARA HIDUP

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Makanan dan minuman | 13,215 | 7,414 |
| Penginapan | 169,725 | 208,652 |
| Elaun perjalanan, bayaran tambang bas dan teksi | 239,158 | 269,464 |
| Bayaran-bayaran lain | 105,556 | 13,022 |
| | 527,654 | 498,552 |

21. UTILITI

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Elektrik | 9,224,972 | 9,026,384 |
| Air | 1,410,625 | 1,599,584 |
| Telefon | 670,721 | 437,844 |
| Pos | 149,016 | 214,504 |
| Pembentungan | 80,988 | 171,682 |
| | 1,536,322 | 11,449,998 |

22. SEWAAN

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Sewaan bangunan pejabat | 148,676 | 608,999 |
| Sewaan alat kelengkapan elektronik yang lain | 82,804 | 102,744 |
| Kenderaan penumpang | 500 | 500 |
| Sewaan pelbagai alat kelengkapan penyiaran | 7,500 | 6,700 |
| Sewaan jentera lain-lain | 20,580 | 14,500 |
| Sewaan jentera pertanian | 5,750 | 25,674 |
| Bayaran sewaan lain-lain | 220,700 | 31,707 |
| | 486,510 | 790,824 |

23. BEKALAN BAHAN-BAHAN MENTAH

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Bitumen termasuk premix | 59,000 | 591,392 |
| Alat-alat ganti | 1,288,523 | 910,212 |
| Petroleum dan bahan-bahan pembakar | 523,041 | 534,038 |
| Bekalan pertanian | 129,368 | 163,790 |
| Kimia dan bahan-bahan kimia | 339,910 | 309,628 |
| Logam | 227,279 | 198,441 |
| Getah dan barang-barang buatan getah | 96,370 | 95,615 |
| Kayu dan keluaran kayu | 26,863 | 18,905 |
| | 2,690,354 | 2,822,021 |

24. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN

| | | |
|---|---|---|
| Bekalan pejabat | 544,892 | 677,272 |
| Bekalan tenunan dan barang-barang pakaian | 477,305 | 494,020 |
| Bekalan am | 617,892 | 311,234 |
| Bekalan riadah | 30,582 | 22,790 |
| Bekalan dan bahan fotografi | 3,400 | 9,468 |
| | 1,674,071 | 1,514,784 |

25. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL

| | | |
|---|---|---|
| Penyelenggaraan kemudahan | 4,266,088 | 4,211,965 |
| Penyelenggaraan bangunan termasuk lif dan alat keselamatan | 735,719 | 1,180,831 |
| Penyelenggaraan alat kelengkapan pejabat, perabot dan kelengkapan | 15,276 | 41,697 |
| Penyelenggaraan kenderaan dan jentera | 169,643 | 184,534 |
| Penyelenggaraan alat kelengkapan elektronik | 983,350 | 610,293 |
| Penyelenggaraan alat kelengkapan elektrik | 301,448 | 142,331 |
| Penyelenggaraan alat-alat lain | — | 19,495 |
| | 6,471,524 | 6,391,146 |

26. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan yang dibeli (Nota (a)) | 24,453,241 | 22,711,671 |
| Bayaran kepada pekerja sementara dan sambilan | 5,768,481 | 5,961,727 |
| Keraian, hospitaliti dan honorarium | 642,207 | 947,823 |
| Perkhidmatan percetakan dan menjilid | 363,699 | 535,298 |
| | 31,227,628 | 30,156,519 |

(a) Perkhidmatan yang dibeli terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan yang lain | 21,836,499 | 19,921,679 |
| Perkhidmatan perubatan | 714,416 | 934,845 |
| Perkhidmatan latihan kakitangan | 297,380 | 240,383 |
| Perkhidmatan perlindungan dan keselamatan | 588,721 | 580,836 |
| Perkhidmatan arkitek | — | 57,044 |
| Perkhidmatan persediaan makanan | 259,799 | 163,894 |
| Perkhidmatan jurutera | 81,565 | 277,947 |
| Perkhidmatan pengiklanan | 112,065 | 104,859 |
| Perkhidmatan jurukur | 18,405 | 47,022 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Perkhidmatan perundangan | 198,901 | 136,266 |
| Perkhidmatan penghantaran bil | 38,771 | 59,142 |
| Perkhidmatan perakaunan dan auditan | 47,760 | 49,940 |
| Perkhidmatan penyenggaraan apartment | 16,253 | 14,242 |
| Perkhidmatan fotografi, blue printing dan mikrofilem | 5,000 | 14,800 |
| Perkhidmatan pengangkutan sampah | 1,011 | 2,095 |
| Perkhidmatan penyelenggaraan | 236,695 | 69,159 |
| Perkhidmatan komputer dan prosesan data | — | 37,518 |
| | 24,453,241 | 22,711,671 |

27. PEMBERIAN DALAM NEGERI

| | | |
|---|---|---|
| Pemberian kepada Kelab Sukan | 213,100 | 297,000 |
| Pemberian kepada Lain-Lain Persatuan | — | 1,245 |
| Bantuan kematian | 9,000 | 3,000 |
| | 222,100 | 301,245 |

28. TUNTUTAN INSURANS DAN PAMPASAN

| | | |
|---|---|---|
| Individu | 1,180 | 6,816 |

29. FAEDAH

| | | |
|---|---|---|
| Faedah yang dibayar atas pinjaman | 2,943,193 | 2,440,271 |
| Pembalikan masa kini | 143,457 | 145,632 |
| | 3,086,650 | 2,585,903 |

30. PELBAGAI PERBELANJAAN

| | | |
|---|---|---|
| Pelbagai termasuk premium insuran, komisen bank | 1,115,204 | 557,266 |
| Cukai, cukai tanah dan duti setem | 122,794 | 121,429 |
| Pulangan balik hasil | 80,977 | 1,952 |
| Belanja peruntukan undang-undang | 554,314 | — |
| Cukai barang dan perkhidmatan (GST) terlebih tuntut | — | 2,462,209 |
| | 1,873,289 | 3,142,856 |

31. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

| | 2019 RM | 2018 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Menaiktaraf jalan dan lorong-lorong | 10,153,694 | 17,879,516 |
| Memasang dan menukar lampu | 2,439,320 | 2,057,177 |
| Lain-lain infrastruktur | 630,380 | 897,534 |
| Menaiktaraf longkang dan saliran | 1,255,682 | 1,019,512 |
| Keselamatan rangkaian | 173,799 | 6,360 |
| Pengindahan di kawasan Majlis/projek landskap | 1,047,110 | 148,791 |

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Pembangunan sistem aplikasi perisian | 5,909 | 18,922 |
| Menyelenggara pondok menunggu bas | — | 140,999 |
| Membina laluan pejalan kaki | 64,697 | — |
| Membina billboard sekitar Seremban | — | 13,800 |
| Gis secara lan | 149,607 | 111 |
| Menaiktaraf padang bola sepak, tenis dan futsal | — | 139,248 |
| Bantuan bencana alam | — | 63,243 |
| | 15,920,198 | 22,385,213 |

32. INSTRUMEN KEWANGAN - DASAR PENGURUSAN RISIKO

Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, Majlis mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Majlis hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi Majlis bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Majlis akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Majlis kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Majlis pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun<br>RM | Lebih tempoh setahun<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|
| Pada 31 Disember 2019 | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru | 20,153,186 | — | 20,153,186 |
| Pinjaman sewa beli | 374,379 | 686,254 | 1,060,633 |
| Pinjaman | 2,739,085 | 62,101,290 | 64,840,375 |
| | 23,266,650 | 62,787,544 | 86,054,194 |
| Pada 31 Disember 2018 | | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru | 38,025,346 | — | 38,025,346 |
| Pinjaman sewa beli | 441,949 | 1,060,634 | 1,502,583 |
| Pinjaman | 1,373,392 | 61,866,461 | 63,239,853 |
| | 39,840,687 | 62,927,095 | 102,767,782 |

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman mereka. Pelaburan Majlis dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Pada tarikh pelaporan, jika kadar faedah adalah pada 10 mata asas lebih rendah/tinggi, dengan semua pemboleh ubah lain yang adalah sekata, kurangan bersih Majlis adalah pada RM568,770 lebih tinggi (2018: RM550,765).

Aset dan liabiliti kewangan Majlis yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara ke atas Penyata Prestasi Kewangan Majlis.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

33. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting hanya terdiri oleh Ahli-Ahli Majlis sahaja dimana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 25 | 25 |

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Jumlah ganjaran | 711,252 | 558,859 |

34. KOMITMEN MODAL

| | | |
|---|---|---|
| Pembinaan gerai | — | 585,000 |
| Perisian dalam pelaksanaan | 487,943 | 854,560 |
| Ubahsuai bangunan Majlis Bandaraya Seremban | — | 3,177,439 |
| Baikpulih Pasar Besar Seremban | — | 6,267,468 |
| | 487,943 | 10,884,467 |

35. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Jumlah bajet ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Belanjawan MPS pada 24 Oktober 2018. Bajet asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan pada 12 Disember 2018. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan ke dalam bajet asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pada tahun 2019, Majlis mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM8,103,400. Ringkasan peruntukan tambahan di antaranya adalah seperti di bawah:

(i) Pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) berjumlah RM982,600 sepertimana keputusan Kerajaan Negeri iaitu sebulan gaji atau minima RM2,000 kepada pegawai yang berkhidmat bersama pentadbiran Majlis dalam tahun 2018 iaitu mulai 1 Januari 2018 sehingga 17 Disember 2018.

(ii) Bayaran bagi kerja-kerja baikpulih bangunan Pasar Besar Seremban akibat kebakaran berjumlah RM2,718,000.

(iii) Bayaran perolehan sistem rangkaian dan keselamatan, perkakasan dan perisian serta infrastruktur ict dan perolehan membekal dan memasang *Smart Row Precision Air Conditioning (PAC)* di bangunan baru MBS sebanyak RM495,700.

(iv) Bagi menampung kos perubatan yang dijangka tidak mencukupi sehingga akhir tahun.

(v) Bagi menampung kenaikan kos pembersihan kepada SW Corp, bayaran kepada kontraktor yang dilantik bagi pembersihan dan pemotongan rumput.

(vi) Pembayaran kerja-kerja cantasan, penebangan pokok dan pembersihan di dalam kawasan Majlis serta khidmat membuka dan memasang kabinet fail dari pejabat lama ke bangunan pejabat baru.

(vii) Bayaran akhir pembinaan Taipan Walk Fasa 1 di Senawang berjumlah RM120,300.00

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:

| | Operasi<br>RM | Pelaburan<br>RM | Pembiayaan<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar di dalam | | | | |
| Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | (3,813,016) | (643,358) | 3,340,677 | (1,115,697) |
| Perbezaan asas (Nota (a)) | 10,793,663 | (18,489,433) | 2,961,663 | (4,734,107) |
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Aliran Tunai | 6,980,647 | (19,132,791) | 6,302,340 | (5,849,804) |

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

36. PELARASAN TAHUN LALU

Sebahagian daripada angka-angka bandingan berikut telah diubahsuai bagi mengambilkira persembahan tahun kewangan semasa.

| | Seperti Dinyatakan Semula | Seperti Dinyatakan Terdahulu |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| 31-12-2018 | | |
| Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota (a)) | 2,650,516,109 | 2,635,489,817 |
| Hartanah Pelaburan (Nota (b)) | 271,236,658 | 228,956,501 |
| Aset Tak Ketara (Nota (c)) | 1,183,895 | 1,166,426 |
| Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan | | |
| Perbelanjaan pembangunan (Nota (d)) | 22,385,213 | 22,402,683 |
| Susutnilai (Nota (e)) | 9,550,889 | 143,597,934 |
| Kesan ke atas Penyata Aliran Tunai | | |
| Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi (Nota (f)) | 6,244,109 | 13,320,012 |
| Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan (Nota (g)) | (8,621,223) | (21,145,870) |
| 1-1-2018 | | |
| Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota (a)) | 2,782,038,071 | 40,047,114 |
| Hartanah Pelaburan (Nota (b)) | 273,707,352 | 195,572,570 |

Pelarasan ini merupakan pelarasan tahun lalu yang dinyatakan semula seperti berikut:

(a) Hartanah, Loji dan Peralatan

Pelarasan tahun lalu dibuat bagi tanah Majlis yang telah diiktiraf pada harga premium. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilaian oleh Pengarah Penilaian Majlis.

(b) Hartanah Pelaburan

Pelarasan tahun lalu dibuat bagi tanah Hartanah Pelaburan Majlis yang telah diiktiraf pada harga premium. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilaian oleh Pengarah Penilaian Majlis.

(c) Aset Tak Ketara

Pelarasan tahun lalu dibuat bagi perisian dalam pelaksanaan yang telah diiktiraf sebagai belanja pada tahun sebelum. Perisian tersebut adalah perisian sistem eLesen dan eNilai.

(d) Perbelanjaan pembangunan

Pelarasan tahun lalu kesan daripada pengiktirafan belanja pembangunan sistem kepada perisian komputer dalam pelaksanaan.

(e) Susutnilai

Pelarasan susutnilai bagi pengiktirafan tanah seperti di para (a) dan (b).

(f) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi

Kesan daripada pengiktirafan susutnilai dan pelunasan seperti di para (e).

(g) Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan

Kesan daripada pelarasan tahun lalu di para (c).

37. PERKARA PENTING BERLAKU SELEPAS DARIPADA TEMPOH PELAPORAN

37.1 Penubuhan Majlis Bandaraya Seremban

Pada 1 Januari 2020, Majlis telah bercantum dengan Majlis Perbandaran Nilai (MPN) lalu menjadikannya satu Pihak Berkuasa Tempatan yang dikenali sebagai Majlis Bandaraya Seremban selari dengan Perintah Percantuman Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai 2019. Percantuman ini pada dasarnya tidak memberi kesan yang ketara kepada operasi dan kewangan Majlis Bandaraya Seremban.

Di dalam tahun kewangan 2020, Majlis Bandaraya Seremban akan menyediakan penyata kewangannya yang pertama di mana penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan terakhir yang akan disediakan oleh Majlis.

Bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan, nilai buku bersih bangunan ini dilaporkan sebanyak RM20,184,245 termasuk kos yang terlibat secara langsung di dalam pembelian tersebut. Bayaran sebanyak RM39,600,000 telah dibiayai melalui pinjaman Bank Islam Malaysia Berhad bagi tempoh selama 15 tahun. Pinjaman dibuat atas nama Majlis dan MPN hanya sebagai penjamin pinjaman sahaja.

37.2 Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pada 18 Mac 2020

Pada 16 Mac 2020 yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”) bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Tempoh PKP ini kemudiannya telah dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2020. Sepanjang tempoh PKP ini, Majlis hanya membuka premisnya bermula 4 Mei 2020 bagi segala urusan dengan orang awam.

Pelaksanaan PKP oleh Kerajaan ini tidak memberikan kesan yang ketara ke atas aliran tunai Majlis serta operasi Majlis di masa hadapan kecuali Majlis telah memberikan pengecualian sewaan premis selama 3 bulan di mana anggaran sewaan premis yang tidak boleh dikutip oleh Majlis adalah berjumlah RM1,036,382.

Tiada pelarasan yang dibuat ke atas aset dan liabiliti Majlis pada tarikh pelaporan disebabkan oleh kesan PKP kerana PKP yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk membendung penularan wabak COVID-19 dan bukannya disebabkan oleh wabak tersebut. Ahli-ahli Majlis berpendapat bahawa PKP ini tidak memberikan bukti keadaan yang wujud pada akhir tempoh pelaporan dan ia dinilai sebagai peristiwa yang tidak perlu dilaraskan *(non-adjusting events)*.

**No. 364.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH PORT DICKSON
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 37, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standands of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Port Dickson dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standands of Supreme Audit Institutions*.

Perkara Audit Utama

Perkara Audit Utama adalah perkara berdasarkan penilaian profesional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai Perkara Audit Utama dalam menyatakan pendapat saya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Port Dickson bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawb Ahli Majlis terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Port Dickson yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Port Dickson untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Port Dickson.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Port Dickson sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson memberi gambaran yang saksama.

(f) Saya menentukan perkara paling signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson tahun kewangan semasa sebagai perkara audit utama melalui komunikasi dengan Ahli Majlis. Saya menerangkan perkara ini di dalam Sijil Juruaudit melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam atau dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, saya menentukan bahawa perkara ini tidak boleh dinyatakan dalam Sijil Juruaudit kerana kesan buruk pendedahan tersebut secara munasabah dijangka akan melebihi faedah kepentingan awam.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN
Bertarikh 28 September 2020

AHMAD BIN SELI
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

LAPORAN JURURAUDIT SWASTA
KEPADA KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diaudit oleh wakil kami yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 36.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan Majlis Perbandaran Port Dickson pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 Akta 171.

Asas Kepada Pendapat

Kami telah menjalankan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). Tanggungjawab kami dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam Laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Port Dickson dan telah memenuhi tanggungjawab etika berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI).

Tanggungjawab Lembaga terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Diskcon yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit untuk pengaudiran Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Diskcon secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut ISSAI akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara samada, secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut ISSAI, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalam Majlis Perbandaran Port Dickson.

- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan oleh Ahli Majlis.

- Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Port Dickson sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami perlu melaporkan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan dalaman Majlis Perbandaran Port Dickson atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat kami akan diubah. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit.

- Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson memberi gambaran yang saksama.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain

Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan oleh Majlis Perbandaran Port Dickson telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Perintah.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

SHAH ALAM
Bertarikh 27 Ogos 2020

AZMAN AHMAD & CO.
*AF: 1117*
*Akauntan Bertauliah*

DATUK DR. HAJI NORAZMAN BIN HAJI AHMAD
*No. 01761/12/2021 J*
*Rakankongsi Firma*

PENYATA MAJLIS

Kami, Mohd Zamri bin Mohd Esa, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Port Dickson dan Zahari bin Md Afandi, Setiausaha Majlis Perbandaran Port Dickson dengan ini mengesahkan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta nota-nota yang dilampirkan telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2019, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,

MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA
*Yang Dipertua*
*Majlis Perbandaran Port Dickson*

Tarikh 30 Jun 2020

ZAHARI BIN MD AFANDI
*Setiausaha*
*Majlis Perbandaran Port Dickson*

Tarikh 30 Jun 2020

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Mohamad Azami bin Md Zin dan Mohd Yani bin Alias, dua orang daripada Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Port Dickson menyatakan bahawa pada pendapat Ahli-Ahli Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta nota-nota yang dilampirkan telah disediakan mengikut Piawaian perakaunan Sektor Awam Malaysia supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2019, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,

MOHAMAD AZAMI BIN MD ZIN
*Ahli Majlis*
*Majlis Perbandaran Port Dickson*

Bertarikh 30 Jun 2020

MOHD YANI BIN ALIAS
*Ahli Majlis*
*Majlis Perbandaran Port Dickson*

Bertarikh 30 Jun 2020

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Kami, Mohd Zamri bin Mohd Esa dan Zahari bin Md Afandi pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Port Dickson, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 yang berikut ini berserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah benar dan kami membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan berkanun, 1960.

MOHD ZAMRI BIN MOHD ESA
*Yang Dipertua*
*Majlis Perbandaran Port Dickson*

ZAHARI BIN MD AFANDI
*Setiausaha*
*Majlis Perbandaran Port Dickson*

Sebenarnya dan sesungguhnya
Diakui oleh,
Mohd Zamri bin Mohd Esa dan
Zahari bin Md Afandi
di Port Dickson
Negeri Sembilan, Darul Khusus

Bertarikh 30 Jun 2020

Di hadapan saya,
KHAIRY BIN MAAMOR
*Majistret*

MAKLUMAT MAJLIS

| | | |
|---|---|---|
| Yang DiPertua Majlis | : | Mohd Zamri bin Mohd Esa |
| Setiausaha | : | Zahari bin Md Afandi |
| Juruaudit | : | Ketua Audit Negara<br>Jabatan Audit Negara<br>Aras 1-5, Lot 2G4, Presint 2<br>Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan<br>62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya |
| Pejabat Berdaftar | : | Majlis Perbandaran Port Dickson<br>71009 Port Dickson<br>Negeri Sembilan, Darul Khusus |

| | | |
|---|---|---|
| Bank-bank | : | Malayan Banking Berhad<br>CIMB Bank Berhad<br>Affin Bank Berhad<br>Public Bank Berhad<br>Bank Islam Malaysia Berhad<br>Bank Simpanan Nasional<br>AmBank Berhad<br>Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad<br>Bank Muamalat Malaysia Berhad |

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| ASET SEMASA | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 3) | 13,793,247 | 13,560,939 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima (Nota 4) | 292,291 | 343,175 |
| Belum Terima Lain (Nota 5) | 1,191,297 | 1,288,669 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai (Nota 6) | 16,730,725 | 17,243,065 |
| Jumlah Aset Semasa | 32,007,560 | 32,435,848 |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 7) | 434,552,346 | 33,673,077 |
| Hartanah Pelaburan (Nota 8) | 23,663,785 | 23,172,939 |
| Aset Tak Ketara (Nota 9) | 381,290 | 299,160 |
| Jumlah Aset Bukan Semasa | 458,597,421 | 57,145,176 |
| JUMLAH ASET | 490,604,981 | 89,581,024 |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar (Nota 10) | 2,541,093 | 2,649,298 |
| Wang Pertaruhan (Nota 11) | 9,817,149 | 8,270,777 |
| Sumbangan Amanah (Nota 12) | 1,974,639 | 3,217,072 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar (Nota 13) | 4,928,021 | 3,808,909 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 14) | 133,729 | 338,242 |
| Jumlah Liabiliti Semasa | 19,394,631 | 18,284,298 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 14) | 1,499,309 | 1,457,240 |
| Jumlah Liabiliti Bukan Semasa | 1,499,309 | 1,457,240 |
| JUMLAH LIABILITI | 20,893,940 | 19,741,538 |
| ASET BERSIH | 469,711,041 | 69,839,486 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 469,711,041 | 69,839,486 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| JUMLAH ASET BERSIH | 469,711,041 | 69,839,486 |

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah di baca bersama dengannya.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| HASIL | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran (Nota 15) | 56,579,423 | 52,587,407 |
| Urus Niaga Pertukaran (Nota 16) | 3,416,232 | 2,520,583 |
| Jumlah Hasil | 59,995,655 | 55,107,990 |
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen (Nota 17) | 12,822,784 | 11,634,552 |
| Perkhidmatan Pekerja Kontrak (Nota 18) | 6,753,230 | 6,292,317 |
| Perjalanan Dan Sara Hidup | 64,155 | 64,428 |
| Perhubungan | 523,877 | 500,427 |
| Utiliti | 4,249,023 | 4,229,860 |
| Bekalan Dan Bahan-Bahan | 1,435,280 | 1,600,721 |
| Penyelenggaraan Dan Pembaikan | 2,129,908 | 2,273,085 |
| Perkhidmatan Iktisas Dan Lain-Lain (Nota 19) | 13,203,170 | 13,072,847 |
| Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap | 125,669 | 132,695 |
| Perbelanjaan Pembangunan (Nota 20) | 17,845,456 | 14,651,889 |
| Pelupusan/Hapuskira | 215,896 | 24,782 |
| Hutang Ragu | 538,135 | 484,035 |
| Susutnilai Hartanah, Loji Dan Peralatan | 22,081,046 | 1,219,558 |
| Susutnilai Hartanah Pelaburan | 327,783 | 322,256 |
| Pelunasan Aset Tak Ketara | 57,820 | 69,693 |
| Manfaat kakitangan | 237,891 | 25,995 |
| Jumlah Perbelanjaan | 82,611,123 | 56,599,140 |
| KURANGAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN | (22,615,468) | (1,491,150) |
| Percukaian (Nota 21) | — | — |
| KURANGAN BERSIH BAGI TAHUN | (22,615,468) | (1,491,150) |

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah di baca bersama dengannya.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | Kumpulan Wang Majlis RM | Jumlah Aset Bersih RM |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2018 | 71,330,636 | 71,330,636 |
| Kurangan bersih bagi tahun | (1,491,150) | (1,491,150) |
| Baki pada 1 Januari 2019 - Seperti yang dinyatakan terdahulu | 69,839,486 | 69,839,486 |
| Kesan pemakaian MPSAS (Nota 2.21) | 422,487,023 | 422,487,023 |
| Baki pada 1 Januari 2019 - Seperti yang dinyatakan semula | 492,326,509 | 492,326,509 |
| Kurangan bersih bagi tahun | (22,615,468) | (22,615,468) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 469,711,041 | 469,711,041 |

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah di baca bersama dengannya.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI | | |
| Kurangan Pendapatan dari Perbelanjaan | (22,615,468) | (1,491,150) |
| Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Pergerakan Tunai: | | |
| Peruntukan Hutang Ragu | 538,135 | 484,035 |
| Manfaat Kakitangan | 237,891 | 64,047 |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 22,081,046 | 1,244,340 |
| Pelunasan Aset Tak Ketara | 57,820 | 69,693 |
| Susutnilai Hartanah Pelaburan | 327,783 | 322,256 |
| Pendapatan faedah | (821,460) | (747,027) |
| Kurangan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja | (194,253) | (53,806) |
| Tambahan/(Kurangan) Modal Kerja | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima | (770,442) | (2,412,499) |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima | 50,884 | (246,072) |
| Belum Terima Lain | 97,372 | — |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar | (108,207) | 2,918,438 |
| Sumbangan Amanah Pembangunan | (1,242,433) | 1,703,835 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | (363,715) | — |
| Wang Pertaruhan | 1,546,372 | — |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar | 1,119,113 | 38,572 |
| Tunai Bersih Dihasilkan Dari Aktiviti Operasi | 134,691 | 1,948,468 |
| Aliran Tunai Dari Aktiviti Pelaburan | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | (509,912) | (538,249) |
| Hartanah Pelaburan | (818,629) | (222,062) |
| Aset Tak Ketara | (139,950) | (120,670) |
| Faedah Diterima | 821,460 | 747,027 |
| Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan | (647,031) | (133,954) |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| (Kurangan)/Tambahan Bersih Dalam Aliran Tunai | (512,340) | 1,814,514 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | 17,243,065 | 15,428,551 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun (Nota 6) | 16,730,725 | 17,243,065 |

Nota-nota kepada akaun adalah sebahagian dari akaun ini dan hendaklah di baca bersama dengannya.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | Jumlah Bajet | | Jumlah | Varian | Varian |
|---|---|---|---|---|---|
| | Asal | Akhir | Sebenar | Bajet^ | Bajet^ |
| | RM | RM | RM | RM | % |
| PENERIMAAN | | | | | |
| Hasil cukai | 34,197,200 | 34,197,200 | 31,280,238 | 2,916,962 | 9.33 |
| Hasil bukan cukai | 7,441,800 | 7,441,800 | 7,972,400 | (530,600) | (6.66) |
| Terimaan bukan hasil | 3,771,000 | 3,771,000 | 3,760,814 | 10,186 | 0.27 |
| Jumlah Penerimaan | 45,410,000 | 45,410,000 | 43,013,452 | 2,396,548 | 5.57 |
| PEMBAYARAN | | | | | |
| Emolumen | 12,343,000 | 13,513,575 | 12,822,783 | 690,792 | 5.39 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 27,353,000 | 28,236,477 | 28,212,043 | 24,434 | 0.09 |
| Aset | 450,000 | 477,000 | 451,007 | 25,993 | 5.76 |
| Pemberian dan kenaan bayaran tetap | 394,000 | 453,596 | 363,560 | 90,036 | 24.8 |
| Perbelanjaan lain-lain | 340,000 | 300,000 | 277,566 | 22,434 | 8.08 |
| Projek-projek pembangunan | 4,515,000 | 4,515,000 | 3,608,862 | 906,138 | 25.11 |
| Jumlah Pembayaran | 45,395,000 | 47,495,648 | 45,735,821 | 1,759,827 | 3.85 |
| PENERIMAAN BERSIH | 15,000 | (2,085,648) | (2,722,369) | 636,721 | |

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Penjelasan varian melebihi 20%

1. Pemberian dan kenaan bayaran tetap

1.1 Ganjaran Kakitangan Kontrak serta Gantian Cuti Rehat terhadap kakitangan tetap dan kontrak telah dibuat di bawah Peruntukan Manfaat Kakitangan mengikut dasar perakaunan MPSAS. Selaras dengan itu, segala perbelanjaan ganjaran dan gantian cuti rehat yang telah diperuntukkan di bawah vot Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap telah diselaraskan ke vot akaun Peruntukan Manfaat Kakitangan semasa penutupan akaun tahunan.

2. Projek-projek pembangunan

2.1 Senarai Projek-projek pembangunan yang tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

2.1.1 Cadangan Menaiktaraf Lampu Limpah di Wellness Zone, Teluk Kemang berjumlah RM200,000 tidak mencukupi disebabkan anggaran kos melebihi peruntukan bagi menampung keperluan penggantian kabel bawah tanah.

2.1.2 Anggaran kos membaikpulih peralatan dan pemasangan paip baru sistem pencegah kebakaran oleh JKR Mekanikal Seremban adalah sebanyak RM180,000 berbanding yang telah dianggarkan sebanyak RM100,000.

2.1.3 Cadangan menaiktaraf Dewan Serbaguna di Kampung Sendayan berjumlah RM100,000 tidak dilaksanakan oleh pihak Majlis disebabkan kerja tersebut telah diambil alih oleh Pejabat Daerah dan Tanah Port Dickson.

2.1.4 Cadangan menaiktaraf setor UTKPK yang berjumlah RM50,000 telah ditolak oleh Mesyuarat Justifikasi Kerja dan perlu penelitian semula spesifikasi supaya pembinaan setor dapat digunakan sebaiknya.

2.1.5 Peruntukan vot Membina dan Menaikkan taraf Pondok Perhentian Bas berjumlah RM50,000 bagi kerja membina 'layby' bas serta lain-lain kerja berkaitan di Dataran Segar tidak dapat dilaksanakan berikutan tiada kawasan yang sesuai dimana kawasan yang ada melibatkan longkang milik JKR dan beberapa pokok besar milik Majlis.

2.1.6 Cadangan bagi membina arca dan mercu tanda di Pantai milik Majlis berjumlah RM100,000 tidak dilaksanakan atas sebab pemilihan rekabentuk mercu tanda tersebut ditangguhkan sehingga Rancangan Kawasan Khas (RKK) Persisiran Pantai diwartakan dimana rekabentuk mercu tanda/ arca tersebut perlu diselaraskan dengan RKK.

2.1.7 Cadangan bagi Penyediaan Laporan, Percetakan RTMVV bagi Kajian dan Penyediaan Pelan Tempatan berjumlah RM75,000 ditangguhkan kerana Pelan Malaysia Negeri Sembilan belum membuat pewartaan.

2.1.8 Terdapat lebihan pada peruntukan vot Luar jangka/Kecemasan sebanyak RM152,420.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT AM

1.1 PENUBUHAN

Majlis Perbandaran Port Dickson adalah sebuah pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis.

1.2 KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama yang dijalankan oleh Majlis ialah:

1.2.1 Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta yang menerima perkhidmatan dari Majlis secara langsung atau tidak langsung seperti lampu jalan, perkhidmatan pembersihan longkang dan kutipan sampah.

1.2.2 Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang berniaga dalam kawasan operasi Majlis.

1.2.3 Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

1.2.4 Memproses pelan dan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) ke atas premis-premis di dalam kawasan operasi Majlis.

Alamat Majlis adalah Pejabat Majlis Perbandaran Port Dickson, 71009 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Penyata Kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Majlis sama seperti tarikh pada penyata oleh Majlis dan penyata oleh ahli-ahli Majlis di muka surat i dan ii.

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan Majlis telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") dan 1 Pekeliling Perbendaharaan (1PP).

Penyata Kewangan Majlis ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan terakhir yang disediakan menggunakan MPSAS.

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran, dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia telah didedahkan dalam Nota 2.18 kepada Penyata Kewangan.

2.2 ASET KEWANGAN

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak kerugian hutang ragu. Kos dilunaskan dikira dengan mengambilkira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Kerugian Hutang Ragu Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk diperuntukan hutang ragu. Bukti objektif termasuk:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) pembayaran tertunggak;

(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Kerugian Hutang Ragu bagi Cukai Taksiran dibuat ke atas mana-mana siberhutang yang mempunyai umuran 7 tahun dan ke atas.

Kerugian Hutang Ragu bagi Sewaan dibuat ke atas mana-mana siberhutang yang mempunyai umuran 7 bulan dan ke atas.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat kerugian hutang ragu.

Kerugian hutang ragu, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian hutang ragu diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian hutang ragu menurun, kerugian hutang ragu yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.3 ROSOT NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

(i) Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

(ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya. Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambil kira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.4 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai merangkumi wang tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas (12) bulan atau kurang yang sedia untuk ditukar kepada amaun tunai yang diketahui yang tertakluk kepada risiko pertukaran nilai yang tidak signifikan. Pihak Majlis telah menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunai.

2.5 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan diiktiraf harta modal yang berharga RM2,000 dan ke atas bagi setiap unit.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Susutnilai dikira berasaskan kaedah garis lurus pada kadar tahunan yang berikut berdasarkan jangka hayat kegunaan harta berkenaan.

Kadar susut nilai adalah seperti berikut:

| Harta Tak Alih | Kadar |
|---|---|
| Tanah Hakmilik Kekal | — |
| Tanah Pajakan | Mengikut Tempoh Pajakan |
| Bangunan Batu | 1% |
| Bangunan Kayu | 5% |
| Aset Infrastruktur | 5% |
| Harta Alih | |
| Jentera Berat | 13% |
| Kenderaan | 13% |
| Jentera Ringan | 20% |
| Alat-Alat Pejabat | 10% |
| Alat Pembersihan | 33% |

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.6 KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja Dalam Kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan serta Perisian Komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan Hartanah, Loji dan Peralatan akan dipermodalkan sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical) dikeluarkan dan dilunaskan. Bagi kos Perisian Komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan. Jumlah ini ditunjukkan pada kos berdasarkan bayaran kemajuan pada akhir tahun. Jumlah kos ini akan dipindahkan ke Hartanah, Loji dan Peralatan apabila kerja telah disempurnakan dan peruntukkan susutnilai akan dikenakan pada akhir tahun.

2.7 ASET TAK KETARA

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.8 HARTANAH PELABURAN

Hartanah pelaburan yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya, pada awalnya diukur pada kos. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul (jika ada).

Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Caj susutnilai diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan.

Nilai dibawa item hartanah pelaburan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah pelaburan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Pindahan akan dibuat apabila terdapat perubahan di dalam penggunaannya.

2.9 LIABILITI KEWANGAN

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Majlis hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.10 PERUNTUKAN LIABILITI

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

2.11 MENGOFSET INSTRUMEN KEWANGAN

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.12 NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN

Nilai saksama instrumen kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif pada setiap tarikh laporan adalah ditentukan dengan merujuk harga pasaran disebut tanpa mengurangkan kos urus niaga.

2.13 MANFAAT PEKERJA

2.13.1 Manfaat Kakitangan Jangka Pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), Dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus, dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.13.2 Manfaat Selepas Perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan diguna pakai oleh Majlis.

Majlis hanya mengambil kira peruntukan gantian cuti rehat bagi kakitangannya yang telah mencapai umur 40 tahun bagi wanita dan 45 tahun bagi lelaki dan dikira berdasarkan formula berikut:

1/30 X Gaji akhir yang akan diterima berdasarkan unjuran kenaikan 3 tangga gaji X Jumlah hari cuti rehat yang dikumpulkan (tertakluk kepada had maksimum 150 hari)]

Pihak Majlis juga akan memberi ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka berdasarkan formula berikut:

[17.5% - 12% ( caruman KWSP majikan) X gaji pokok terakhir X jumlah bulan perkhidmatan]
(-) Faedah syer ke atas caruman KWSP majikan (anggaran RM100)

2.14 PENGIKTIRAFAN HASIL

2.14.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada urusniaga bukan pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran Am

Cukai Taksiran Am adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Caruman Bantu Kadar

Caruman Bantu Kadar adalah hasil cukai tidak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Caruman Bantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(iii) Lesen-lesen

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, lesen anjing, iklan dan lain-lain.

(iv) Notis dan Denda

Notis dan denda merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Tahunan

Geran tahunan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

(vi) Sewaan

Hasil sewa yang dikenakan ke atas premis-premis Majlis diiktiraf mengikut syarat perjanjian penyewaan.

2.14.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan telah diberikan.

(ii) Peroleh Jualan Barang-Barang

Perolehan dari Jualan Barang-Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain diiktiraf apabila risiko dan ganjaran pemilikan telah berpindah kepada pembeli.

(iii) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulang hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(iv) Pelbagai Pendapatan

Pelbagai pendapatan adalah terimaan selain daripada nota 2.14.2 (i) hingga (iii) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.15 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Perbelanjaan Pembangunan meliputi kos pembangunan di dalam kawasan Majlis yang diperuntukan dalam anggaran termasuk peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Bagi perbelanjaan pembangunan yang boleh dipermodalkan ia ditunjukkan sebagai aset tetap dan peruntukan susutnilai akan dikenakan apabila projek siap.

2.16 PIHAK BERKAITAN

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli majlis.

2.17 MAKLUMAT BAJET

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Majlis sahaja dan tidak mengambilkira bajet entiti yang dikawal kerana ia tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

2.18 PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

Kerugian Hutang Ragu bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tidak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan dan Aset Tak Ketara

Semua hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

Penentuan Pelaburan Hartanah

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.19 PERUNTUKAN DAN LIABILITI

2.19.1 Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.20 LIABILITI LUAR JANGKA DAN ASET LUAR JANGKA

2.20.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.20.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.21 KESAN PEMAKAIAN MPSAS

2.21.1 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan yang terakhir bagi Majlis untuk mematuhi rangka kerja perakaunan MPSAS secara keseluruhannya di mana di dalam penyata kewangan peralihan sebelum ini, Majlis telah memilih beberapa peruntukan dan pengecualian samada ia memberi kesan yang ketara atau tidak ketika menyediakan penyata kewangan peralihan tersebut. Memandangkan penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan yang terakhir, peruntukan dan pengecualian berikut telah diambilkira di dalam penyediaan penyata kewangan tahun semasa.

Peruntukan manfaat kakitangan

MPSAS 25 Employee Benefits menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan kepada kakitangan. Memandangkan Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangannya apabila mereka bersara kelak, maka Majlis telah membuat peruntukan tersebut di dalam penyata kewangan ini menggunakan Kaedah Projected Unit Credit.

Aset infrastruktur

Majlis memilik aset infrastruktur iaitu jalan raya dan pondok bas yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan sebelum ini disebabkan oleh Majlis di dalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya. Di dalam tahun kewangan semasa, aset-aset infrastruktur tersebut telah dipermodalkan.

2.21.2 Kesan pemakaian di atas ke atas penyata kedudukan kewangan Majlis pada 1 Januari 2019 adalah seperti berikut:

| | Seperti Dinyatakan Terdahulu | Kesan Pemakaian MPSAS | Seperti Dinyatakan Semula |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 33,673,077 | 422,450,404 | 456,123,481 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | 1,795,482 | (36,619) | 1,758,863 |
| Kumpulan Wang Majlis | 69,839,486 | 422,487,023 | 492,326,509 |

2.22 PAJAKAN

2.22.1 Pajakan kewangan

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan di antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh dimana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

2.22.2 Pajakan operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

3. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Tunggakan Hasil (Nota (a)) | 13,752,754 | 13,520,546 |
| Wang Pertaruhan | 40,493 | 40,393 |
| | 13,793,247 | 13,560,939 |

(a) Tunggakan Hasil

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 19,987,336 | 19,305,134 |
| Sewaan | 281,382 | 193,242 |
| | 20,268,718 | 19,498,376 |
| Tolak: | | |
| Elaun Hutang Ragu | | |
| Cukai Taksiran Am | (6,380,634) | (5,910,606) |
| Sewaan | (135,330) | (67,224) |
| | 13,752,754 | 13,520,546 |

Analisa pengumuran urusniaga bukan pertukaran belum terima adalah seperti berikut:

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Tidak melebihi tempoh dan tidak dirosotnilai | 4,538,635 | 4,921,562 |
| Satu hingga dua tahun melebihi tempoh tetapi tidak dirosotnilai | 2,820,761 | 2,694,565 |
| Dua hingga tiga tahun melebihi tempoh tetapi tidak dirosotnilai | 2,094,893 | 1,939,483 |
| Tiga hingga empat tahun melebihi tempoh tetapi tidak dirosotnilai | 1,655,362 | 1,550,060 |
| Empat hingga lima tahun melebihi tempoh tetapi tidak dirosotnilai | 1,362,555 | 1,271,009 |
| Melebihi tempoh lima tahun tetapi tidak dirosotnilai | 1,134,496 | 1,017,849 |
| | 13,606,702 | 13,394,528 |
| Telah dirosotnilai | 6,380,634 | 5,910,606 |
| | 19,987,336 | 19,305,134 |

Butiran pergerakan elaun hutang ragu adalah seperti berikut

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 5,910,606 | 5,464,239 |
| Tambahan dalam tahun semasa | 470,028 | 446,367 |
| Baki pada akhir tahun | 6,380,634 | 5,910,606 |

4. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | | |
|---|---|---|
| Kutipan Agensi | 12,679 | 26,104 |
| Penghutang Pelbagai | 22,024 | 17,645 |
| Faedah Simpanan Tetap Belum Terima | 257,588 | 299,426 |
| | 292,291 | 343,175 |

5. BELUM TERIMA LAIN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Pendahuluan Pelbagai | 98,260 | 83,667 |
| Pendahuluan Kaunter | 1,000 | 1,000 |
| Pendahuluan Kos Tindakan Guaman | 498,055 | 567,574 |
| Penghutang -GST Telah Dituntut | 593,982 | 636,428 |
| | 1,191,297 | 1,288,669 |

6. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

| | | |
|---|---|---|
| Simpanan-simpanan tetap | 14,101,720 | 15,000,000 |
| Tunai di bank | 2,627,005 | 2,241,065 |
| Tunai di tangan | 2,000 | 2,000 |
| | 16,730,725 | 17,243,065 |

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

7.1 TAHUN 2019

| | Tanah | Bangunan | Jentera Berat | Kenderaan Rasmi | Jentera Ringan | Alatan Pejabat | Alat Pembersihan | Aset Infrastruktur | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | | | | | | | | | |
| - Seperti dinyatakan terdahulu | 537,815 | 36,132,559 | 2,628,125 | 3,257,798 | 323,226 | 6,719,786 | 1,016,274 | — | 50,615,583 |
| Kesan pemakaian MPSAS | — | — | — | — | — | — | — | 422,450,404 | 422,450,404 |
| Pada 1 Januari 2019 | | | | | | | | | |
| - Seperti dinyatakan semula | 537,815 | 36,132,559 | 2,628,125 | 3,257,798 | 323,226 | 6,719,786 | 1,016,274 | 422,450,404 | 473,065,987 |
| Tambahan dalam tahun | — | 20,000 | — | 191,230 | 24,925 | 188,967 | 34,850 | 49,940 | 509,912 |
| Pelupusan | — | — | — | — | — | — | (7,000) | — | (7,000) |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2019 | 537,815 | 36,152,559 | 2,628,125 | 3,449,028 | 348,151 | 6,908,753 | 1,044,124 | 422,500,344 | 473,568,899 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | 16,880 | 4,974,735 | 2,420,481 | 2,791,262 | 290,828 | 5,433,786 | 1,014,534 | — | 16,942,506 |
| Susutnilai tahun semasa | 1,216 | 351,808 | 49,000 | 173,084 | 18,024 | 351,281 | 11,616 | 21,125,017 | 22,081,046 |
| Pelupusan | — | — | — | — | — | — | (6,999) | — | (6,999) |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2019 | 18,096 | 5,326,543 | 2,469,481 | 2,964,346 | 308,852 | 5,785,067 | 1,019,151 | 21,125,017 | 39,016,553 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2019 | 519,719 | 30,826,016 | 158,644 | 484,682 | 39,299 | 1,123,686 | 24,973 | 401,375,327 | 434,552,346 |

7.2 TAHUN 2018

| | Tanah | Bangunan | Jentera Berat | Kenderaan Rasmi | Jentera Ringan | Alatan Pejabat | Alat Pembersihan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 537,815 | 35,893,279 | 2,690,825 | 3,266,731 | 309,826 | 6,450,666 | 1,016,274 | 50,165,416 |
| Tambahan dalam tahun | — | 239,280 | — | — | 13,400 | 285,569 | — | 538,249 |
| Pelupusan | — | — | (62,700) | (8,933) | — | (16,449) | — | (88,082) |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2018 | 537,815 | 36,132,559 | 2,628,125 | 3,257,798 | 323,226 | 6,719,786 | 1,016,274 | 50,615,583 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 16,188 | 4,594,048 | 2,323,477 | 2,518,845 | 277,469 | 5,050,554 | 1,005,667 | 15,786,248 |
| Susutnilai tahun semasa | 692 | 380,687 | 136,867 | 281,347 | 13,359 | 397,739 | 8,867 | 1,219,558 |
| Pelupusan | — | — | (39,863) | (8,930) | — | (14,507) | — | (63,300) |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2018 | 16,880 | 4,974,735 | 2,420,481 | 2,791,262 | 290,828 | 5,433,786 | 1,014,534 | 16,942,506 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 520,935 | 31,157,824 | 207,644 | 466,536 | 32,398 | 1,286,000 | 1,740 | 33,673,077 |

8. HARTANAH PELABURAN

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Kos | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 29,188,518 | 28,966,456 |
| Tambahan | 818,629 | 222,062 |
| Baki Pada Akhir Tahun | 30,007,147 | 29,188,518 |
| Susutnilai Terkumpul | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 6,015,579 | 5,693,323 |
| Tambahan | 327,783 | 322,256 |
| Baki Pada Akhir Tahun | 6,343,362 | 6,015,579 |
| Nilai Buku Bersih | 23,663,785 | 23,172,939 |

Hasil sewa daripada hartanah pelaburan adalah berjumlah RM1,009,482 (2018: RM955,056).

Belanja operasi langsung (termasuk pembaikan dan penyelenggaraan) yang timbul daripada hartanah pelaburan adalah berjumlah RM374,785 (2018: RM601,198).

Majlis berpendapat bahawa nilai saksama hartanah pelaburan adalah melebihi daripada nilai buku bersihnya.

9. ASET TAK KETARA

| | Perisian Komputer | Perisian Dalam Pelaksanaan | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| 2019 | | | |
| Kos | | | |
| Kos pada 1 Januari 2019 | 931,104 | 160,025 | 1,091,129 |
| Tambahan dalam tahun | 39,950 | 100,000 | 139,950 |
| Kos pada 31 Disember 2019 | 971,054 | 260,025 | 1,231,079 |
| Pelunasan Terkumpul | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | 791,969 | — | 791,969 |
| Pelunasan tahun semasa | 57,820 | — | 57,820 |
| Pada 31 Disember 2019 | 849,789 | — | 849,789 |
| Amaun Bawaan Bersih | | | |
| Pada 31 Disember 2019 | 121,265 | 260,025 | 381,290 |

| | Perisian Komputer RM | Perisian Dalam Pelaksanaan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| 2018 | | | |
| Kos | | | |
| Kos pada 1 Januari 2018 | 910,434 | 60,025 | 970,459 |
| Tambahan dalam tahun | 20,670 | 100,000 | 120,670 |
| Kos pada 31 Disember 2018 | 931,104 | 160,025 | 1,091,129 |
| Pelunasan Terkumpul | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 722,276 | — | 722,276 |
| Pelunasan tahun semasa | 69,693 | — | 69,693 |
| Pada 31 Disember 2018 | 791,969 | — | 791,969 |
| Amaun Bawaan Bersih | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 139,135 | 160,025 | 299,160 |

10. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM BAYAR

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Terimaan terdahulu dari: | | |
| Cukai Taksiran Am | 2,528,769 | 2,631,982 |
| Sewaan | 12,324 | 17,316 |
| | 2,541,093 | 2,649,298 |

11. WANG PERTARUHAN

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Wang Pertaruhan | 3,035,135 | 2,806,765 |
| Wang Tahanan Projek | 6,782,014 | 5,183,371 |
| Deposit membaiki kecacatan harta | — | 280,641 |
| | 9,817,149 | 8,270,777 |

Wang Pertaruhan ini merupakan deposit yang disimpan oleh Majlis untuk maksud deposit tambahan ubahsuai bangunan, sewa gerai, sewa dewan, peralatan, iklan, wang tahanan projek dan membaiki kecacatan harta.

12. SUMBANGAN AMANAH

Sumbangan ini terdiri daripada baki peruntukan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan lain-lain sumbangan yang masih belum dibelanjakan pada akhir tahun.

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Sumbangan Amanah Pembangunan | | |
| - Infra/Taman Permainan Kanak-Kanak | 130,544 | 130,544 |
| - Projek-Projek BP 1 | 740,101 | 1,660,956 |
| - Prasarana Kebenaran Merancang | 174,205 | 220,675 |
| - Tabung Kemudahan Awam - Pemaju PNB Development | 500,000 | 500,000 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Lain-Lain | | |
| - Program Karnival Horey-Horey Permata | 513 | 513 |
| - Pengisytiharan MPPD | 2,596 | 2,596 |
| - Kumpulan Wang Pinjaman | 189,959 | 190,896 |
| - Emolumen | — | 85,874 |
| - Program Pembasmian Kemiskinan Bandar | 64,711 | 64,829 |
| - Peruntukan LA21 Pihak Berkuasa Tempatan | — | 97,100 |
| - Program NBOS - Pembangunan Landskap & Infra Hijau | 2,535 | 2,617 |
| - Peruntukan Bagi Kelulusan dan Penyerahan Lampu Jalan | 76,045 | 54,695 |
| - Menaiktaraf/ Pembersihan Longkang | 5,000 | 5,000 |
| - Peruntukan Keperluan Asas Pusat Komuniti Bandar | 336 | 2,465 |
| - Program Tree For A Tree Taman Cahaya Negeri | 500 | 10,000 |
| - Peruntukan bagi Penggantian dan Pengalihan Pokok Teduhan | 67,540 | 37,380 |
| - Peruntukan Pembinaan Infra DSB Di Rezab Perkuburan Kristian | 14,600 | 150,000 |
| - Program Tanggungjawab Sosial (CSR) -Taman Poket | 932 | 932 |
| - Program Kesihatan Persekitaran PBT | 4,000 | — |
| - Program Rakan Taman | 522 | — |
| | 1,974,639 | 3,217,072 |

13. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Perbelanjaan Terakru | 4,893,098 | 3,767,786 |
| Sipiutang (Nota (a)) | 34,923 | 41,123 |
| | 4,928,021 | 3,808,909 |

(a) Sipiutang

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Penyelesaian Cek Terbatal | 14,901 | 16,973 |
| Terimaan Bayaran Kutipan Agensi | 20,020 | 24,148 |
| Terimaan Peruntukan Naiktaraf Kediaman Rasmi | 2 | 2 |
| | 34,923 | 41,123 |

14. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun seperti dinyatakan sebelumnya | 1,795,482 | 1,933,159 |
| Kesan pemakaian MPSAS | (36,619) | (64,047) |
| Baki Pada Awal Tahun seperti dinyatakan semula | 1,758,863 | 1,869,112 |
| Tambahan | 237,891 | 25,995 |
| Pembayaran | (363,716) | (99,625) |
| Baki pada Akhir Tahun | 1,633,038 | 1,795,482 |

Peruntukan manfaat kakitangan dianalisis seperti berikut:

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Kurang daripada 12 bulan | 133,729 | 338,242 |
| Lebih daripada 12 bulan | 1,499,309 | 1,457,240 |
| | 1,633,038 | 1,795,482 |

Peruntukan manfaat kakitangan di atas adalah merujuk kepada peruntukan ke atas manfaat cuti rehat serta ganjaran kakitangan kontrak. Ia dibuat setelah mengambilkira andaian kenaikan gaji, cuti rehat maksimum yang boleh dibawa serta kadar diskaun yang digunakan bagi menunjukkan nilai masa kini peruntukan.

15. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 31,057,219 | 31,109,780 |
| Caruman Bantu Kadar (Nota (a)) | 1,117,379 | 1,101,941 |
| Lesen-lesen | 2,294,988 | 2,336,163 |
| Sewaan (Nota (b)) | 1,294,969 | 1,173,378 |
| Notis dan Denda | 1,194,400 | 895,131 |
| Geran Tahunan | 1,617,245 | 1,617,245 |
| Sumbangan Pembangunan (Nota (c)) | 18,003,223 | 14,353,769 |
| | 56,579,423 | 52,587,407 |

(a) Caruman Bantu Kadar

Caruman ini terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Kerajaan Negeri | 108,128 | 102,502 |
| Kerajaan Persekutuan | 1,009,251 | 999,439 |
| | 1,117,379 | 1,101,941 |

(b) Sewaan

Pendapatan dari hasil sewaan harta Majlis seperti Gerai, Pasar, Dewan, Peralatan, Kondominium dan lain-lain.

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Butiran Harta: | | |
| Dewan Bandaran | 59,150 | 27,804 |
| Peralatan | 541 | 3,994 |
| Gerai Dan Pasar | 1,006,352 | 951,998 |
| Kereta Jenazah | 2,053 | 3,592 |
| Bayaran Quarters Majlis | 32,587 | 29,950 |
| Sewa Dataran Sri Kemang | 63,400 | 40,860 |
| Sewa 6 Unit Kondominium MPPD | 2,100 | 3,600 |
| Sewa Tapak Pantai | 31,590 | 18,582 |
| Sewa Pasu Hiasan | 4,208 | 3,596 |
| Sewa Padang | 30,063 | 25,196 |
| Sewa Bas MPPD | 2,000 | — |
| Sewa Iklan Billboard | — | — |
| Sewa Petak/Tapak Pasar Malam | 60,925 | 64,206 |
| | 1,294,969 | 1,173,378 |

(c) Sumbangan Pembangunan

Sumbangan ini adalah Peruntukan Pembangunan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta Lain-Lain Agensi dalam tahun 2019. Perbelanjaan-perbelanjaan yang dibayar ditunjukkan sebagai pendapatan. Peruntukan adalah seperti berikut:

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Projek Menaiktaraf Sistem Perparitan dan Longkang | 145,000 | — |
| Menaiktaraf Sistem Pencahayaan | 190,740 | — |
| Projek Sumbangan Amanah di bawah Jabatan Kerja Raya | 12,101,492 | 9,312,833 |
| Menaiktaraf Bangunan /Padang /Landskap Dlm Kaw MPPD | 533,202 | 736,327 |
| Lain-lain Sumbangan | 5,032,789 | 4,304,609 |
| | 18,003,223 | 14,353,769 |

16. URUS NIAGA PERTUKARAN

Hasil urus niaga pertukaran terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan dan Bayaran | 1,986,799 | 1,203,082 |
| Perolehan daripada Jualan Barang | 557,655 | 393,797 |
| Faedah Diterima (Nota (a)) | 821,460 | 747,027 |
| Pelbagai Pendapatan | 50,318 | 176,677 |
| | 3,416,232 | 2,520,583 |

(a) Faedah Diterima

Faedah yang diterima dari pelaburan simpanan tetap, akaun semasa, pinjaman kenderaan dan komputer untuk kakitangan serta keuntungan skim Al-Mudharabah Insuran.

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Faedah: | | |
| Simpanan Tetap | 771,255 | 668,370 |
| Akaun Semasa | 32,088 | 58,498 |
| Pinjaman Peribadi BAE | 7,983 | 66 |
| Pinjaman Komputer | 365 | 269 |
| Keuntungan Al-Mudharabah Insuran | — | 505 |
| Faedah Diatas Perjanjian Belian Balik (Repo) | 9,769 | 19,319 |
| | 821,460 | 747,027 |

17. EMOLUMEN

| | | |
|---|---|---|
| Gaji dan upahan kakitangan | 8,644,143 | 7,586,760 |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) | 29,238 | 33,211 |
| Elaun: | | |
| Lebih Masa | 596,088 | 565,025 |
| Ahli Majlis | 220,800 | 199,729 |
| Mesyuarat Ahli Majlis | 110,051 | 24,660 |
| Tetap Kakitangan | 1,915,512 | 1,938,842 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Lain-lain | 12,239 | 11,977 |
| Gantian Cuti Rehat | 75,834 | 76,044 |
| Sumbangan Berkanun Kakitangan (Pencen) | 1,218,879 | 1,198,304 |
| | 12,822,784 | 11,634,552 |

18. PERKHIDMATAN PEKERJA KONTRAK

| | | |
|---|---|---|
| Gaji dan upahan kakitangan | 4,073,639 | 3,807,409 |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) | 587,630 | 621,805 |
| Caruman Perkeso | 90,489 | 88,282 |
| Elaun: | | |
| Lebih Masa | 472,232 | 447,301 |
| Tetap Kakitangan | 1,430,359 | 1,325,588 |
| Gantian Cuti Rehat | 98,881 | 1,932 |
| | 6,753,230 | 6,292,317 |

19. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN LAIN-LAIN

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan yang dibeli (Nota (a)) | 11,670,218 | 11,498,587 |
| Keraian, hospitaliti dan honorarium | 604,333 | 635,511 |
| Perkhidmatan Percetakan Dan Menjilid Yang Dibeli | 269,848 | 318,895 |
| Cukai, Premium, Insurans Dan Lain-lain | 257,341 | 261,804 |
| Perbelanjaan yang lain | 401,430 | 358,050 |
| | 13,203,170 | 13,072,847 |

(a) Perkhidmatan yang dibeli terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan Perubatan | 315,222 | 249,005 |
| Perkhidmatan Perakaunan Dan Auditan | (1,765) | 21,064 |
| Perkhidmatan Perundangan | 27,243 | 102,337 |
| Perkhidmatan Penilaian Dan Pengurusan Harta | (88,609) | 809,122 |
| Perkhidmatan Pengurusan Kualiti/Landskap | 332,146 | 57,864 |
| Perkhidmatan Latihan Kakitangan | 287,244 | 203,369 |
| Perkhidmatan Komputer Dan Prosesan Data | 74,172 | 14,397 |
| Perkhidmatan Jurutera | 9,570 | 8,336 |
| Perkhidmatan Arkitek | 19,981 | — |
| Perkhidmatan Keselamatan | 34,577 | 29,736 |
| Komisen Kad Kredit Dan Lain-lain | 34,534 | 35,159 |
| Perkhidmatan Pembersihan Dan Kutipan Sampah | 10,525,531 | 9,848,583 |
| Perkhidmatan Pengiklanan Papan Tanda | 100,372 | 119,615 |
| | 11,670,218 | 11,498,587 |

20. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Perbelanjaan ini adalah daripada peruntukan pembangunan Majlis dan Perbelanjaan dari Peruntukan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan lain-lain agensi.

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Membina & Menaiktaraf Jalan Dalam Kawasan MPPD | 12,416,442 | 9,729,623 |
| Membina & Menaiktaraf Sistem Perparitan | 1,168,519 | 811,334 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Membekal & Memasang Lampu Jalan | 1,005,036 | 550,625 |
| Menambah Kemudahan Baru Di Pasar Dalam Kawasan Majlis | 107,778 | 39,985 |
| Menambah Kemudahan Pasar Lukut | — | 19,980 |
| Membina & Menaiktaraf Gerai Dalam Kawasan Majlis | 69,642 | 430,828 |
| Membina & Menaiktaraf Perhentian Bas dan Teksi | — | 134,333 |
| Membina & Menaiktaraf Dewan & Kompleks Sukan | 193,320 | 133,013 |
| Membina & Menaiktaraf Tempat Letak Kereta | 200,066 | 144,297 |
| Ubahsuai Pejabat MPPD | 174,381 | 252,020 |
| Membina & Mengubahsuai Setor | — | 297,448 |
| Pembangunan Tanah Dan Harta | 18,920 | 19,020 |
| Membekal & Membina Taman Permainan Kanak-Kanak | 272,401 | 328,862 |
| Membina & Menyelenggara Tandas Awam | 132,705 | 66,783 |
| Penyediaan Papan Petunjuk Arah Dalam Kawasan MPPD | 97,998 | 79,288 |
| Rancangan Pengindahan Dalam Kawasan MPPD | 343,400 | 707,411 |
| Membina & Menaiktaraf Tapak Semaian | 37,442 | 51,850 |
| Penyediaan Pelan Tempatan | 97,955 | 42,265 |
| Luar Jangka/Kecemasan | 655,782 | 457,615 |
| Rancangan Pembangunan Landskap Bandar Port Dickson | 79,092 | — |
| Penyediaan Inventori Pokok Ameniti Dalam Kawasan MPPD | 434,358 | 220,540 |
| Membina & Menaiktaraf Rumah Pegawai/Rumah Peranginan | 172,438 | 103,587 |
| Rancangan Pengindahan Bandar | 34,594 | — |
| Pembangunan Sistem Aplikasi, Perkakasan, Perisian & Rangkaian | 133,187 | 31,182 |
| | 17,845,456 | 14,651,889 |

21. PERCUKAIAN

Majlis adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967.

22. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 01 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Bajet asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan melalui surat SUKNS.700-10/4/3 Klt.3 (40) bertarikh 8 Januari 2019. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan ke dalam bajet asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan. Pada tahun 2019, Majlis mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM 2,100,648.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:

| | Operasi RM | Pelaburan RM | Pembiayaan RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar setanding seperti yang dikemukakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar | (2,271,361) | (451,007) | — | (2,722,368) |
| Perbezaan masa | 2,406,052 | (196,024) | — | 2,210,028 |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | 134,691 | (647,031) | — | (512,340) |

23. INSTRUMEN KEWANGAN – PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, entiti mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif entiti adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Entiti hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi entiti bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan entiti kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti entiti pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun RM | Lebih tempoh setahun RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|
| Pada 31 Disember 2019 | | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar | 2,541,093 | — | 2,541,093 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar | 4,928,021 | — | 4,928,021 |
| | 7,469,114 | — | 7,469,114 |

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2018 | | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar | 2,649,298 | — | 2,649,298 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar | 3,808,909 | — | 3,808,909 |
| | 6,458,207 | — | 6,458,207 |

Pengurusan Risiko Modal

Objektif utama mengurus modal Majlis adalah untuk memastikan terdapat tunai yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan Majlis, termasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa Majlis kekal kukuh dari segi kewangan. Majlis sentiasa memantau aliran tunainya bagi memastikan setiap komitmen Majlis dapat dipenuhi.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

24. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting pihak pengurusan adalah terdiri daripada Ahli-ahli Majlis sahaja. Butiran ganjaran yang dibayar kepada Ahli-ahli Majlis adalah seperti berikut:

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Ahli Majlis | 220,800 | 199,729 |
| Mesyuarat Ahli Majlis | 110,051 | 24,660 |
| Jumlah ganjaran | 330,851 | 224,389 |
| Jumlah kakitangan | 23 | 23 |

25. KOMITMEN MODAL

| | | |
|---|---|---|
| Pembelian Sistem Bersepadu Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) | 300,000 | 400,000 |

26. PERISTIWA PENTING BERLAKU SELEPAS TARIKH PELAPORAN

Pada 16 Mac 2020 yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (“PKP”) bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Tempoh PKP ini kemudiannya telah dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2020. Sepanjang tempoh PKP ini, Majlis telah menutup premisnya bagi segala urusan dengan orang awam sehingga dibuka semula pada 4 Mei 2020.

PKP yang dijalankan oleh Kerajaan ini telah memberi kesan kepada aliran tunai Majlis dengan anggaran jumlah RM269,830 dimana Majlis telah mengecualikan sewaan ke atas premis Majlis selama 3 bulan.

Tiada pelarasan yang dibuat ke atas aset dan liabiliti Majlis pada tarikh pelaporan disebabkan oleh kesan PKP kerana PKP yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk membendung penularan wabak COVID-19 dan bukannya disebabkan oleh wabak tersebut. Ahli-ahli Majlis berpendapat bahawa PKP ini tidak memberikan bukti keadaan yang wujud pada akhir tempoh pelaporan dan ia dinilai sebagai peristiwa yang tidak perlu dilaraskan (non-adjusting events).

27. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka bandingan berikut telah diklasifikasikan semula bagi mengambilkira persembahan tahun kewangan semasa.

| | Seperti Dinyatakan Semula RM | Seperti Dinyatakan Terdahulu RM |
|---|---|---|
| Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan | | |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima | 343,175 | 1,631,844 |
| Belum Terima Lain | 1,288,669 | — |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar | 2,649,298 | 10,920,075 |
| Wang Pertaruhan | 8,270,777 | — |
| Kesan ke atas Penyata Aliran Tunai | | |
| Tunai Dari Aktiviti Operasi | 1,948,468 | 2,695,495 |
| Tunai Dari Aktiviti Pelaburan | (133,954) | (880,981) |

**No. 365.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH JEMPOL
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jempol yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 39, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Jempol pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Jempol dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Perkara Audit Utama

Perkara Audit Utama adalah perkara berdasarkan penilaian profesional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jempol untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan Penyata Kewangan Majils Perbandaran Jempol secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai Perkara Audit Utama dalam menyatakan pendapat saya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Jempol bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jempol tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jempol yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jempol yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jempol, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Jempol untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jempol secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jempol, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Jempol.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhad keupayaan Majlis Perbandaran Jempol sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jempol atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jempol memberi gambaran yang saksama.

(f) Saya menentukan perkara paling signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Jempol tahun kewangan semasa sebagai perkara audit utama melalui komunikasi dengan Ahli Majlis. Saya menerangkan perkara ini di dalam Sijil Juruaudit melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam atau dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, saya menentukan bahawa perkara ini tidak boleh dinyatakan dalam Sijil Juruaudit kerana kesan buruk pendedahan tersebut secara munasabah dijangka akan melebihi faedah kepentingan awam.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

SEREMBAN
Bertarikh 26 September 2020

SHAMSUL BIN SHAMDIN
*b.p. Ketua Audit Negara Malaysia*

LAPORAN JURUAUDIT AHLI-AHLI
MAJLIS PERBANDARAN JEMPOL

Laporan Audit terhadap Penyata Kewangan

Pendapat

Kami teleh mengaudit penyata kewangan Majlis Perbandaran Jempol (Majlis), yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019 dan penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan bagi dasar-dasar perakaunan penting dan nota penjelasan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai pada tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut, selaras dengan menurut Peruntukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaaan Tempatan 1967 (Akta 171) di Malaysia.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian *lnternational Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* yang dikeluarkan oleh *The International Organization of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)*. Tanggungjawab kami di bawah mengikut piawaian ini dihuraikan dengan lebih lanjut dalam laporan kami di seksyen Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat audit kami.

Tanggungjawab Bebas dan Etika Lain

Kami bebas daripada Majlis selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) yang dikeluarkan oleh lnstitut Akauntan Malaysia dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut undang-undang kecil dan Kod EISBA.

Perkara yang Perlu Diberi Perhatian

Pertubuhan Kesihatan Dunia mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 dan diikuti oleh Kerajaan Malaysia yang mengeluarkan *Warta* Kerajaan Persekutuan pada 16 Mac 2020 dengan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 sehingga kini.

Oleh kerana perkembangan ini terjadi selepas tempoh penyata kewangan berakhir pada 31 Disember 2019, maka pandemik COVID-19 tidak dianggap sebagai peristiwa yang perlu di laraskan dan tiada kesan yang timbul terhadap penyata kewangan tersebut.

Pandemik COVID-19 ini mungkin memberi impak yang signifikan kepada penyata kewangan akan datang dari segi:

(a) penangguhan projek pembangunan infrastruktur; dan

(b) pengurusan aliran wang tunai dalam kutipan hasil dan pembayaran perbelanjaan.

Bidang Utama Audit

Perkara utama audit adalah perkara-perkara yang menurut pertimbangan profesional kami, paling penting dalam audit kami terhadap penyata kewangan Majlis Perbandaran Jempol bagi tahun semasa. Perkara-perkara ini ditangani dalam konteks audit kami terhadap penyata kewangan Majlis secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami mengenai hal ini, dan kami tidak memberikan pendapat yang terpisah mengenai perkara-parkara ini. Untuk setiap perkara di bawah, penerangan kami tentang bagaimana audit kami menangani masalah tersebut diberikan dalam konteks itu.

Kami telah memenuhi tanggungjawab yang dijelaskan dalam tanggungjawab Juruaudit untuk mengaudit penyata kewangan, termasuk berkaitan dengan perkara-perkara ini. Oleh itu, audit kami merangkumi prestasi prosedur yang dirancang untuk bertindak balas terhadap penilaian kami terhadap nyata penyata kewangan. Hasil prosedur audit kami, termasuk prosedur yang dilakukan untuk mengatasi hal-hal di bawah, memberikan dasar pendapat audit kami mengenai penyata kewangan yang disertakan.

| Bidang Utama Audit | Bagaimana audit menangani faktor risiko Bidang Utama Audit |
|---|---|
| Kerja Dalam Kemajuan<br><br>Peningkatan sebanyak 80% bagi Kerja Dalam Kemajuan Majlis bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. Hal ini merujuk kepada kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan 31 Disember 2019 berjumlah RM898,601. | Dalam menangani risiko berkaitan kerja dalam kemajuan kami telah menilai kawalan dalaman yang digunapakai oleh Majlis selaras dengan masa dan jumlah projek yang diiktiraf sebagai kerja dalam kemajuan.<br><br>Kami juga telah memeriksa pergerakan kerja dalam kemajuan bagi memastikan perekodan kerja dalam kemajuan dibuat selaras dengan dasar perakaunan dan bertepatan dengan garis panduan yang diluluskan oleh piawaian perakaunan yang digunapakai. |

| Bidang Utama Audit | Bagaimana audit menangani faktor risiko Bidang Utama Audit |
|---|---|
| | Hasil pemeriksaan fail-fail projek kami telah mengenalpasti pada tempoh berakhir 31 Disember 2019 terdapat tiga projek Majlis yang diiktiraf sebagi kerja dalam kemajuan.<br><br>Satu projek tahun 2018 berjumlah RM180,836 masih direkod sebagai kerja dalam kemajuan disebabkan Majlis telah membuat permohonan kepada Unit Perancangnn Ekonomi Negeri Sembilan (UPEN) untuk mengubah tajuk projek kepada Pembangunan Pasar Tani Kekal (PTK) dan pihak Majlis masih dalam proses menunggu kelulusan pihak UPEN. Terdapat dua projek baru bagi menaiktaraf dan membina infrastruktur pembangunan dengan kos keseluruhan berjumlah RM717,765 telah mendapat kelulusan lanjutan masa selama 6 minggu dari tarikh projek sepatutnya siap iaitu pada akhir Disember 2019. |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran<br><br>Penyaluran dan Penggunaan Geran Mengurus<br>53% dari jumlah keseluruhan Urus Niaga Bukan Penukaran adalah dari perolehan geran mengurus dari Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Basis pengiktirafan Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan | Kami telah menyemak dan mengenalpasti dokumen berkaitan geran-geran mengurus yang diperolehi oleh Majlis dalam tahun semasa dan memastikan perekodan dibuat selaras dengan dengan ketetapan di dalam MPSAS 23, Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan).<br><br>Fokus kami adalah pada pengiktirafan hasil geran dan pemadanan hasil dengan perbelanjaan yang berkaitan bagi memastikan penyaluran peruntukan digunakan secara efektif dan efisyen. |
| Hasil Pihak Berkuasa Tempatan<br>Peratus tunggakan cukai taksiran berbanding hasil taksiran tahun 2019 adalah sebanyak 34%. | Kami telah menilai sistem kawalan dalaman Majlis dalam mengiktiraf hasil berkaitan cukai taksiran dan memahami prosedur yang digunapakai oleh Majlis.<br><br>Kami juga telah menganalisis prestasi kutipan cukai dan menyemak kadar cukai taksiran yang dikenakan berdasarkan jenis pegangan selaras dengan kadar yang diwarta oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).<br><br>Terdapat perbezaan antara baki akhir penghutang cukai taksiran dengan laporan umuran di dalam sistem ePBT berjumlah RM196,421. Berdasarkan temu bual yang dibuat dengan pegawai Majlis sistem ePBT tidak melaporkan pengumuran yang tepat kerana terdapat beberapa kelemahan terhadap sistem tersebut. Disebabkan perbezaan bawah matan audit, maka, kami tidak mengeluarkan pendapat bersyarat.<br><br>Perakaunan pergerakan hutang ragu tidak dilapor dengan tepat dimana Majlis merekod pergerakan hutang ragu dengan menghapuskira hutang ragu tahun sebelumnya. Kesannya baki penghutang taksiran pada 31 Disember 2019 tidak menunjukkan baki bersih penghutang, taksiran sebenar yang boleh dikutip. |

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Ahli Majlis adalah bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Lain-lain maklumat tersebut merangkumi maklumat yang terkandung dalam Laporan Ahli-ahli tetapi tidak termasuk penyata kewangan Majlis dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Majlis tidak meliputi lain-lain maklumat dan kami tidak akan menyatakan sebarang bentuk jaminan ke atas kesimpulan mengenainya. Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Majlis, tanggungjawab kami adalah untuk mempertimbangkan sama ada lain-lain maklumat tersebut secara materialnya tidak selaras dengan penyata kewangaan atau pengetahuan diperolehi dari audit, atau sebaliknya menunjukkan kesilapan material yang ketara dengan membaca lain-lain maklumat yang dikenal pasti di atas apabila ia tersedia.

Sekiranya kami mendapati terdapat salah nyata yang ketara di dalamnya, kami perlu menyampaikan perkara itu kepada yang berkaitan dengan tadbir urus dan melaporkan fakta-fakta tersebut mengikut kesesuaian.

Tanggungjawab Ahli Majlis ke atas Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007 dan Akta Akuan Berkanun, 1960 di Malaysia. Ahli Majlis juga bertanggungjawab menetapkan kawalan dalaman yang perlu diwujudkan bagi memberi jaminan yang munasabah bahawa penyata kewangan Majlis adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Majlis, Ahli Majlis adalah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan Ahli Majlis sama ada berniat untuk membubarkan Majlis atau menamatkan operasinya, atau tidak mempunyai alternatif lain namun terpaksa untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu Jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ianya wujud.

Salah nyata boleh wujud daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, salah nyata ini dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil pengguna berdasarkan kepada penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian *International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*, kami menjalankan pertimbangan professional dan mengekalkan keraguan profesional semasa menjalankan audit. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai segala risiko salah nyata yang ketara dalam sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding salah nyata akibat kesilapan memandangkan penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, kesalahan yang dirancang, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan menyatakan pendapat keberkesanan kawalan dalaman Majlis.

- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan berkaitan pendedahan yang buat oleh Ahli Majlis.

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian menggunakan asas perakaunan usaha berterusan dan berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sama ada wujud ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh membuang keraguan keraguan ketara kepada keupayaan Majlis untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa wujud ketidakpastian, kami dikehendaki menyatakan dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan Majlis atau, jika pendedahan terebut tidak mencukupi untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walaubagaimanapun, peristiwa atau keadaan yang akan berlaku pada masa datang boleh menyebabkan Majlis untuk menghentikan terus usaha yang berterusan.

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Majlis, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan berdasarkan asas urusniaga dan peristiwa dalam Majlis memberikan gambaran yang benar dan saksama.

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Raja Norazli bin Raja Nordin, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Jempol, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 yang berikut ini berserta Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
penama yang tersebut di atas
di Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan
pada 23 September 2020 }

Di hadapan saya,

ABDUL LATIF BIN ZAKARIA
*Majistret*

PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Zainal Fikri bin Abd Kadir dan Mohamad Azrin bin Amran, yang merupakan dua daripada Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Jempol dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya, adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Jempol pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-ahli Majlis,

*Ahli Majlis,*
*Majlis Daerah Jempol,*
*Negeri Sembilan*

Tarikh 23 September 2020

*Ahli Majlis,*
*Majlis Daerah Jempol,*
*Negeri Sembilan*

Tarikh 23 September 2020

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| ASET SEMASA | | |
| Wang Dalam Tangan | 500 | 500 |
| Wang Di Bank (Nota 3) | 1,580,646 | 1,113,420 |
| Simpanan Tetap (Nota 4) | 5,726,872 | 7,048,822 |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 5) | 2,040,949 | 2,216,378 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima (Nota 6) | 976,351 | 775,279 |
| | 10,325,319 | 11,154,399 |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 7) | 175,793,290 | 184,664,261 |
| Hartanah Pelaburan (Nota 8) | 30,206,990 | 30,465,898 |
| Kerja Dalam Kemajuan (Nota 9) | 898,601 | 180,836 |
| Aset Tak Ketara (Nota 10) | 15,843 | 18,353 |
| | 206,914,724 | 215,329,348 |
| JUMLAH ASET | 217,240,043 | 226,483,747 |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar (Nota 11) | 90,544 | 97,045 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru (Nota 12) | 3,301,021 | 1,981,639 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 13) | 74,454 | 35,872 |
| | 3,466,019 | 2,114,556 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Bayar (Nota 11) | 13,584,101 | 12,256,346 |
| Pendapatan Tertunda (Nota 14) | 1,770,314 | 1,371,237 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 13) | 919,421 | 889,198 |
| | 16,273,836 | 14,516,781 |
| JUMLAH LIABILITI | 19,739,855 | 16,631,337 |
| ASET BERSIH | 197,500,188 | 209,852,410 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis (Nota 15) | 197,500,188 | 209,852,410 |

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| HASIL | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran (Nota 16) | 22,194,172 | 14,850,991 |
| Urus Niaga Pertukaran (Nota 17) | 2,528,966 | 2,945,237 |
| JUMLAH HASIL | 24,723,138 | 17,796,228 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen (Nota 18) | 7,940,825 | 8,177,295 |
| Perjalanan dan Pengangkutan (Nota 19) | 129,157 | 87,564 |
| Perhubungan (Nota 20) | 211,302 | 220,229 |
| Utiliti (Nota 21) | 1,697,101 | 1,542,135 |
| Perkhidmatan Percetakan | 132,621 | 138,141 |
| Bekalan Bahan (Nota 22) | 844,593 | 817,477 |
| Penyenggaraan dan Pembaikan (Nota 23) | 12,328,261 | 5,381,679 |
| Perkhidmatan Ikhtisas (Nota 24) | 3,310,900 | 2,076,533 |
| Pengiklanan | 7,012 | 2,593 |
| Hutang Ragu (Nota 25) | 9,385 | 48,510 |
| Lain-lain Perbelanjaan (Nota 26) | 333,851 | 485,846 |
| Susutnilai dan pelunasan (Nota 27) | 10,062,263 | 9,930,898 |
| Rosotnilai (Nota 10) | 2,510 | 2,183 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 37,009,781 | 28,911,083 |
| (KURANGAN) BAGI TAHUN | (12,286,643) | (11,114,855) |

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2018 RM Jumlah Aset Bersih |
|---|---|
| Baki Pada 31 Disember 2018 | 209,852,410 |
| (Kekurangan) Bersih Bagi Tahun 2019 | (12,286,643) |
| Pelarasan Tahun Lalu (Nota 28) | (65,579) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 197,500,188 |

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI: | | |
| (Kurangan) pendapatan dari perbelanjaan | (12,286,643) | (11,114,855) |
| Pergerakan bukan tunai: | | |
| Susutnilai dan pelunasan | 9,812,769 | 10,659,851 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 262,222 | 139,900 |
| (Kurangan)/Tambahan dalam bukan pertukaran belum terima | 175,429 | (414,244) |
| Tambahan/(Kurangan) dalam pertukaran belum terima | (201,072) | 14,050 |
| Tambahan/(Kurangan) dalam pendapatan tertunda | 399,077 | 137,708 |
| Tambahan/(Kurangan) dalam bukan pertukaran belum bayar | 1,321,254 | 726,525 |
| Tambahan dalam pertukaran belum bayar | 1,319,382 | 905,427 |
| Tambahan/(Kurangan) dalam manfaat kakitangan | 68,805 | 820,515 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pelarasan | (65,579) | 203,880,688 |
| Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi | 805,643 | 205,755,565 |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian hartanah, loji dan peralatan | (778,607) | (185,925,393) |
| Pembelian hartanah pelaburan | (163,995) | (20,150,104) |
| Tambahan Kerja Dalam Kemajuan | (717,765) | (180,836) |
| Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan | (1,660,367) | (206,256,333) |
| Pergerakan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai | (854,724) | (500,768) |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Awal Tahun | 8,162,742 | 8,663,510 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Akhir Tahun | 7,308,018 | 8,162,742 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKILI OLEH | | |
| Simpanan Tetap | 5,726,872 | 7,048,822 |
| Wang di bank | 1,580,646 | 1,113,420 |
| Wang dalam tangan | 500 | 500 |
| | 7,308,018 | 8,162,742 |

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

| | Jumlah Bajet | | Jumlah | ^Varian | ^Varian |
|---|---|---|---|---|---|
| | Asal | Akhir | Sebenar | Bajet | Bajet |
| | RM | RM | RM | RM | % |
| PENERIMAAN | | | | | |
| Urusniaga bukan pertukaran | 13,142,400 | 13,142,400 | 21,587,945 | -8,445,545 | (64.26) |
| Urusniaga pertukaran | 2,574,100 | 2,574,100 | 2,472,324 | 101,776 | 3.95 |
| | 15,716,500 | 15,716,500 | 24,060,269 | -8,343,769 | (60.31) |
| PEMBAYARAN | | | | | |
| Emolumen | 8,307,500 | 8,299,500 | 7,892,257 | 407,243 | 4.91 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 5,674,100 | 5,757,370 | 5,103,525 | 653,845 | 11.36 |
| Pemilikan harta modal | 708,500 | 633,230 | 223,671 | 409,559 | 64.68 |
| Pemberian dan kenaan bayaran tetap | 143,000 | 143,000 | 164,554 | -21,554 | (15.07) |
| Perbelanjaan lain-lain | 883,400 | 883,400 | 587,393 | 296,007 | 33.51 |
| | 15,716,500 | 15,716,500 | 13,971,400 | 1,745,100 | 11.10 |
| PENERIMAAN BERSIH | — | — | 10,088,869 | (10,088,869) | -71.41 |

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

PENJELASAN BAGI VARIAN MELEBIHI 20%

1. Pemilikan harta modal:

1.1 Vot tanah hanya digunakan untuk pendaftaran hakmilik tanah.

1.2 Pembelian kenderaan "Sky Lift" tidak dilaksanakan kerana sebut harga yang ditawarkan tidak memenuhi kriteria spesifikasi yang telah ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Jempol.

1.3 Pembelian Pendingin hawa tidak dilaksanakan kerana telah dimasukkan bersekali di dalam spesifikasi projek pengubahsuaian bangunan.

2. Perbelanjaan lain-lain:

2.1 Vot bagi hapuskira tidak digunakan kerana tiada permohonan diterima.

2.2 Pihak Majlis lebih mengutamakan peruntukan-peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan untuk tujuan pembangunan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI
TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT AM

1.1 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan pelaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Jempol.

Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis.

Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.2 Penyata Kewangan ini telah disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1.1 Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan.

2.1.2 Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

2.1.3 Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

2.1.4 Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2 PENGIKTIRAFAN HASIL

2.2.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang dliktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai laksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan, ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, iklan dan lain-lain.

Hasil bagi lesen, bayaran pendaftaran dan permit diiktiraf sebagai hasil setelah Majlis menerima bayaran kerana ketidakpastian sama ada pelesen mahu meneruskan perniagaan setelah tamat tempoh lesen.

(iv) Denda dan hukuman

Denda dan hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk notis cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi Denda dan Hukuman diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti Geran Tahunan Berasas Kaedah Keseimbangan (GTBKK) diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.2.3 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, fi kebenaran merancang, bayaran pelan bangunan dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Hasil sewa diiktiraf apabila hasil itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iii) Faedah dan Perolehan dari Pelaburan

Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut

(iv) Perolehan dari jualan barang-barang

Perolehan dari jualan barang-barang merupakan terimaan daripada jualan borang, sebutharga dan tender, jualan patil lesen dan jualan harta benda fizikal dan lain-lain.

2.3 PROJEK USAHASAMA

Projek usahasama merupakan projek yang dijalankan oleh Majlis bersama pihak ketiga yang mana telah siap sepenuhnya pada tahun 2018. Bagi projek yang mana kos tanah ditanggung oleh pemaju, nilai nominal diambilkira untuk menujukkan kewujudan tanah berkenaan.

2.4 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang tidak lebih 12 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.5 ROSOT NILAI ASET BUKAN KEWANGAN

2.5.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nllai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi diantara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Didalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambil kira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

2.5.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada pejanjian jual mengikut atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah bekurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.6 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2.6.1 Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM1,000 setiap satu.

2.6.2 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang tertibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyah iktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.6.3 Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

2.6.4 Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.7 HARTANAH PELABURAN

2.7.1 Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya.

2.7.2 Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urus niaga pertukaran adalah diikitiraf ada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

2.7.4 Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan

2.7.5 Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih di dalam penyata prestasi kewangan.

2.8. SUSUTNILAI

2.8.1 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul.

2.8.2 Tanah milikan bebas tidak disusutnilai. Tanah pajakan disusutnilai menurut tempoh pajakan. Susutnilai diperuntukkan ke atas kos hartanah, loji dan peralatan seperti berrkut:

| | |
|---|---|
| Bangunan | 1% |
| Bangunan kayu | 5% |
| Jentera berat | 12 1/2% |
| Jentera ringan | 20% |
| Alat pejabat | 10% |
| Alat pembersihan | 33 1/3% |
| Hartanah Pelaburan | 1% |
| Aset Tak Ketara | 10% |
| Aset lnfrastruktur | 2%-5% |

2.8.3 Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.9 ASET TAK KETARA

2.9.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungknian bahawa manfaat ekonomi masa hadapan alau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

2.9.2 Aset tak ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman diiktiraf sebagai perbelanjaan.

2.9.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

2.9.4 Perisian Komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 10 tahun (10%)

2.9.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

2.9.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.9.7 Selepas pengiktirafan awal sesuatu aset, aset tersebut akan dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh manfaat masa depan yang dijangkakan. Di dalam tempoh pembangunan, aset diuji untuk rosot nilai dengan sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf serta merta dalam penyata prestasi kewangan.

2.10 KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, logi dan peralatan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos ini akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan atau hartanah pelaburan apabila Sijil Perakuan Siap *(Certificate of Practical Completion)* dan Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan *(Certifteate of Completion dan Compliance)* dikeluarkan dan dilunaskan.

2.11 ASET KEWANGAN

2.11.1 Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.11.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

2.11.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.11.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.11.5 Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

(i) Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan dilolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

2.11.6 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir seliap tempoh pelaporan, Majlis akan menliai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam:

(ii) pembayaran tertunggak;

(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dliunaskan, diukur sebagai perbezaan diantara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Majlis telah menetapkan bahawa dalam mengiktiraf elaun rosot nilai (hutang ragu) bagi Cukai Taksiran Am diambilkira ke atas tunggakan yang melebihi jumlah RM3,000.00 dan tempoh 48 bulan dan ke atas, manakala bagi penghutang sewa, elaun rosot nilai (hutang ragu) pula ditentukan berdasarkan dengan tempoh tunggakan 11 bulan dan ke atas.

2.11.7 Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk ailran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.12 PERUNTUKAN DAN LIABILITI

2.12.1 Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi kini, hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

2.12.2 Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai mata wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

2.13 LIABILITI KEWANGAN

2.13.1. Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.13.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabilili kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.13.3 Selepas pengiklirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan belum bayar.

2.13.4 Majlis hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

(i) Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahtiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabililti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

2.13.5 Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.14 MANFAAT PEKERJA

2.14.1 Manfaat Jangka Pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek adalah termasuk gaji pokok, elaun-elaun tetap, pelbagai cuti tahunan, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN).

Faedah kakitangan jangka pendek termasuk upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

2.14.2 Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan ganti rugi jangka panjang bagi ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkalkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran dimasa hadapan.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun. Bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Bagi kakitangan tetap Majils, samada memilih skim berpencen ataupun KWSP, akan mendapat Ganjaran Cuti Rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majils.

Formula pengiraan Gantian Cuti Rehat adalah seperti berikut:

*130 x Cuti Rehat Dikumpul (terhad kepada maksima 150 hari)* *x Gaji akhir dan Imbuhan Tetap*

Majlis juga membuat peruntukan ganjaran bagi pekerja kontrak yang diiktiraf sebagai akruan.

Formula pengiraan Bayaran Ganjaran Tamat Kontrak adalah seperti berikut:

*17.5% - caruman KWSP Majikan x Gaji Pokok akhir x jumlah genap Perkhidmatan*
*(-)faedah atas caruman majikan*

2.14.3 Pelan Sumbangan Terancang

Seperti diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

2.15 CUKAI

Majlis Perbandaran Jempol adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 : Akla Cukai Pendapatan 1967.

2.16 CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)

2.16.1 Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barangan dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

(i) Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran am dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%)

(ii) Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bakalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output)

Pihak Kastam Bahagian GST, sehingga ke tarikh pelaporan ini disediakan, masih dalam peringkat mengaudit dan masih belum mengesahkan Cukai Input Majlis Perbandaran Jempol berkaitan tuntutan bayaran balik kredit cukai di bawah subseksyen 38(3) Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014.

(iii) Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan bahawa mulai 1 Jun 2018, kadar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 6% dimansuhkan.

2.17 MENGOFSET INSTRUMEN KEWANGAN

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.18 PIHAK BERKAITAN

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli-ahli Majlis.

2.19 MAKLUMAN BAJET

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan Penyata Kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan dan hanya merujuk kepada bajet mengurus.

Jumlah bajet hanya dibentangkan bagi pihak Majlis sahaja dan tidak mengambilkira bajet entiti yang dikawal kerana ia tidak perlu didedahkan kepada pihak luar. Jumlah bajet ini telah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 12 Disember 2018.

## 2.20 PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

### 2.20.1 Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf didalam penyata kewangan.

### 2.20.2 Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti didalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Kerugian Hutang Ragu bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya, sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai Hartanah Pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai Hartanah jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

3. WANG DI BANK

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Malayan Banking Berhad | 1,107,313 | 901,545 |
| Bank Rakyat (Semasa) | 72,916 | 27,742 |
| Bank Simpanan Nasional Berhad | 162,418 | 35,432 |
| Bank Rakyat (Simpanan) | 75,532 | 35,992 |
| CIMB Bank Berhad (PPKB) | 60,875 | 60,269 |
| CIMB Bank Berhad | 101,592 | 52,440 |
| | 1,580,646 | 1,113,420 |

4. SIMPANAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 7,048,822 | 8,174,426 |
| Tambahan | 81,359 | 86,308 |
| Tolak: Pengeluaran | (1,403,309) | (1,211,912) |
| Baki pada 31 Disember | 5,726,872 | 7,048,822 |
| Terdiri dari: | | |
| Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad | 2,127,278 | 3,530,587 |
| CIMB Bank Berhad | 1,273,471 | 1,273,471 |
| Bank Simpanan Nasional | 1,478,706 | 1,424,667 |
| Ambank Berhad | 847,417 | 820,097 |
| | 5,726,872 | 7,048,822 |

5. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urus niaga bukan pertukaran belum terima terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Tunggakan Hasil | | |
| Cukai Taksiran Am | 2,114,417 | 2,280,461 |
| Elaun hutang ragu | (73,468) | (64,083) |
| | 2,040,949 | 2,216,378 |

6. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urus niaga bukan pertukaran belum terima terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| (a) Tunggakan Hasil | | |
| Sewaan Tempat Letak Kereta | 262,686 | 262,686 |
| Sewaan | 265,115 | 223,234 |
| | 527,801 | 485,920 |
| Elaun hutang ragu | (13,185) | (86,379) |
| | 514,616 | 399,541 |
| (b) Penghutang GST | 460,637 | 374,640 |
| (c) Penghutang lain-lain | 1,098 | 1,098 |
| | 976,351 | 775,279 |

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | TANAH<br>RM | BANGUNAN<br>RM | ASET INFRASTRUKTUR<br>RM | JENTERA BERAT<br>RM | JENTERA RINGAN<br>RM | ALAT-ALAT PEJABAT<br>RM | ALAT PEMBERSIHAN<br>RM | JUMLAH<br>RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KOS | | | | | | | | |
| Baki pada 1-1-2019 | 470,110 | 9,504,593 | 185,049,967 | 2,697,828 | 211,907 | 2,560,207 | 7,450 | 200,502,062 |
| Pelarasan | — | — | — | — | — | — | — | — |
| | 470,110 | 9,504,593 | 185,049,967 | 2,697,828 | 211,907 | 2,560,207 | 7,450 | 200,502,062 |
| Tambahan dalam tahun | — | 605,845 | — | 130,000 | — | 42,762 | — | 778,607 |
| Pelupusan | — | — | — | (185,294) | — | (76,928) | — | (262,222) |
| Baki pada 31-12-2019 | 470,110 | 10,110,438 | 185,049,967 | 2,642,534 | 211,907 | 2,526,041 | 7,450 | 201,018,447 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | |
| Baki pada 1-1-2019 | 111,610 | 1,309,707 | 9,991,650 | 2,448,704 | 178,540 | 1,792,913 | 4,677 | 15,837,801 |
| Pelarasan | — | — | — | — | (37) | — | — | (37) |
| | 111,610 | 1,309,707 | 9,991,650 | 2,448,704 | 178,503 | 1,792,913 | 4,677 | 15,837,764 |
| Caj tahun kewangan | 4,747 | 124,637 | 9,252,498 | 111,597 | 11,901 | 132,397 | 1,583 | 9,639,360 |
| Pelupusan | — | — | — | (185,294) | — | (66,673) | — | (251,967) |
| Baki pada 31-12-2019 | 116,357 | 1,434,344 | 19,244,148 | 2,375,007 | 190,404 | 1,858,637 | 6,260 | 25,225,157 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | | | |
| Pada 31-12-2019 | 353,753 | 8,676,094 | 165,805,819 | 267,527 | 21,503 | 667,404 | 1,190 | 175,793,290 |
| Pada 31-12-2018 | 358,500 | 8,194,886 | 175,058,317 | 249,124 | 33,367 | 767,294 | 2,773 | 184,664,261 |

8. HARTANAH PELABURAN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Kos | | |
| Baki pada awal tahun | 34,081,238 | 13,931,134 |
| Penilaian Semula | — | 19,856,320 |
| Tambahan | 163,995 | 293,784 |
| Baki pada akhir tahun | 34,245,233 | 34,081,238 |
| Pelunasan Terkumpul | | |
| Baki pada awal tahun | 3,615,340 | 2,620,078 |
| Penilaian Semula | — | 701,869 |
| Pelarasan | — | 1,388 |
| Tambahan | 422,903 | 292,005 |
| Baki pada akhir tahun | 4,038,243 | 3,615,340 |
| Nilai Bawaan | 30,206,990 | 30,465,898 |

9. KERJA DALAM KEMAJUAN

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 180,836 | — |
| Tambahan | 717,765 | 180,836 |
| Baki pada akhir tahun | 898,601 | 180,836 |

10. ASET TAK KETARA

Perisian Komputer

| | | |
|---|---|---|
| Kos | | |
| Baki pada awal tahun | 25,096 | 15,200 |
| Tambahan | — | 9,896 |
| Baki pada akhir tahun | 25,096 | 25,096 |
| Rosotnilai Terkumpul | | |
| Baki pada awal tahun | 6,743 | 4,560 |
| Tambahan | 2,510 | 2,183 |
| Baki pada akhir tahun | 9,253 | 6,743 |
| Nilai Bawaan | 15,843 | 18,353 |

11. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM BAYAR

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Urus niaga bukan pertukaran belum bayar terdiri daripada: | | |
| Wang Pertaruhan (Nota a) | 2,952,943 | 2,900,173 |
| Geran Tertunda (Nota b) | 10,631,158 | 9,356,173 |
| Terimaan Terdahulu (Nota c) | 68,342 | 74,743 |
| Akaun Cek Dikembalikan | 22,202 | 22,302 |
| | 13,674,645 | 12,353,391 |

(a) Wang Pertaruhan

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 2,900,173 | 2,980,480 |
| Terimaan cagaran/deposit | 349,601 | 524,267 |
| Pemulangan cagaran/deposit | (296,831) | (604,574) |
| Baki pada 31 Disember | 2,952,943 | 2,900,173 |

(b) Geran Tertunda

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Pusat Penjaja Baru Bahau | 3,687,450 | 3,727,750 |
| Dewan Taman Sri Rompin | 469,752 | 474,696 |
| Dewan Serba Guna Taman Bahau | 452,429 | 457,294 |
| Gerai Anjung Selera Batu Kikir | 459,913 | 464,986 |
| Dewan Orang Ramai Kg. Rata | 401,504 | 405,916 |
| Dewan Serbaguna RAHR, Ayer Hitam | 332,310 | 335,808 |
| Naiktaraf Dewan Orang Ramai Batu Kikir | 274,664 | 277,467 |
| Gerai Simpang Palong 14, 15 dan 16 | 237,767 | 240,244 |
| Gerai MDJL Jalan Pasar Batu Kikir | 171,840 | 173,630 |
| Gerai Lui Mda | 171,206 | 172,953 |
| Terminal Bas Bahau | 151,772 | 153,387 |
| Dewan Terbuka di Rumah Rakyat Jambu Lapan | 475,315 | 212,010 |
| Gerai Lui Barat | 87,360 | 88,270 |
| Tandas Awam Medan Selera Kiara | 69,360 | 70,082 |
| Gerai Jalan Mahligai | 63,631 | 64,281 |
| Pondok Bas Taman Sri Rompin | 18,800 | 19,800 |
| Pondok Bas Kg. Dato' Johan | 18,800 | 19,800 |
| Surau Taman Intan, Batu Kikir | 287,808 | 290,806 |
| Dewan Terbuka Taman Mawar, Batu Kikir | 181,723 | 183,616 |
| Dewan Serbaguna (Budaya) Kg. Serampang Indah | 175,557 | 177,444 |
| Bangunan Serbaguna Serting Ilir | 167,440 | 169,260 |
| Dewan Terbuka Taman Kasih Putera | 155,639 | 157,261 |
| | 8,512,040 | 8,336,761 |
| Tandas Taman ACBE | 74,880 | 75,660 |
| Menaiktaraf Dewan Orang Ramai Jambu Lapan | 71,232 | 71,974 |
| Menaiktaraf Balairaya Taman Serting Indah | 63,533 | 64,195 |
| Menaiktaraf Dewan Kg. Baru Batu Bakar | 59,520 | 60,140 |
| Surau Taman Kasih Putera | 271,435 | 274,177 |
| Gerai Sementara di Pasar Awam Palong 4, 5, 6 | 179,028 | 180,836 |
| Tandas Awam Dataran Seri Jempol | 76,002 | 76,770 |
| Naiktaraf Gelanggang Bola Tampar Rompin | 74,903 | 75,660 |
| Naiktaraf Gerai Medan Seri Bahau | 19,800 | 20,000 |
| Naiktaraf Gerai Batu Kikir | 19,800 | 20,000 |
| Naiktaraf Gerai Taman Desa Permai Serting Tengah | 19,800 | 20,000 |
| Naiktaraf Gerai Medan Selera Penarikan | 19,800 | 20,000 |
| Pondok Bas Batu Kikir | 19,000 | 20,000 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Pondok Bas di laluan BSJ-Muadzam | 19,000 | 20,000 |
| Pondok Bas di laluan Serting Tengah - Karak | 19,000 | 20,000 |
| Dewan Terbuka Taman Desa Puteri | 230,625 | — |
| Naiktaraf Gerai Muhibbah, Bahau | 163,995 | — |
| Naiktaraf Gerai Kiara, Bahau | 270,300 | — |
| Pusat Penjaja Bahau Fasa 2 | 447,465 | — |
| | 2,119,118 | 1,019,412 |
| | 10,631,158 | 9,356,173 |

(c) Terimaan Terdahulu

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 38,767 | 42,916 |
| Sewaan | 29,575 | 31,827 |
| | 68,342 | 74,743 |

Urus niaga bukan pertukaran belum bayar dianalisis seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Kurang daripada 12 bulan | 90,544 | 97,045 |
| Lebih daripada 12 bulan | 13,584,101 | 12,256,346 |
| | 13,674,645 | 12,353,391 |

12. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

Urus niaga pertukaran belum bayar terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Perbelanjaan Terakru (Nota a) | 3,269,727 | 1,966,677 |
| Akaun Penyelesaian | 31,294 | 14,962 |
| | 3,301,021 | 1,981,639 |

(a) Perbelanjaan Terakru

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal | 3,038,047 | 1,858,144 |
| Penyelenggaraan Gerai dan Pasar | 95,000 | — |
| Gaji dan upahan | 42,239 | — |
| Perkhidmatan pembersihan dan perkhidmatan yang lain | 25,656 | 21,457 |
| Perkhidmatan keselamatan | 20,887 | 17,109 |
| Elaun Lebih masa | 19,120 | — |
| Bayaran air | 8,650 | — |
| Imbuhan Tetap Perumahan | 5,700 | — |
| Perkhidmatan perubatan | 2,887 | — |
| Elaun Bantuan Sara Hidup (COLA) | 2,850 | — |
| Imbuhan Tetap Kakitangan Awam | 2,185 | — |
| Percetakan | 2,167 | 19,677 |
| Telefon | 1,812 | 1,264 |
| Honorarium, saguhati dan hadiah | 1,050 | — |
| Elaun perjalanan | 802 | — |
| Elaun Memandu | 305 | — |
| Keraian | 200 | — |
| Alat Tulis Pejabat | 98 | — |
| Makan Minum Dalam Negeri | 70 | — |
| Pelbagai | 2 | 2 |
| Elektrik | — | 8,720 |
| Sewa Alat Kelengkapan Pejabat | — | 264 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Minyak petrol/disel | — | 10,790 |
| Pakaian | — | 28,500 |
| Latihan | — | 720 |
| Bayaran balik yang lain | — | 30 |
| | 3,269,727 | 1,966,677 |

13. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun | 925,070 | 104,555 |
| Tambahan | 112,263 | 927,509 |
| Penggunaan | (43,458) | (106,994) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 993,875 | 925,070 |

Peruntukan Manfaat Kakitangan dianalisis seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Kurang daripada 12 bulan | 74,454 | 35,872 |
| Lebih daripada 12 bulan | 919,421 | 889,198 |
| | 993,875 | 925,070 |

14. PENDAPATAN TERTUNDA

| | | |
|---|---|---|
| Projek Pembangunan BP 1 | 1,209,874 | 810,797 |
| Pusat Pengembangan Bandar Palong 4 - 6 | 398,334 | 398,334 |
| Projek Pelancungan (P62) | 71,114 | 71,114 |
| Program Pembasmian Kemiskinan Bandar | 51,839 | 51,839 |
| Program Local Agenda 21 | 21,692 | 21,692 |
| Pengurusan Sisa Pepejal | 13,261 | 13,261 |
| Projek UKB | 4,200 | 4,200 |
| | 1,770,314 | 1,371,237 |

15. KUMPULAN WANG MAJLIS

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari | 209,852,410 | 17,086,577 |
| (Kurangan) pendapatan dari perbelanjaan | (12,286,643) | (11,114,855) |
| | 197,565,767 | 5,971,722 |
| Pelarasan Tahun Lalu (Nota 28) | (65,579) | (259,583) |
| Rizab Penilaian Semula Hartanah (Nota 2.6) | — | 20,155,552 |
| Kesan Pemakaian MPSAS (Nota 2.21) | — | 183,984,719 |
| Baki pada 31 Disember | 197,500,188 | 209,852,410 |

16. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

Hasil urus niaga bukan pertukaran terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 6,055,889 | 5,947,994 |
| Caruman Bantu Kadar (Nota (a)) | 358,768 | 357,310 |
| Lesen-lesen (Nota (b)) | 1,195,421 | 915,923 |
| Notis dan denda (Nota (c)) | 458,177 | 476,453 |
| Sumbangan dari Kerajaan (Nota (d)) | 14,125,917 | 7,153,311 |
| | 22,194,172 | 14,850,991 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| (a) Caruman Bantu Kadar: | | |
| Kerajaan Persekutuan | 329,872 | 329,872 |
| Kerajaan Negeri | 28,896 | 27,438 |
| | 358,768 | 357,310 |
| (b) Lesen-lesen: | | |
| Tred, perniagaan dan perindustrian | 606,321 | 353,709 |
| Permit | 287,040 | 262,022 |
| Iklan dan kenyataan | 115,737 | 108,555 |
| Makanan dan minuman | 64,260 | 71,835 |
| Pasar | 43,104 | 47,714 |
| Gerai tepi jalan | 44,632 | 43,019 |
| Hiburan | 28,442 | 21,862 |
| Penjaja | 5,885 | 7,207 |
| | 1,195,421 | 915,923 |
| (c) Notis dan denda: | | |
| Notis dan kompaun | 339,727 | 280,195 |
| Denda | 91,923 | 172,321 |
| Waran tahanan | 26,527 | 23,937 |
| | 458,177 | 476,453 |
| (d) Sumbangan daripada Kerajaan: | | |
| Kerajaan Negeri - Projek-projek | 8,464,099 | 2,590,691 |
| Kerajaan Persekutuan - Projek-projek | 2,958,919 | 2,182,126 |
| Geran Tahunan | 1,629,037 | 1,629,037 |
| Bantuan Kerajaan Persekutuan/Negeri | 1,073,862 | 751,457 |
| | 14,125,917 | 7,153,311 |

17. URUS NIAGA PERTUKARAN

Hasil urus niaga pertukaran terdiri daripada:

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Sewaan (Nota (a)) | 1,291,315 | 1,308,630 |
| Perkhidmatan dan bayaran (Nota (b)) | 686,684 | 804,544 |
| Perolehan dari jualan barang-barang (Nota (c)) | 174,075 | 91,100 |
| Faedah (Nota (d)) | 247,701 | 264,911 |
| Lain-lain hasil (Nota (e)) | 129,191 | 476,052 |
| | 2,528,966 | 2,945,237 |
| (a) Sewaan: | | |
| Gerai tepi jalan, pasar, bengkel dan kedai | 1,192,445 | 1,205,289 |
| Padang/dewan | 63,911 | 48,668 |
| Perhentian bas dan teksi | 31,087 | 37,750 |
| Pelbagai sewaan | 3,872 | 16,923 |
| | 1,291,315 | 1,308,630 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| (b) Perkhidmatan dan Bayaran: | | |
| Tempat letak kereta | 384,532 | 380,833 |
| Fi Kebenaran Merancang | 95,035 | 155,511 |
| Pelan | 125,738 | 173,220 |
| Bayaran lain/carian rasmi | 30,188 | 43,803 |
| Kain rentang | 23,315 | 30,043 |
| Sampah | 19,876 | 21,134 |
| Pindah Milik | 8,000 | — |
| | 686,684 | 804,544 |
| (c) Perolehan dari jualan barang | | |
| Pelan, sebutharga dan pelbagai | 161,569 | 80,260 |
| Papan lesen | 12,506 | 10,840 |
| | 174,075 | 91,100 |
| (d) Faedah: | | |
| Simpanan tetap | 234,002 | 253,486 |
| Bank | 13,699 | 11,425 |
| | 247,701 | 264,911 |
| (e) Lain-lain hasil: | | |
| Keuntungan dari jualan aset | — | 99,498 |
| Pelbagai terimaan/komisyen | 33,134 | 52,542 |
| Elaun Hutang Ragu | 73,194 | 324,012 |
| Hutang Ragu Terpulih | 22,863 | — |
| | 129,191 | 476,052 |

18. EMOLUMEN

| | | |
|---|---|---|
| Gaji, elaun dan bonus | 5,324,744 | 4,963,218 |
| Elaun Ahli Majlis | 239,300 | 124,340 |
| KWAP | 652,778 | 594,640 |
| KWSP | 45,035 | 39,014 |
| Elaun lebih masa | 408,661 | 492,147 |
| Pekerja Sambilan/Kontrak | 1,125,812 | 1,004,239 |
| Pendaftaran kursus/latihan | 32,370 | 32,188 |
| Ganjaran Tamat Kontrak | 32,146 | 73,711 |
| Gantian Cuti Rehat | 79,979 | 853,798 |
| | 7,940,825 | 8,177,295 |

19. PERJALANAN DAN PENGANGKUTAN

| | | |
|---|---|---|
| Elaun perjalanan | 37,451 | 41,349 |
| Penginapan | 86,702 | 42,329 |
| Makan minum dalam negeri | 4,153 | 2,116 |
| Pemberian perpindahan | 671 | — |
| Lain-lain | 180 | 1,770 |
| | 129,157 | 87,564 |

20. PERHUBUNGAN

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Telefon | 205,925 | 189,580 |
| Pos | 5,377 | 30,649 |
| | 211,302 | 220,229 |

21. UTILITI

| | | |
|---|---|---|
| Elektrik | 1,599,302 | 1,430,529 |
| Air | 97,799 | 111,606 |
| | 1,697,101 | 1,542,135 |

22. BEKALAN BAHAN

| | | |
|---|---|---|
| Bekalan am/rumah tangga | 160,771 | 153,591 |
| Bekalan pejabat | 143,337 | 131,842 |
| Petrol/minyak pelincir | 119,421 | 126,307 |
| Pakaian seragam | 144,626 | 126,160 |
| Alat ganti dan pelbagai | 109,335 | 113,813 |
| Besi | 57,550 | 78,800 |
| Bekalan kimia | 24,585 | 29,224 |
| Baja dan racun | 25,910 | 23,324 |
| Tayar dan tiub | 14,839 | 20,185 |
| Kerikil dan pasir | 4,915 | 6,066 |
| Alat pertanian | 35,762 | 4,174 |
| Bekalan kayu | 462 | 2,269 |
| Batu batan dan simen | 2,700 | 1,722 |
| Bekalan tanah | 380 | — |
| | 844,593 | 817,477 |

23. PENYENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

| | | |
|---|---|---|
| Penyenggaraan jalan raya dan lorong belakang | 5,200,172 | 2,871,741 |
| Penyenggaraan parit dan longkang | 2,972,050 | 1,341,177 |
| Penyenggaraan alat elektrik dan pencahayaan | 3,008,211 | 621,842 |
| Penyenggaraan kemudahan awam/lain | 778,678 | 246,781 |
| Penyenggaraan kenderaan | 131,207 | 157,771 |
| Penyenggaraan dewan dan bangunan | 147,065 | 67,335 |
| Penyenggaraan kemudahan riadah/taman | 65,530 | 47,490 |
| Penyenggaraan alat kelengkapan elektronik | 18,885 | 19,301 |
| Penyenggaraan jentera | 4,463 | 8,241 |
| Penyenggaraan alat perhubungan | 2,000 | — |
| | 12,328,261 | 5,381,679 |

24. PERKHIDMATAN IKHTISAS

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan pengurusan sisa pepejal/pembersihan | 2,280,821 | 1,602,668 |
| Perkhidmatan kawalan keselamatan | 253,998 | 218,823 |
| Saguhati, keraian dan hospitaliti | 141,922 | 115,628 |
| Perkhidmatan perubatan | 109,552 | 62,576 |
| Perkhidmatan yang lain | 81,282 | 30,964 |
| Perakaunan dan perundangan | 34,217 | 16,886 |
| Perkhidmatan Penilaian | — | 15,672 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Perkhidmatan fotografi | 532 | 7,017 |
| Perkhidmatan komputer dan prosesan data | 7,882 | 4,548 |
| Perkhidmatan Perundingan | 399,372 | — |
| Perkhidmatan dobi | 1,322 | 1,751 |
| | 3,310,900 | 2,076,533 |

25. ELAUN HUTANG RAGU

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 9,385 | — |
| Sewaan | — | 48,510 |
| | 9,385 | 48,510 |

26. LAIN-LAIN PERBELANJAAN

| | | |
|---|---|---|
| Sewaan alat pejabat/mesin/jentera | 45,440 | 176,620 |
| Sumbangan ke Kelab Sukan | 48,198 | 95,333 |
| Komisyen bank, insuran dan lain-lain | 130,036 | 83,733 |
| Pokok dan benih | 80,160 | 83,180 |
| Cukai Tanah dan denda | 24,481 | 23,844 |
| Pampasan atas kerugian | 1,230 | 17,979 |
| Pemberian Pengurusan Jenazah | 3,000 | 3,000 |
| Pulang balik hasil dan hapuskira | 1,120 | 1,157 |
| Proses Permohonan Tanah | 186 | 1,000 |
| | 333,851 | 485,846 |

27. SUSUTNILAI DAN PELUNASAN

| | | |
|---|---|---|
| Tanah | 4,747 | 2,350 |
| Bangunan | 124,637 | 115,475 |
| Hartanah Pelaburan | 422,903 | 292,005 |
| Aset Infrastruktur | 9,252,498 | 9,238,059 |
| Jentera Berat | 111,597 | 126,052 |
| Jentera Ringan | 11,901 | 12,270 |
| Alat Pembersihan | 1,583 | 1,583 |
| Alat Pejabat | 132,397 | 143,104 |
| | 10,062,263 | 9,930,898 |

28. PELARASAN TAHUN LALU

| | | |
|---|---|---|
| Hapuskira cukai taksiran, denda lewat, Notis E dan Waran | (33,418) | (243,654) |
| Pelarasan sewaan | (21,943) | (21,300) |
| Pelarasan ke atas cek tak laku yang dibatalkan | — | 5,371 |
| Pelarasan ke atas pelupusan aset | (10,218) | — |
| | (65,579) | (259,583) |

29. CUKAI

Majlis Perbandaran Jempol adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6, Akta Pendapatan 1967.

30. LIABILITI LUAR JANGKA

Projek usahasama yang diusahakan oleh defenden pertama (Monocrest Sdn. Bhd.) dan defenden kedua (Majlis Perbandaran Jempol), pihak ketiga telah menyatakan tuntutan penggunaan tanah tanpa kebenaran oleh defenden pertama untuk projek tersebut.

31. KEBENARAN UNTUK TERBITAN PENYATA KEWANGAN

Terbitan Penyata Kewangan telah dibenarkan oleh Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Jempol pada

32. INSTRUMEN KEWANGAN – PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, entiti mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif entiti adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Entiti hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi entiti bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan entiti kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti entiti pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| 31 Disember 2019 | | |
| Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru | 3,391,565 | 15,354,415 |

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

33. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Kakitangan Penting Pihak Berkaitan

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung, termasuklah mana-mana pengarah entiti berkenaan. Ganjaran untuk pengarah dan lain-lain ahli penting pihak pengurusan untuk tahun berkenaan mengikut kategori adalah seperti berikut:

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| (i) Elaun tetap Ahli Majlis | 239,300 | 124,340 |
| (ii) Elaun Telefon | 28,800 | 10,991 |

| | | 2019 | 2018 |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| (iii) | Elaun Perjalanan | 2,037 | 2,356 |
| (iv) | Pembelian telefon | 41,795 | — |
| | | 311,932 | 137,687 |
| | Jumlah kakitangan | 24 | 24 |

34. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2019. Bajet asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan pada 12 Disember 2018 melalui surat SUKNS.700-10/4/5 Klt. 2 (6) bertarikh 8 Januari 2019.

Belanjawan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan didalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akruan kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:

| | Operasi | Pelaburan | Pembiayaan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| Jumlah sebenar setanding seperti ang dikemukakan dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | (9,865,199) | (223,671) | — | (10,088,870) |
| Perbezaan asas (Nota (a)) | 3,269,727 | — | — | 3,269,727 |
| Perbezaan masa | — | — | — | — |
| Perbezaan entiti | — | — | — | — |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | (6,595,472) | (223,671) | — | (6,819,143) |

Nota a:

Perbezaan asas merujuk kepada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

**No. 366.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN NILAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 44, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Nilai pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Nilai dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Perkara Audit Utama

Perkara Audit Utama adalah perkara berdasarkan penilaian profesional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai Perkara Audit Utama dalam menyatakan pendapat saya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Siji Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Nilai bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Nilai untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Nilai.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Nilai sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai memberi gambaran yang saksama.

(f) Saya menentukan perkara paling signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Nilai tahun kewangan semasa sebagai perkara audit utama melalui komunikasi dengan Ahli Majlis. Saya menerangkan perkara ini di dalam Sijil Juruaudit melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam atau dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, saya menentukan bahawa perkara ini tidak boleh dinyatakan dalam Sijil Juruaudit kerana kesan buruk pendedahan tersebut secara munasabah dijangka akan melebihi faedah kepentingan awam.

Hal-hal Lain

Sijii ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Bertarikh 30 September 2020

AHMAD BIN SELI
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

SIJIL JURUAUDIT KEPADA KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENGAUDITAN MAJLIS PERBANDARAN NILAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2019

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Majlis Perbandaran Nilai (Majlis) yang mengandungi penyata kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember, 2019, penyata prestasi kewangan, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai, untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut serta nota-nota kepada penyata kewangan dan satu ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 43.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember, 2019 dan prestasi kewangan dan aliran tunai untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dihuraikan dengan lanjut dalam laporan kami di bawah seksyen Tanggungjawab Juruaudit untuk Pengauditan Penyata Kewangan. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Tanggungjawab Kebebasan dan Lain-lain Tanggungjawab Etika

Kami bebas daripada Majlis selaras dengan Undang-Undang Kecil (atas Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ('Undang-Undang Kecil') dan Majlis Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Akauntan Etika Akauntan Profesional ('Kod IESBA'), dan kami telah memenuhi lain-lain tanggungjawab etika mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod LESBA.

| Bidang Utama Audit | Bagaimana audit menangani faktor risiko Bidang Utama Audit |
|---|---|
| Hasil Urusniaga Bukan Pertukaran Cukai Taksiran<br><br>Peningkatan dalam hasil urusniaga bukan pertukaran adalah sebanyak RM3,351,839 atau 5.91% | Kami telah menyemak hasil urusniaga bukan pertukaran – cukai taksiran serta menilai kawalan dalaman Majlis dalam mengiktiraf hasil cukai taksiran.<br><br>Kami juga telah menyemak kadar cukai taksiran yang dikenakan berdasarkan jenis pegangan selaras dengan kadar yang diwarta oleh Pihak Berkuasa Negeri.<br><br>Kami turut menganalisa prestasi kutipan cukai taksiran Majlis dan didapati prestasi Majlis adalah baik apabila analisa menunjukkan kutipan cukai meningkat dari tahun ke tahun.<br><br>Sistem yang digunakan oleh Majlis iaitu e-PBT adalah *reliable* dari segi penjanaan resit dan penyata akaun individu. |
| Emolumen dan Saraan Ahli Majlis<br><br>Emolumen dan saraan Ahli Majlis berjumlah RM526,437 meningkat sebanyak 10.45% dari tahun lepas | Kami telah menyemak belanja emolumen dan saraan Ahli Majlis. Semakan dibuat untuk memastikan bayaran emolumen dan saraan dibuat selaras dengan Akta Enakmen Penubuhan Majlis.<br><br>Emolumen dan saraan Ahli Majlis terdiri daripada elaun tetap, pelbagai pemberian yang termasuklah bantuan khas kewangan dan elaun telefon, dan juga elaun kehadiran mesyuarat.<br><br>Semakan telah dibuat ke atas surat perlantikan yang meliputi tempoh lantikan, emolumen dan saraan yang diterima. |

| Bidang Utama Audit | Bagaimana audit menangani faktor risiko Bidang Utama Audit |
|---|---|
| Hartanah Pelaburan<br><br>Peningkatan sebanyak 3.27% dalam tahun semasa | Kami telah menyemak hartanah pelaburan dan mengenalpasti dokumen-dokumen berkaitan dengan hartanah pelaburan yang direkodkan oleh Majlis. Hartanah pelaburan Majlis terdiri daripada dewan, bangunan, pasar-pasar dan gerai-gerai di terminal bas.<br><br>Semakan telah dibuat ke atas rekod pengesahan pemilik/geran dan juga perjanjian penyewaan hartanah pelaburan tersebut.<br><br>Semakan yang dibuat ke atas hasil sewaan Majlis mendapati tanah Lot 4324, Mukim Rantau yang disewakan kepada Cypark Resources untuk dijadikan tapak taman tenaga solar tetapi tanah tersebut tidak dikategorikan sebagai hertanah pelaburan. Tanah tersebut direkodkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. |

Tanggungjawab Ahli Majlis ke atas Audit Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab di dalam penyediaan penyata kewangan Majlis supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan Piawaian Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Majlis juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditentukan bagi membolehkan mereka menyediakan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang material, samada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Majlis, Ahli Majlis bertanggungjawab menilai kemampuan Majlis untuk terus beroperasi sebagi entiti berterusan dan mendedahkan asas yang digunakan berhubung usaha berterusan tersebut melainkan Majlis berniat untuk membubarkan atau menghentikan operasi Majlis, atau tiada pilihan yang realistik melainkan berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah tentang penyata kewangan secara keseluruhan, sama ada atau tidak penyata kewangan Majlis tersebut bebas daripada salah nyata fakta yang material, yang disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan melaporkan mengenai dalam pendapat juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan tahap keyakinan juruaudit yang tertinggi. Walaubagaimanapun, ia bukanlah satu jaminan yang juruaudit sentiasa dapat mengenalpasti kewujudan salah nyata yang material walaupun audit telah dilaksanakan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan juga Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Kesalahan salah nyata boleh berlaku melalui penipuan atau kesilapan dan salah nyata itu dikira material, sama ada amaun itu secara individu atau agregat boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Dalam melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mengamalkan pertimbangan profesional dan memelihara keraguan secara profesional. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang material di dalam penyata kewangan Majlis, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur-prosedur audit yang responsif terhadap risiko dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai bagi menyatakan pendapat kami. Ketidakbolehan juruaudit mengesan salah nyata material yang berpunca daripada penipuan adalah lebih berisiko berbanding kesalahan disebabkan kesilapan kerana ia melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan fakta untuk disengajakan, memberi salah gambaran atau perbuatan yang melanggar sistem kawalan dalaman Majlis.

- Memahami kawalan dalaman yang relevan bagi membolehkan kami merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.

- Menilai kesesuaian polisi perakaunan yang digunapakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat serta pendedahan mengenainya oleh Majlis.

- Membuat kesimpulan ke atas andaian yang digunakan oleh Majlis untuk beroperasi sebagai entiti berterusan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang material yang boleh menimbulkan keraguan yang signifikan ke atas kemampuan Majlis meneruskan perniagaannya. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa wujudnya ketidakpastian yang material, kami dikehendaki melaporkannya di dalam laporan juruaudit mengenai pendedahan yang dibuat di dalam penyata kewangan Majlis dan pendapat bersyarat perlu dilaporkan sekiranya pendedahan yang dibuat itu tidak mencukupi. Kesimpulan yang dibuat ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan ini dikeluarkan. Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan tertentu yang berlaku pada masa akan datang berkemungkinan boleh mengakibatkan Majlis menghentikan operasi perniagaannya.

- Menilai keseluruhan persembahan, struktur dan kandungan penyata kewangan Majlis, termasuk pendedahan ke atasnya, samada penyata kewangan Majlis ini mewakili transaksi dan peristiwa yang menjadi asas untuk menghasilkan persembahan laporan yang saksama.

Kami juga berkomunikasi dengan Majlis mengenai perkara lain antaranya skop perancangan, tempoh audit dan penemuan yang signifikan, termasuk kelemahan yang signifikan di dalam kawalan dalaman yang kenalpasti semasa audit dilakukan.

Laporan Ke atas Undang-undang dan Peraturan Lain

Selaras dengan kehendak Piawaian Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), kami juga melaporkan bahawa rekod perakaunan dan rekod-rekod lain termasuk daftar yang diperiksa oleh kami telah disimpan dengan wajar menurut peruntukan di dalam Akta.

Perkara-perkara Lain

Laporan ini hanya disediakan untuk Ahli Majlis sebagai satu badan sahaja, selaras dengan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

SEREMBAN
Bertarikh 28 September 2020

MOHD NOH & CO.
*AF 0462*
*Akauntan Bertauliah*

MOHD NOH BIN JIDIN
*00794/04/2022 (J)*
*Akauntan Bertauliah*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN NILAI

Saya, Dato' Hj Zazali bin Salehudin, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Perbandaran Nilai, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 yang berikut ini beserta nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
penama yang tersebut di atas
di Seremban
pada 26 September 2020 }

Dihadapan saya,
LEE KEE CHONG
*Pesuruhjaya Sumpah*
*Malaysia*

KENYATAAN OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Muhamad Zaki bin Md Sabri dan Senthivelu a/l V.R. Krishnaswami Thevar, daripada Ahli Majlis Perbandaran Nilai menyatakan bahawa pada pendapat Ahli-ahli Majlis, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta nota-nota yang di dalamnya telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia supaya memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2019, hasil kendaliannya bagi tahun dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,

MUHAMAD ZAKI BIN MD SABRI
*Ahli Majlis,*
*Majlis Bandaraya Seremban*

SENTHIVELU A/L
V.R. KRISHNASWAMI THEVAR
*Ahli Majlis,*
*Majlis Bandaraya Seremban*

Bertarikh 28 September 2020

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 RM | 31-12-2018 RM Seperti yang dinyatakan semula | 1-1-2018 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| ASET SEMASA | | | |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 3) | 13,711,025 | 10,530,711 | 8,250,010 |
| Urus Niaga Pertukaran Belum Terima (Nota 4) | 227,230 | 365,525 | 423,737 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan (Nota 5) | 6,113,132 | 5,781,451 | 4,584,405 |
| Simpanan Tetap (Nota 6) | 22,000,000 | 40,000,000 | 49,000,000 |
| Wang di Bank dan di Tangan (Nota 7) | 6,881,658 | 6,666,720 | 9,883,106 |
| | 48,933,045 | 63,344,407 | 72,141,258 |
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 8) | 1,270,356,614 | 1,328,220,197 | 1,383,082,694 |
| Hartanah Pelaburan (Nota 9) | 40,507,327 | 40,140,986 | 35,298,321 |
| Kerja dalam Pelaksanaan (Nota 10) | 775,421 | 3,737,091 | 4,590,355 |
| Aset Tak Ketara (Nota 11) | 438,338 | 514,544 | 439,419 |
| Pelbagai Akaun Belum Terima, Deposit dan Pendahuluan (Nota 5) | 92,211 | 35,693 | 15,667 |
| | 1,312,169,911 | 1,372,648,511 | 1,423,426,456 |
| JUMLAH ASET | 1,361,102,956 | 1,435,992,918 | 1,495,567,714 |

| | 2019<br>RM | 31-12-2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula | 1-1-2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|---|
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru (Nota 12) | 49,118,475 | 66,702,317 | 68,833,952 |
| Geran Tertunda (Nota 13) | — | — | — |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 14) | 273,065 | 145,689 | 30,175 |
| Pinjaman Sewa Beli (Nota 15) | 872,950 | 889,458 | 817,389 |
| Pinjaman (Nota 16) | 77,771 | 76,690 | 77,068 |
| | 50,342,261 | 67,814,154 | 69,758,584 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 14) | 173,905 | 193,240 | 34,178 |
| Pinjaman Sewa Beli (Nota 15) | 1,415,786 | 2,310,811 | 1,805,773 |
| Pinjaman (Nota 16) | 1,985,687 | 2,064,540 | 2,140,852 |
| | 3,575,378 | 4,568,591 | 3,980,803 |
| JUMLAH LIABILITI | 53,917,639 | 72,382,745 | 73,739,387 |
| ASET BERSIH | 1,307,185,317 | 1,363,610,173 | 1,421,828,327 |
| ASET BERSIH | | | |
| Kumpulan Wang Majlis | 1,306,880,317 | 1,363,305,173 | 1,421,523,327 |
| Kumpulan Wang Pinjaman | 305,000 | 305,000 | 305,000 |
| | 1,307,185,317 | 1,363,610,173 | 1,421,828,327 |

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| HASIL | | |
| Urus niaga bukan pertukaran (Nota 17) | 109,771,484 | 95,914,136 |
| Urus niaga pertukaran (Nota 18) | 5,822,889 | 7,362,786 |
| JUMLAH HASIL | 115,594,373 | 103,276,922 |

| | 2019 RM | 2018 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen | | |
| Gaji dan upahan | 6,517,982 | 6,268,874 |
| Elaun Tetap | 1,597,928 | 1,560,145 |
| Sumbangan berkanun untuk kakitangan | 1,114,116 | 1,061,723 |
| Elaun lebih masa | 1,530,121 | 1,894,437 |
| Faedah kewangan yang lain | 1,925,627 | 1,376,372 |
| Elaun Ahli Majlis | 526,347 | 476,550 |
| | 13,212,121 | 12,638,101 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | | |
| Perkhidmatan perbelanjaan dan sara hidup (Nota 19) | 198,553 | 202,411 |
| Pengangkutan barang-barang | — | 3,988 |
| Utiliti (Nota 20) | 7,913,986 | 6,483,206 |
| Sewaan (Nota 21) | 264,711 | 308,125 |
| Bekalan bahan-bahan mentah (Nota 22) | 892,893 | 938,221 |
| Bekalan dan bahan-bahan lain (Nota 23) | 791,007 | 845,649 |
| Penyelenggaraan dan pembaikan kecil (Nota 24) | 4,774,357 | 4,590,009 |
| Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti (Nota 25) | 44,231,724 | 39,258,569 |
| | 59,067,231 | 52,630,178 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | | |
| Pemberian dalam negeri (Nota 26) | 718,777 | 826,688 |
| Ganjaran | 344,963 | 344,847 |
| Gantian cuti rehat | 94,903 | 254,085 |
| Faedah (Nota 27) | 262,423 | 273,952 |
| | 1,421,066 | 1,699,572 |
| Perbelanjaan-perbelanjaan Lain | | |
| Pelbagai perbelanjaan (Nota 28) | 273,773 | 704,985 |
| Perbelanjaan pembangunan (Nota 29) | 33,514,335 | 25,454,860 |
| Kerugian atas pelupusan | 3,302 | 56,125 |
| Pulangbalik dan hapuskira | — | — |
| Rosotnilai Aset Kewangan | 2,970,634 | 910,526 |
| | 36,762,044 | 27,126,496 |
| Susutnilai dan pelunasan | | |
| Susutnilai dan pelunasan aset lain | 4,713,308 | 4,974,787 |
| Susutnilai aset infrastruktur | 62,952,805 | 62,949,698 |
| | 67,666,113 | 67,924,485 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 178,128,575 | 162,018,832 |
| KURANGAN BAGI TAHUN | (62,534,202) | (58,741,910) |

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | Kumpulan Wang Majlis | Kumpulan Wang Pinjaman | Jumlah Aset Bersih |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2018 - Seperti yang dinyatakan terdahulu | 1,403,843,974 | 305,000 | 1,404,148,974 |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 35) | 17,679,353 | — | 17,679,353 |
| Baki pada 1 Januari 2018 - Seperti yang dinyatakan semula | 1,421,523,327 | 305,000 | 1,421,828,327 |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 35) | 523,756 | — | 523,756 |
| Kurangan Bersih bagi tahun | (58,741,910) | — | (58,741,910) |
| Baki pada 31 Disember 2018 | 1,363,305,173 | 305,000 | 1,363,610,173 |
| Pelarasan tahun lalu (Nota 35) | 6,109,346 | — | 6,109,346 |
| Kurangan Bersih bagi tahun | (62,534,202) | — | (62,534,202) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 1,306,880,317 | 305,000 | 1,307,185,317 |

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | Seperti yang dinyatakan semula |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| Kurangan bagi tahun | (62,534,202) | (58,741,910) |
| Pergerakan bukan tunai: | | |
| Faedah simpanan tetap | (1,477,086) | (2,644,047) |
| Peruntukan manfaat kakitangan | 253,730 | 304,751 |
| Faedah pinjaman | 262,422 | 273,952 |
| Susutnilai dan pelunasan | 67,666,113 | 67,924,485 |
| Elaun rosot nilai | 2,970,634 | 910,526 |
| Pulangbalik dan hapuskira | — | — |
| Pelunasan geran | — | — |
| Lain-lain pendapatan dan deposit | (240,441) | — |
| Kerugian atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan | 3,302 | 56,125 |
| Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja | 6,904,472 | 8,083,882 |
| Peningkatan belum terima | 1,324,713 | (3,650,369) |
| (Pengurangan)/Peningkatan belum bayar | (19,041,771) | (2,337,771) |
| Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi | (10,812,586) | 2,095,742 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Faedah simpanan tetap diterima | 1,477,086 | 2,644,047 |
| Belian hartanah, loji dan peralatan | (5,083,497) | (12,239,152) |
| Belian aset tak ketara | (127,363) | (253,224) |

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Tambahan kerja dalam pelaksanaan | (1,986,975) | (3,197,961) |
| Penerimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan | — | 39,082 |
| Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan | (5,720,749) | (13,007,208) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN | | |
| Geran diterima | — | — |
| Pinjaman bersih | (77,771) | (76,690) |
| Pinjaman sewa beli | (1,173,956) | (1,228,230) |
| Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan | (1,251,727) | (1,304,920) |
| Pergerakan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai | (17,785,062) | (12,216,386) |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tempoh | 46,666,720 | 58,883,106 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh | 28,881,658 | 46,666,720 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tempoh diwakili oleh: | | |
| Simpanan Tetap | 22,000,000 | 40,000,000 |
| Wang di Bank dan di Tangan (Nota 7) | 6,881,658 | 6,666,720 |
| | 28,881,658 | 46,666,720 |

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | Jumlah Bajet Asal<br>RM | Jumlah Bajet Akhir<br>RM | Jumlah Sebenar<br>RM | Varian Bajet^<br>RM | Varian Bajet^<br>% |
|---|---|---|---|---|---|
| PENERIMAAN | | | | | |
| Urus niaga bukan pertukaran | 71,898,000 | 71,898,000 | 72,871,836 | 973,836 | 1% |
| Urus niaga pertukaran | 6,802,000 | 6,802,000 | 6,019,350 | (782,650) | -12% |
| Jumlah Penerimaan | 78,700,000 | 78,700,000 | 78,891,186 | | |
| PEMBAYARAN | | | | | |
| Emolumen | 12,700,000 | 12,633,000 | 12,463,851 | (169,149) | -1% |
| Perkhidmatan dan bekalan | 58,240,000 | 64,318,000 | 63,427,006 | (890,994) | -1% |
| Pemilikan harta modal | 250,000 | 273,000 | 227,493 | (45,507) | -17% |
| Perbelanjaan pembangunan | 2,650,000 | 7,330,000 | 3,323,766 | (4,006,234) | -55% |
| Pemberian dan kenaan bayaran tetap | 4,500,000 | 3,480,000 | 3,465,068 | (14,932) | 0% |
| Perbelanjaan lain | 460,000 | 266,000 | 254,583 | (11,417) | -4% |

| | Jumlah Bajet Asal | Jumlah Bajet Akhir | Jumlah Sebenar | Varian Bajet^ | Varian Bajet^ |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | % |
| Jumlah Pembayaran | 78,800,000 | 88,300,000 | 83,161,767 | | |
| KURANGAN BERSIH | (100,000) | (9,600,000) | (4,270,581) | | |

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Sebenar dan Jumlah Bajet Akhir.

PENJELASAN BAGI VARIAN MELEBIHI 20%

Perbelanjaan Pembangunan:

(i) "Peruntukan vot ini adalah untuk kerja-kerja perolehan bagi 1 unit access switch di Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi, 1 unit access switch di Jabatan Penilaian Hartanah, 1 unit Firewall untuk kegunaan Majlis Perbandaran Nilai dan penambahan 9 LAN port di Jabatan Penilaian Hartanah. Semasa kajian pelaksanaan dibuat untuk projek rangkaian & keselamatan dianggarkan mengikut bajet yang telah ditetapkan. Walaubagaimanapun, semasa perolehan dibuat secara sebutharga terbuka telah mendapat penjimatan sebanyak separuh daripada anggaran jabatan yang mana perbezaan anggaran jabatan dengan tawaran daripada pihak pembekal.

(ii) Peruntukan pembangunan kemudahan sosial bagi Projek Tandas Awam tidak dapat dibelanjakan di Dataran Nilai kerana peratusan kerja masih belum boleh diperakukan untuk bayaran. Manakala bayaran 50% sebanyak RM80,994 untuk Projek Tandas Dataran Rantau mengikut kemajuan kerja.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT AM

1.1 Penubuhan

Majlis Perbandaran Nilai pada dahulunya dikenali sebagai Majlis Daerah Seremban (ditubuhkan pada 1 Januari 1979) melalui penyusunan semula ke atas Enam (6) Penguasa Tempatan di Negeri Sembilan sek.3 (a) dan 3(b), Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171. Majlis Perbandaran Nilai telah diberi kenaikan taraf daripada Majlis Daerah Seremban dan majlis pengisytiharan kenaikan taraf tersebut telah dilaksanakan secara rasmi pada 2 Februari 2002. Majlis Perbandaran Nilai telah dipertanggungjawabkan untuk mentadbir lapan buah Mukim yang terdapat di dalam Daerah Seremban iaitu Mukim Setul, Mukim Labu, Mukim Rantau, Mukim Lenggeng, Mukim Pantai, Sebahagian Rasah, Sebahagian Ampangan dan Sebahagian Seremban.

1.2 Kegiatan Utama Majlis

Kegiatan Utama Majlis adalah memberi dan meningkatkan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta perancangan dan perlaksanaan program-program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis.

1.2.1 Mengenakan cukai taksiran terhadap pemilik-pemilik harta bagi harta-harta yang boleh dikenakan cukai taksiran yang secara langsung atau tidak langsung menerima perkhidmatan Majlis seperti penataan lampu jalan, pembersihan longkang dan kutipan sampah.

1.2.2 Mengenakan sewa ke atas premis-premis Majlis.

1.2.3 Mengeluarkan lesen perniagaan kepada peniaga-peniaga yang menjalankan aktiviti perniagaan dalam kawasan operasi Majlis.

1.3 Penyata kewangan ini telah disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

1.4 Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Penuh Majlis Bandaraya Seremban pada 30 Jun 2020.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia ("MPSAS") dan 1 Pekeliling Perbendaharaan.

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia telah didedahkan dalam Nota 2.20 kepada Penyata Kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan Bantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil dikeluarkan iaitu pada setiap awal tahun.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Ianya termasuk lesen perniagaan, permit sementara, iklan dan lain-lain.

Hasil bagi lesen, bayaran pendaftaran dan permit diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana ketidakpastian sama ada pelesen mahu meneruskan perniagaan setelah tamat tempoh lesen.

(iv) Notis dan Denda

Notis dan denda merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman-hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan dan Sumbangan Awam

Geran kerajaan dan sumbangan awam yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan dan sumbangan awam yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai liabiliti yang telah mematuhi syarat.

(v) Lain-lain Terimaan

Lain-lain terimaan akan diiktiraf apabila terdapatnya manfaat ekonomi masa depan atau potensi potensi perkhidmatan yang akan mengalir ke dalam Majlis dan lain-lain terimaan tersebut dapat diukur dengan munasabah.

2.2.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan, senggaraan gerai dan pasar, potong rumput dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis diiktiraf dalam lebihan atau kurangan pada asas garis lulus sepanjang tempoh pajakan.

(iii) Faedah

Faedah diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(iv) Perolehan dari Jualan Barang

Perolehan dari Jualan Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal (tidak termasuk pelaburan) dan lain-lain yang diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

Bagi tanah-tanah yang bukan milik Majlis yang mana didirikan bangunan Majlis di atasnya tidak diakaunkan kerana Majlis tidak mempunyai kawalan menyeluruh ke atasnya.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilai oleh Pengarah Penilaian Majlis. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Peralatan taman permainan diiktiraf sebagai belanja dalam Penyata Prestasi Kewangan atas faktor kesukaran kawalan ke atas alatan dan mempunyai tempoh usia guna yang pendek.

2.4 Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Tanah pegangan bebas tidak disusutnilaikan.

Kadar susut nilai adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah | Mengikut tempoh pajakan |
| Bangunan | 2% |
| Jentera berat | 12% |
| Jentera ringan | 20% |
| Alat-alat kelengkapan | 33.3% |
| Alatan pejabat | 10% |
| Aset infrastruktur | |
| (i) Jalan | 2% |
| (ii) Jambatan, Pondok Bas dan Hentian Teksi | 5% |

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.5 Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Bagi tanah-tanah bukan milik Majlis yang mana didirikan bangunan Majlis di atasnya tidak diakaunkan kerana Majlis tidak mempunyai kawalan yang menyeluruh ke atasnya.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilai oleh Pengarah Penilaian Majlis.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

Susut nilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset iaitu selama 50 tahun. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 Aset Tak Ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilai oleh Pengarah Teknologi Maklumat Majlis. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Aset tak ketara dilunaskan berdasarkan jangka hayat selama 5 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberikan kesan kepada nilai sisa, jangka hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Perisian komputer dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja pembangunan perisian yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.

2.7 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan adalah bagi kerja-kerja pembinaan hartanah, loji dan peralatan serta hartanah pelaburan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos ini akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan dan peralatan atau hartanah pelaburan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap *(Certificate of Practical Completion)* atau Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan *(Certificate of Completion and Compliance)* dikeluarkan dan dilunaskan.

2.8 Inventori

Majlis mempunyai inventori iaitu bekalan dan bahan ganti yang dipegang pada nilai tidak melebihi RM1,000,000. Inventori ini diiktiraf sebagai belanja (apabila transaksi berlaku) dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.9 Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Majlis hanya mempunyai kategori aset-aset kewangan seperti berikut:

(i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

(ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila majlis mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) pembayaran tertunggak;

(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Dasar perakaunan bagi Majlis berhubung dengan rosot nilai aset kewangan ini adalah dibuat ke atas mana-mana hutang yang telah melebihi tempoh 6 tahun atau tiada kemungkinan untuk diperolehi dan elaun rosot nilai pula ditentukan berdasarkan kepada bukti objektif yang wujud.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.10 Peruntukan liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam lebihan atau kurangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.11 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar jangka

Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.12 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Majlis hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.13 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Dan lain-lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai Pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer.

2.14 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.15 Manfaat Pekerja

Manfaat kakitangan Jangka Pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara (IJN), dialisis dan peralatan bahan tiruan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Manfaat kakitangan jangka pendek dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

Manfaat selepas perkhidmatan

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Kumpulan Wang Simpanan Persaraan (KWAP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Bagi kakitangan tetap Majlis sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunapakai oleh Majlis.

Majlis menggunapakai kaedah ‘Projected Unit Credit’ di dalam pengiraan Manfaat Cuti Rehat di mana terdapat beberapa andaian yang digunakan di dalam pengiraan tersebut seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Kenaikan gaji hakiki | RM80 - RM320 |
| Kadar imbuhan tetap | RM395 - RM1,700 |
| Bilangan cuti yang dikumpul | Bilangan maksimum sebanyak 150 hari |
| Kadar diskaun | 4% (Berdasarkan kepada kadar Malaysian Government Securities) |

Formula pengiraan Manfaat Cuti Rehat adalah seperti berikut:

1/30 X Gaji akhir (termasuk imbuhan tetap) x Bilangan cuti yang dikumpul (maksimum sebanyak 150 hari)

Majlis juga turut membuat peruntukan ganjaran kepada kakitangan kontrak yang telah memberi perkhidmatan dalam tempoh kewangan. Ganjaran ini diiktiraf secara akruan.

2.16 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

2.17 Percukaian

Majlis adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6: Akta Cukai pendapatan 1967.

2.18 Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran dan lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (%) atau berkadar sifar (0%).

Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan bahawa mulai 1 Jun 2018, kadar Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) 6% dimansuhkan. Mulai 1 September 2018, Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan Cukai Jualan dan Perkhidmatan di mana Majlis tidak mengenakan sebarang cukai perkhidmatan ke atas hasil yang dikenakan.

2.19 Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

Jumlah bajet ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Khas Belanjawan MPN dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan.

2.20 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Kerugian Hutang Ragu bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

(iii) Penentuan Harta Pelaburan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

(iii) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.21 Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengkontrakan dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.22 Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli majlis.

2.23 Pajakan

Pajakan Kewangan (Sebagai penerima pajak)

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukkan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan jangka hayat ekonominya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosot nilai.

Pajakan Operasi (Sebagai penerima pajak)

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.24 Kos Kewangan

Semua kos kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh ia terlibat.

2.25 Piawaian dan Pindaan MPSAS

Tiada piawaian dan pindaan MPSAS yang telah berkuatkuasa di dalam tahun kewangan semasa yang akan memberi kesan ke atas penyata kewangan majlis

Tiada piawaian dan pindaan MPSAS yang belum berkuatkuasa yang akan memberi kesan keatas penyata kewangan masa hadapan Majlis.

3. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | Seperti yang dinyatakan semula |
| Cukai taksiran | 36,614,825 | 34,804,350 |
| Notis E | — | — |
| Waran F | — | — |
| | 36,614,825 | 34,804,350 |
| Tolak: Elaun rosotnilai | (22,903,800) | (24,273,639) |
| | 13,711,025 | 10,530,711 |

Butiran pergerakan Elaun Rosotnilai adalah seperti berikut:

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | Seperti yang dinyatakan semula |
| Baki pada awal tahun | 24,273,639 | 24,347,290 |
| Tambahan tahun semasa | 2,834,269 | 910,526 |
| Pelarasan Hutangragu baikpulih | (4,204,108) | (984,177) |
| Baki pada akhir tahun | 22,903,800 | 24,273,639 |

4. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Akaun belum terima sewaan | 472,746 | 507,640 |
| Caj Selenggaraan | 217,304 | 200,068 |
| | 690,050 | 707,708 |
| Tolak: Elaun rosotnilai | (462,820) | (342,183) |
| | 227,230 | 365,525 |

Butiran pergerakan Elaun Rosotnilai adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada awal tahun | 342,183 | 469,038 |
| Tambahan | 136,365 | — |
| Hutangragu dibaikpulih | (128) | (6,440) |
| Hapuskira | (15,600) | (120,415) |
| Baki pada akhir tahun | 462,820 | 342,183 |

Analisa pengumuran urusniaga pertukaran belum terima adalah seperti berikut:

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Tidak rosot dan tidak melepasi tempoh kena bayar | 211 | 7,257 |
| Melepasi tempoh dibayar 01 hingga 12 bulan tetapi tidak dirosot nilai | 63,955 | 39,494 |
| Melepasi tempoh dibayar 13 hingga 24 bulan tetapi tidak dirosot nilai | 30,242 | 33,866 |
| Melepasi tempoh dibayar 25 hingga 36 bulan tetapi tidak dirosot nilai | 29,442 | 53,323 |
| Melepasi tempoh dibayar 37 hingga 48 bulan tetapi tidak dirosot nilai | 41,895 | 44,866 |
| Melepasi tempoh dibayar 49 hingga 60 bulan tetapi tidak dirosot nilai | 26,924 | 26,400 |
| Melepasi tempoh dibayar 61 hingga 72 bulan tetapi tidak dirosot nilai | 34,561 | 20,203 |
| Melepasi tempoh dibayar 73 bulan tetapi tidak dirosot nilai | — | 140,116 |
| | 227,230 | 365,525 |
| Telah dirosotnilai | 462,820 | 342,183 |
| | 690,050 | 707,708 |

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PENDAHULUAN

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM<br>Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Pelbagai penghutang | 50,229 | 7,232 |
| Pendahuluan gaji kakitangan Kesihatan Awam | 20,983 | 16,397 |
| Jabatan Kastam Diraja Malaysia (GST) (Nota (a)) | 4,887,625 | 4,974,140 |
| Pinjaman kenderaan (Nota (b)) | 80,014 | 16,814 |
| Pinjaman komputer (Nota (b)) | 43,475 | 37,354 |
| Pendahuluan MPN untuk pembukaan akaun | — | 3,000 |
| Bayaran Terdahulu dan Deposit | 618,878 | 56,171 |
| Faedah Atas Simpanan Tetap Terakru | 504,138 | 706,036 |
| | 6,205,342 | 5,817,144 |

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Dianalisa seperti berikut: | | |
| Matang dalam tempoh 12 bulan | 6,113,132 | 5,781,451 |
| Matang selepas tempoh 12 bulan | 92,211 | 35,693 |
| | 6,205,342 | 5,817,144 |

(a) Jumlah ini merujuk kepada perbezaan di antara cukai input dan cukai output yang wujud sebelum ini. Ianya masih belum dibayar oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

(b) Kadar faedah bagi pinjaman kenderaan dan pinjaman komputer bagi tahun 2019 dan 2018 adalah pada kadar 4% setahun.

6. SIMPANAN TETAP

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Simpanan tetap di bank berlesen/syarikat kewangan | 22,000,000 | 40,000,000 |

7. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Wang di Bank | 6,880,058 | 6,665,120 |
| Wang Di Tangan | 1,600 | 1,600 |
| | 6,881,658 | 6,666,720 |

8. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| TAHUN 2019 | Tanah dan bangunan | Bangunan tidak kekal | Jentera berat | Jentera ringan | Alat-alat kelengkapan | Aset infrastruktur | Alatan pejabat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KOS | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1 Januari 2019 | 65,325,138 | 56,540 | 10,947,846 | 302,859 | 436,881 | 1,321,425,925 | 12,245,443 | 1,410,740,632 |
| Kesan pemakaian MPSAS | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Tambahan dalam tahun | 3,378,525 | — | — | 25,400 | — | 62,122 | 1,900,511 | 5,366,558 |
| Pindahan dari kerja dalam perlaksanaan | 1,246,820 | — | — | — | — | — | 2,059,203 | 3,306,023 |
| Pelupusan dalam tahun | (63,240) | — | (4,000) | — | — | — | (27,877) | (95,117) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 69,887,243 | 56,540 | 10,943,846 | 328,259 | 436,881 | 1,321,488,047 | 16,177,280 | 1,419,318,096 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2019 | 4,091,974 | 40,392 | 6,775,800 | 257,009 | 436,672 | 64,316,052 | 6,602,536 | 82,520,435 |
| Susutnilai tahun semasa | 1,234,558 | 849 | 897,163 | 30,713 | — | 62,952,805 | 1,353,234 | 66,469,322 |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | (2,399) | — | — | — | (25,876) | (28,275) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 5,326,532 | 41,241 | 7,670,564 | 287,722 | 436,672 | 127,268,857 | 7,929,894 | 148,961,482 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2019 | 64,560,711 | 15,299 | 3,273,282 | 40,537 | 209 | 1,194,219,190 | 8,247,386 | 1,270,356,614 |

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan adalah:

(i) Jentera Berat dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM3,317,381 (2018: RM3,480,261) yang telah dibeli melalui skim sewa beli.

(ii) Bangunan dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM29,982,655 adalah merupakan bangunan yang dimiliki secara bersama dengan Majlis Perbandaran Seremban seperti yang dinyatakan pada nota 36 kepada Penyata Kewangan.

TAHUN 2018

| | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **KOS** | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2018 | 57,548,234 | 39,550 | 9,540,189 | 302,859 | 436,881 | 1,321,425,921 | 10,477,581 | 1,399,771,215 |
| Kesan pemakaian MPSAS | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Tambahan dalam tahun | 7,776,904 | 16,990 | 1,707,757 | — | — | 4 | 1,886,864 | 11,388,519 |
| Pindahan dari kerja dalam perlaksanaan | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | (300,100) | — | — | — | (119,002) | (419,102) |
| Baki pada 31 Disember 2018 | 65,325,138 | 56,540 | 10,947,846 | 302,859 | 436,881 | 1,321,425,925 | 12,245,443 | 1,410,740,632 |
| **SUSUTNILAI TERKUMPUL** | | | | | | | | |
| Baki pada 1 Januari 2018 | 2,948,659 | 39,543 | 6,020,606 | 231,343 | 430,677 | 1,366,354 | 5,651,339 | 16,688,521 |
| Susutnilai tahun semasa | 1,143,315 | 849 | 1,055,289 | 25,666 | 5,995 | 62,949,698 | 974,997 | 66,155,809 |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | (300,095) | — | — | — | (23,800) | (323,895) |
| Baki pada 31 Disember 2018 | 4,091,974 | 40,392 | 6,775,800 | 257,009 | 436,672 | 64,316,052 | 6,602,536 | 82,520,435 |
| **NILAI BAWAAN BERSIH** | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 61,233,164 | 16,148 | 4,172,046 | 45,850 | 209 | 1,257,109,873 | 5,642,907 | 1,328,220,197 |

Termasuk di dalam hartanah, loji dan peralatan adalah:

(i) Jentera Berat dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM4,414,933 (2017: RM3,480,261) yang telah dibeli melalui skim sewa beli.

(ii) Bangunan dengan amaun bawaan bersih berjumlah RM26,650,267 adalah merupakan bangunan yang dimiliki secara bersama dengan Majlis Perbandaran Seremban seperti yang dinyatakan pada nota 36 kepada Penyata Kewangan.

9. HARTANAH PELABURAN

| | 2019 RM | 2018 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Bangunan | | |
| Kos | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 46,314,217 | 39,880,974 |
| Tambahan | 592,348 | 6,433,243 |
| Pindahan dari kerja dalam pelaksanaan | 767,215 | — |
| Baki Pada Akhir Tahun | 47,673,780 | 46,314,217 |
| Susutnilai | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 6,173,231 | 4,582,653 |
| Tambahan | 993,222 | 1,590,578 |
| Baki Pada Akhir Tahun | 7,166,453 | 6,173,231 |
| Nilai Bawaan | 40,507,327 | 40,140,986 |

Termasuk di dalam hartanah pelaburan

Hasil sewa dari pada hartanah pelaburan adalah berjumlah RM735,794 (2018: RM736,068)

Belanja operasi langsung yang ketara yang timbul daripada hartanah pelaburan adalah berjumlah RM359,739 (2018: RM518,935)

Pada pendapat Ahli Majlis, nilai saksama hartanah pelaburan adalah melebihi daripada nilai dibawa yang dilaporkan.

10. KERJA DALAM PELAKSANAAN

| | 2019 RM | 2018 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Kos | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 3,737,091 | 4,590,355 |
| Tambahan | 1,986,975 | 3,197,961 |
| Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan | (3,306,023) | (4,051,225) |
| Pindahan ke Hartanah Pelaburan | (767,215) | — |
| Pelarasan | (875,407) | — |
| Baki Pada Akhir Tahun | 775,421 | 3,737,091 |

11. ASET TAK KETARA

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Perisian Komputer | | |
| Kos | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 2,935,653 | 2,682,429 |
| Tambahan | 127,363 | 253,224 |
| Baki Pada Akhir Tahun | 3,063,016 | 2,935,653 |
| Pelunasan Terkumpul | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 2,421,109 | 2,243,010 |
| Tambahan | 203,569 | 178,099 |
| Baki Pada Akhir Tahun | 2,624,678 | 2,421,109 |
| Nilai Bawaan | 438,338 | 514,544 |

12. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN PERBELANJAAN TERAKRU

| | 2019 RM | 2018 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Cagaran Deposit | 12,679,918 | 20,783,156 |
| Peruntukan | 939,319 | — |
| Pelbagai Pemiutang | 1,498,202 | 4,364,426 |
| Pemiutang Majlis Perbandaran Seremban (MPS) (Nota (a)) | 22,639,616 | 23,340,454 |
| Perkhidmatan Pembersihan dan Kutipan Sampah | — | 1,633,592 |
| Penswastaan Landskap | 483,796 | 570,842 |
| Wang Amanah Perkuburan | 8,432,000 | 5,308,481 |
| Wang Amanah PPKB | — | 191,585 |
| Akaun cek bayaran terbatal | — | 46,442 |
| Belanja terakru | 66,169 | 69,372 |
| | 46,739,020 | 56,308,350 |
| Akaun Amanah | | |
| Baki Pada Awal Tahun | | |
| Tambah: Terimaan tahun semasa | 10,393,967 | 11,066,696 |
| | 2,696,376 | 2,289,850 |
| | 13,090,343 | 13,356,546 |
| Tolak: Pelunasan | (10,710,888) | (2,962,579) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 2,379,455 | 10,393,967 |

(a) Jumlah pemiutang Majlis Perbandaran Seremban adalah jumlah yang wujud disebabkan oleh perkongsian kos bagi pembelian sebuah bangunan yang akan digunakan sebagai bangunan pejabat selepas Majlis bercantum dengan Majlis Perbandaran Seremban menjadi Majlis Bandaraya Seremban. Butiran jumlah perkongsian adalah seperti berikut:

| | Bahagian MPN | Bahagian MPS | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Nilai bangunan termasuk kos langsung (Nota 8) | 20,611,425 | 20,611,425 | 41,222,850 |
| Kos ubahsuai bangunan | 7,862,101 | 7,862,101 | 15,724,202 |
| Ansuran bayaran balik pinjaman bangunan | 1,586,394 | 1,586,394 | 3,172,788 |

13. GERAN TERTUNDA

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | | Seperti yang dinyatakan semula |
| Baki Pada Awal Tahun | — | — |
| Tambah: Terimaan tahun semasa | — | — |
| Tolak: Pelunasan | 2,565,262 | 396,798 |
| Baki Pada Akhir Tahun | (2,565,262) | (396,798) |
| | — | — |

14. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Ganjaran Cuti Rehat | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 213,001 | 64,353 |
| Tambahan | 17,798 | 178,823 |
| Pembayaran | (19,761) | (30,175) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 211,038 | 213,001 |
| Ganjaran Pekerja Kontrak | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 125,928 | — |
| Tambahan | 235,932 | 125,928 |
| Pembayaran | (125,928) | — |
| Baki Pada Akhir Tahun | 235,932 | 125,928 |
| | 446,970 | 338,929 |

Peruntukan manfaat kakitangan dianalisa seperti berikut:

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Kurang daripada 12 bulan | 273,065 | 145,689 |
| Lebih daripada 12 bulan | 173,905 | 193,240 |
| | 446,970 | 338,929 |

15. PINJAMAN SEWA BELI

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Analisa Sewabeli: | | |
| Bayaran dalam 1 tahun | 959,730 | 1,051,427 |
| Bayaran diantara 1 hingga 5 tahun | 1,528,559 | 2,510,364 |
| Jumlah hutang | 2,488,289 | 3,561,791 |
| Tolak: Faedah tertunda | (199,553) | (361,522) |
| Jumlah pokok | 2,288,736 | 3,200,269 |
| Dianalisa seperti berikut: | | |
| Matang dalam tempoh 12 bulan | 872,950 | 889,458 |
| Matang dalam tempoh 1 hingga 5 tahun | 1,415,786 | 2,310,811 |
| | 2,288,736 | 3,200,269 |
| Pinjaman Bank | | |
| Tujuan: Pembelian aset kenderaan, jentera berat & motosikal | | |
| Jumlah: | 2,288,736 | 3,200,269 |
| Kadar Faedah 2.79% - 6.60% | | |
| Tempoh Bayaran Balik: 60 bulan | | |
| Cagaran: Hakmilik dituntut oleh bank | | |
| | 2,288,736 | 3,200,269 |

16. PINJAMAN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Analisa pinjaman: | | |
| Bayaran dalam 1 tahun | 178,225 | 177,727 |
| Bayaran diantara 1 hingga 5 tahun | 4,905,518 | 5,084,241 |
| Jumlah hutang | 5,083,743 | 5,261,968 |
| Tolak: Faedah tertunda | (3,020,285) | (3,120,738) |
| Jumlah pokok | 2,063,458 | 2,141,230 |
| Dianalisa seperti berikut: | | |
| Matang dalam tempoh 12 bulan | 77,771 | 76,690 |
| Matang dalam tempoh 1 hingga 5 tahun | 1,985,687 | 2,064,540 |
| | 2,063,458 | 2,141,230 |
| Pinjaman Bank | | |
| Tujuan: Membiayai 2 unit rumah kedai di Nilai Impian | | |
| Jumlah: RM2,294,988 | 2,063,458 | 2,141,230 |
| Kadar Faedah 4.55% - 6.85% | | |
| Tempoh Bayaran Balik: 20 tahun | | |
| Cagaran: Hakmilik dituntut oleh bank | | |
| | 2,063,458 | 2,141,230 |

17. URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

| | 2019 RM | 2018 RM Seperti yang dinyatakan semula |
|---|---|---|
| Cukai taksiran am | 60,110,873 | 56,759,034 |
| Sumbangan kerajaan dan awam (Nota (a)) | 37,483,183 | 30,847,965 |
| Lesen, bayaran pendaftaran dan permit (Nota (b)) | 4,610,341 | 3,986,011 |
| Sumbangan bantu kadar (Nota (c)) | 1,192,313 | 1,190,297 |
| Notis dan denda (Nota (d)) | 1,896,874 | 1,385,056 |
| Pelunasan geran | — | 210,991 |
| Lain-lain pendapatan | 273,664 | 8,000 |
| Hutang ragu baikpulih | 4,204,236 | 1,526,782 |
| | 109,771,484 | 95,914,136 |

(a) Sumbangan kerajaan dan awam

| | | |
|---|---|---|
| Geran tahunan dan Bantuan kewangan | 2,641,046 | 2,641,046 |
| Sumbangan Pembangunan Kerajaan Persekutuan | 30,481,758 | 24,373,108 |
| Sumbangan Kerajaan Negeri | 1,223,180 | 807,837 |
| Beri utk Bil Elektrik | 2,866,218 | 2,685,688 |
| Beri utk Bil Lampu Jalan - Pihak Swasta | 34,481 | 40,286 |
| Saguhati/Hadiah/Pampasan/Sumbangan orang awam & swasta | 236,500 | 300,000 |
| | 37,483,183 | 30,847,965 |

(b) Lesen, bayaran pendaftaran dan permit

| | | |
|---|---|---|
| Penjaja | 74,796 | 71,199 |
| Tred perniagaan dan hiburan awam | 2,029,577 | 1,857,815 |
| Pasar | 30,974 | 28,972 |
| Bangunan | 556,795 | 779,138 |
| Iklan/kenyataan | 890,126 | 695,125 |
| Permit sementara, pasar malam dan pelbagai | 292,603 | 235,162 |
| Permit perniagaan sementara | 511,660 | 129,521 |
| Permit kain rentang | 223,810 | 189,079 |
| | 4,610,341 | 3,986,011 |

(c) Sumbangan bantu kadar

| | | |
|---|---|---|
| Kerajaan Persekutuan | 1,182,272 | 1,180,765 |
| Kerajaan Negeri | 10,041 | 9,532 |
| | 1,192,313 | 1,190,297 |

(d) Notis dan denda

| | | |
|---|---|---|
| Notis E cukai taksiran | — | — |
| Kompaun | 15,030 | 4,100 |
| Surcaj letak kereta | 66,710 | 91,595 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Waran F | — | — |
| Pelan bangunan | 320,496 | 250,185 |
| Pelbagai denda | 1,494,638 | 1,039,176 |
| | 1,896,874 | 1,385,056 |

18. URUS NIAGA PERTUKARAN

| | | |
|---|---|---|
| Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan (Nota (a)) | 2,789,520 | 3,116,429 |
| Sewaan (Nota (b)) | 843,574 | 836,229 |
| Faedah (Nota (c)) | 1,524,814 | 2,770,542 |
| Perolehan jualan barang (Nota (d)) | 664,981 | 639,586 |
| | 5,822,889 | 7,362,786 |

(a) Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran pelan | 1,901,983 | 2,259,124 |
| Terimaan prosesan | 76,378 | 118,663 |
| Terimaan komisen | 2,664 | 2,580 |
| Penyelenggaraan bangunan (caj selenggara) | 52,179 | 45,604 |
| Pelan Layout | 708,454 | 630,704 |
| Bayaran Tempat Letak Kereta | 47,862 | 29,901 |
| Terima Khidmat Yang Lain | — | 29,853 |
| | 2,789,520 | 3,116,429 |

(b) Sewaan

| | | |
|---|---|---|
| Sewaan dewan | 375,149 | 228,895 |
| Pasar dan gerai | 186,854 | 283,429 |
| Sewaan Dataran Nilai | 34,850 | 27,060 |
| Pelbagai sewaan | 246,721 | 296,845 |
| | 843,574 | 836,229 |

(c) Faedah

| | | |
|---|---|---|
| Simpanan tetap | 1,477,086 | 2,644,047 |
| Faedah lain | 47,728 | 126,495 |
| | 1,524,814 | 2,770,542 |

(d) Perolehan jualan barang

| | | |
|---|---|---|
| Patil Lesen | 34,275 | 33,120 |
| Jualan pelan/pelbagai | 630,706 | 606,466 |
| | 664,981 | 639,586 |

19. PERKHIDMATAN PERBELANJAAN DAN SARA HIDUP

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Elaun perjalanan, bayaran tambang bas & teksi | 177,687 | 190,618 |
| Bayaran tambang kapal terbang | 20,866 | 11,793 |
| | 198,553 | 202,411 |

20. UTILITI

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran Pos | 133,634 | 122,914 |
| Telefon | 495,230 | 383,609 |
| Perkhidmatan Perhubungan Yang Lain | 1,655 | 1,591 |
| Elektrik | 6,952,009 | 5,614,579 |
| Air & IWK | 331,458 | 360,513 |
| | 7,913,986 | 6,483,206 |

21. SEWAAN

| | | |
|---|---|---|
| Sewa pelbagai | 27,750 | 43,405 |
| Sewa Jentera Lain | 3,000 | 5,830 |
| Sewa Alatan Elektrik yang lain | 233,961 | 258,890 |
| | 264,711 | 308,125 |

22. BEKALAN BAHAN-BAHAN MENTAH

| | | |
|---|---|---|
| Alatan Kerja | 6,041 | 989 |
| Alat Ganti Kenderaan Darat | — | 12,758 |
| Alat Ganti Elektronik | 5,104 | 550 |
| Alat Ganti Elektrik | 331,172 | 351,692 |
| Alat Ganti Kebersihan | 10,000 | 46,587 |
| Alat Ganti Pelbagai | 39,874 | 49,062 |
| Minyak Petrol | 326,347 | 343,666 |
| Tayar/Tiub | 63,138 | 52,080 |
| Bahan Pencuci/Mengilat | 51,273 | 22,532 |
| Alat Kecil Pertanian | 59,944 | — |
| Anak Pokok/Benih | — | 58,305 |
| | 892,893 | 938,221 |

23. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN

| | | |
|---|---|---|
| Bahan-bahan Bercetak | 24,785 | 70,504 |
| Patil Lesen | 29,400 | 31,875 |
| Alat Tulis Pejabat | 105,515 | 50,809 |
| Alat Tulis Komputer | 160,081 | 109,710 |
| Bekalan Pejabat Lain | 233,838 | 335,685 |
| Pakaian Seragam | 237,388 | 247,066 |
| | 791,007 | 845,649 |

24. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN KECIL

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Penyelenggaraan & Ubahsuai Bangunan Pejabat | 165,442 | 285,322 |
| Penyelenggaraan Terminal Lori | 4,820 | — |
| Penyelenggaraan Dewan | 97,151 | 40,938 |
| Penyelenggaraan Gerai & Pasar | 110,386 | 192,675 |
| Penyelenggaraan Tandas Awam | 94,600 | 21,850 |
| Penyelenggaraan Jalanraya | 380,505 | 313,874 |
| Penyelenggaraan Taman & Padang | 724,872 | 436,190 |
| Penyelenggaraan Alat Taman Permainan | 454,186 | 321,970 |
| Penyelenggaraan Lorong Belakang | — | 42,378 |
| Penyelenggaraan Kemudahan Lampu Isyarat | 424,771 | 612,806 |
| Penyelenggaraan Papan Tanda | 54,801 | 128,350 |
| Penyelenggaraan Perhentian Bas | 40,620 | 69,750 |
| Penyelenggaraan Parit/Longkang | 786,393 | 832,834 |
| Penyelenggaraan Pengindahan Bandar/Landskap/Nursery | 717,120 | 716,388 |
| Penyelenggaraan Longkang Cerun | 30,780 | 38,170 |
| Penyelenggaraan Longkang Moonsoon | 19,600 | 23,150 |
| Penyelenggaraan CCTV | 302,497 | 134,982 |
| Penyelenggaraan Lori/Kenderaan Pengangkutan/Jentera/ Lain | 293,046 | 272,537 |
| Penyelenggaraan Alat Kelengkapan Pejabat /Komputer/ Sistem | 54,457 | 49,612 |
| Penyelenggaraan Alat Elektronik/Elektrik Lain | 18,310 | 17,233 |
| Penyelenggaraan Kelengkapan Penghawa Dingin | — | 39,000 |
| | 4,774,357 | 4,590,009 |

25. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN HOSPITALITI

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Perkhidmatan Perubatan | 82,862 | 62,690 |
| Perkhidmatan Auditan | 18,411 | 18,468 |
| Perkhidmatan Perundangan | 105,607 | 49,172 |
| Perkhidmatan Penilaian & U/Harta | 377 | 12,708 |
| Perkhidmatan Perundingan | 419,691 | 779,733 |
| Rancangan Tempatan | — | 16,700 |
| Latihan Kakitangan | 619,704 | 441,902 |
| Komputer & Prosesan Data | 31,155 | 25,749 |
| Perkhidmatan Juruukur | 49,694 | 352,819 |
| Pengiklanan | 14,146 | 15,800 |
| Perkhidmatan Keselamatan | 2,050,666 | 1,463,648 |
| Penswastaan Landskap | 6,766,355 | 6,824,771 |
| Penterjemahan & Penaksiran | 1,064 | 2,640 |
| Sambutan Perayaan | 176,539 | 191,762 |
| Perkhidmatan Pemungut Hutang | 425,918 | 372,946 |
| Pembersihan & Kutipan Sampah | 23,912,479 | 19,841,405 |
| Perkhidmatan Ternakan Liar/Terbiar | 11,870 | 32,675 |
| Perkhidmatan Percetakan | 351,492 | 385,959 |
| Gaji/Upah Kontrak/Sambilan | 4,946,964 | 4,636,876 |
| ITKA Kontrak/Sambilan | 334,074 | 328,284 |
| ITP Kontrak/Sambilan | 860,767 | 837,052 |
| Elaun Sara Hidup Kontrak/Sambilan | 734,474 | 717,842 |
| Elaun Lebih Masa Kontrak/Sambilan | 51,778 | 101,201 |
| Sumbangan Berkanun Kontrak/Sambilan | 1,465,598 | 918,361 |
| Faedah Kewangan Yang Lain Kontrak/Sambilan | 65,464 | 48,895 |
| Makanan & Minuman | 74,392 | 64,821 |
| Keraian Pejabat | 123,681 | 92,994 |
| Penggabungan MPN & MPS | 347,476 | 569,946 |
| Saguhati/Hadiah Kakitangan | 44,026 | 20,750 |
| Sukan Kerajaan Tempatan | 145,000 | 30,000 |
| | 44,231,724 | 39,258,569 |

26. PEMBERIAN DALAM NEGERI

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Pemberian kepada kelab Sukan | 150,000 | 181,900 |
| Pemberian lain-lain persatuan/agensi | 191,344 | 82,760 |
| Local Agenda 21 | 50,718 | 25,920 |
| Program hal komuniti | 326,715 | 536,108 |
| | 718,777 | 826,688 |

27. FAEDAH

| | | |
|---|---|---|
| Faedah yang dibayar atas pinjaman | 262,423 | 273,952 |
| | 262,423 | 273,952 |

28. PELBAGAI PERBELANJAAN

| | | |
|---|---|---|
| Pelbagai termasuk insurans dan komisen | 231,195 | 635,325 |
| Cukai Tanah | 39,257 | 39,810 |
| Pulangbalik Hasil | 3,321 | 29,850 |
| | 273,773 | 704,985 |

29. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

| | | |
|---|---|---|
| Membina dan membaiki jalan dalam kawasan Majlis | 19,430 | 86,925 |
| Membina dan membaiki longkang | 326,990 | 529,640 |
| Membina/ubahsuai bangunan pejabat/rumah kakitangan | 50,000 | 21,860 |
| Membina Terminal Lori | 150,070 | — |
| Membina perhentian bas | 18,380 | — |
| Membina lampu jalan/tiang lampu | 708,489 | 973,699 |
| Membina papan tanda/pintu gerbang | 19,400 | 6,240 |
| Membina pusat komuniti & CCTV Mobiliti | — | 81,070 |
| Projek pengindahan, rekreasi taman permainan | 40,182 | 473,162 |
| Projek menaiktaraf padang & taman rekreasi | 978,208 | 134,685 |
| Membaik pulih tanah runtuh/cerun | 150,210 | 238,300 |
| Perbelanjaan Pembangunan Peruntukan Kerajaan | 31,052,976 | 22,909,279 |
| | 33,514,335 | 25,454,860 |

30. INSTRUMEN KEWANGAN – PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul disebabkan oleh kegagalan pihak lain di dalam menjalankan kewajipannya. Pendedahan kepada risiko kredit wujud daripada akaun-akaun belum terima. Bagi wang tunai dan baki di bank, entiti mengurangkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan institut kewangan yang mempunyai penarafan kredit yang tinggi.

Objektif Majlis adalah untuk mencari pertumbuhan berterusan sementara meminimumkan kerugian yang timbul kerana peningkatan dalam pendedahan risiko kredit. Entiti hanya berurusan dengan pihak yang mempunyai kelayakan kredit yang baik. Ia telah menjadi polisi entiti bahawa semua siberhutang yang ingin berdagang hendaklah melalui prosedur pengesahan kredit. Tambahan pula, baki belum terima akan sentiasa dipantau secara berterusan.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan entiti kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti entiti pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

| | Dalam tempoh setahun | Lebih tempoh setahun | Jumlah |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Pada 31 Disember 2019 | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru | 44,034,732 | — | 44,034,732 |
| Pinjaman Sewa Beli | 872,950 | 1,415,786 | 2,288,736 |
| Pinjaman | 77,771 | 1,985,687 | 2,063,458 |
| | 44,985,453 | 3,401,473 | 48,386,927 |
| Pada 31 Disember 2018 | | | |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru | 43,361,863 | — | 43,361,863 |
| Pinjaman Sewa Beli | 889,458 | 2,310,811 | 3,200,269 |
| Pinjaman | 76,690 | 2,064,540 | 2,141,230 |
| | 44,328,011 | 4,375,351 | 48,703,362 |

Risiko Kadar Faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai wajar atau aliran tunai masa hadapan bagi instrumen kewangan Majlis akan berubah-ubah kerana perubahan dalam pasaran kadar faedah.

31. INSTRUMEN KEWANGAN – PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN...SAMB.

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pendedahan Majlis kepada risiko kadar faedah timbul terutamanya daripada pinjaman mereka. Pelaburan Majlis dalam aset kewangan kebanyakannya untuk jangka pendek dan kebanyakannya adalah deposit kewangan.

Pada tarikh pelaporan, jika kadar faedah adalah pada 10 mata asas lebih rendah/tinggi, dengan semua pemboleh ubah lain yang adalah sekata, kurangan bersih Majlis selepas cukai adalah pada RM43,743 lebih tinggi.

Aset dan liabiliti kewangan Majlis yang lain adalah tidak mempunyai kesan ketara ke atas Penyata Prestasi Kewangan Majlis.

Pengurusan Modal

Objektif utama pengurusan modal adalah untuk memastikan terdapat dana yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan, termasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa Majlis kekal kukuh dari segi kewangan.

Majlis memantau modal dengan menggunakan nisbah keberhutangan, iaitu hutang bersih dibahagikan dengan jumlah aset bersih dan hutang bersih.

Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan kesetaraan tunai, belum terima dan belum dibayar adalah menyamai nilai saksamanya kerana tempoh matangnya yang pendek.

32. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti entiti sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan-kakitangan penting termasuklah mana-mana pengarah entiti berkenaan. Ganjaran untuk kakitangan penting pihak pengurusan hanya terdiri oleh Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat adalah seperti berikut:

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan | 25 | 25 |
| Jumlah ganjaran | 485,247 | 564,600 |

33. KOMITMEN MODAL

| | | |
|---|---|---|
| Portal baru Majlis Bandaraya Seremban | 53,484 | 3,177,439 |
| Projek Tandas Awam Dataran Nilai | 385,166 | — |
| Kerja dalam pelaksanaan | 1,669,128 | 1,178,046 |
| Pembelian 2 unit kedai Bandar Baru Sendayan | 4,051,000 | 4,051,000 |
| | 6,158,778 | 8,406,485 |

34. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Majlis telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Jumlah bajet ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Belanjawan MPS pada 25 Oktober 2018. Bajet asal telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan pada 12 Disember 2018. Peruntukan tambahan telah dibuat kepada bajet yang telah diluluskan mengikut kelulusan khusus daripada pihak berkuasa yang berkenaan. Peruntukan tambahan ini telah dimasukkan ke dalam bajet asal oleh Majlis setelah menerima kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pada tahun 2019, Majlis mencatatkan peruntukan tambahan berjumlah RM9,500,000. Ringkasan peruntukan tambahan adalah seperti berikut:

| | Bajet Asal | Peruntukan Tambahan | Peruntukan Dipinda |
|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM |
| Hasil | 78,700,000 | — | 78,700,000 |
| Perbelanjaan: | | | |
| Mengurus | 76,150,000 | 4,820,000 | 80,970,000 |
| Pembangunan | 2,650,000 | 4,680,000 | 7,330,000 |
| Defisit | (100,000) | (9,500,000) | (9,600,000) |

Permohonan peruntukan tambahan pertama tahun 2019 adalah sebanyak RM9,500,000. Cadangan peruntukan tambahan telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Penuh pada 26 Mac 2019. Cadangan peruntukan tambahan ini telah diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dan diluluskan pada 17 April 2019. Antara inti pati peruntukan tambahan pertama adalah:

(i) Bagi menampung perbelanjaan kutipan sampah kepada SW Corp di kawasan baru/ tambahan Majlis serta pembayaran tunggakan bagi tahun 2017 & 2018.

(ii) Penambahan peruntukan bagi kerja-kerja perobohan dan pelupusan paparan iklan luar "billboard" yang telah roboh dan usang yang dibina dalam kawasan semak sepanjang Lebuhraya Utara Selatan kawasan Majlis.

(iii) Penambahan peruntukan bagi perkhidmatan pembersihan tandas-tandas awam kawasan Majlis dan kerja-kerja penangkapan dan pelupusan anjing liar dalam kawasan Majlis.

(iv) Penambahan peruntukan bagi menampung kos perbelanjaan kerja-kerja ubahsuai pejabat Unit COB di Jabatan Penilaian, Pejabat Cawangan Taman Pinggiran Senawang, Bilik Pencegahan Kebakaran Pusat Data Majlis, Tandas Pejabat Majlis, Pondok Jaga (laluan B) dan membina tempat penyimpanan anjing liar/terbiar.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akru kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:

| | Operasi<br>RM | Pelaburan<br>RM | Pembiayaan<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar | 2,745,746 | (3,551,259) | (3,465,068) | (4,270,581) |
| Perbezaan asas (Nota (a)) | (13,558,333) | (2,169,490) | 2,213,341 | (13,514,482) |
| Perbezaan masa | — | — | — | — |
| Perbezaan entiti | — | — | — | — |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | (10,812,586) | (5,720,749) | (1,251,727) | (17,785,063) |

Nota (a): Perbezaan merujuk kepada pembayaran dan penerimaan yang dibuat dalam tahun kewangan semasa, tetapi merupakan pembayaran berhubung tahun kewangan yang lalu.

35. PELARASAN TAHUN LALU

| | Seperti Dinyatakan Semula<br>RM | Seperti Dinyatakan Terdahulu<br>RM |
|---|---|---|
| Pada 31 Disember 2018 | | |
| Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota (a) - (c)) | 1,328,220,197 | 1,342,884,376 |

| | Seperti Dinyatakan Semula | Seperti Dinyatakan Terdahulu |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Hartanah Pelaburan (Nota (d)) | 40,140,986 | 2,179,004 |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru (Nota (e) - (f)) | 66,702,317 | 61,614,674 |
| Geran Tertunda | — | 5,308,481 |
| Kumpulan Wang Majlis | 1,363,305,173 | 1,346,508,277 |
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota (g) - (i)) | 10,530,711 | 17,289,706 |

Kesan ke atas Penyata Prestasi Kewangan

| | | |
|---|---|---|
| Urus niaga bukan pertukaran (Nota (i)) | 95,914,136 | 97,791,728 |
| Pulangbalik dan hapuskira (Nota (i)) | — | 419,316 |
| Susutnilai dan pelunasan | 67,924,485 | 67,976,550 |

Pada 1 Januari 2018

Kesan ke atas Penyata Kedudukan Kewangan

| | | |
|---|---|---|
| Urus Niaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota (g) - (i)) | 8,250,010 | 13,550,728 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota (a) - (c)) | 1,383,082,694 | 73,294,145 |
| Hartanah Pelaburan (Nota (d)) | 35,298,321 | 2,226,374 |
| Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru (Nota (e) - (f)) | 68,833,952 | 63,702,646 |
| Geran Tertunda | — | 5,122,674 |
| Kumpulan Wang Majlis | 1,421,523,327 | 83,972,136 |

Butiran pelarasan-pelarasan di atas adalah seperti berikut:

(a) Pelarasan bagi merekodkan kos aset bangunan Majlis yang belum direkodkan berjumlah sebanyak RM19,005,060.

(b) Pelarasan tahun lalu dibuat sebanyak RM927,274 bagi aset untuk dihapuskira disebabkan susut nilai terdahulu.

(c) Pelarasan tahun lalu dibuat sebanyak RM21,369 bagi nilaian jentera berat aset terdahulu.

(d) Pelarasan bagi merekodkan kos aset pelaburan hartanah yang belum direkodkan berjumlah sebanyak RM3,411,053.

(e) Pelarasan bagi merekodkan tunggakan bil elektrik sebanyak RM85,592 di Dataran Nilai oleh Syarikat Gasia Sdn. Bhd.

(f) Pelarasan bagi merekodkan bayaran terdahulu tunggakan bil air sebanyak RM47,758 di Dataran Nilai oleh Syarikat Gasia Sdn. Bhd.

(g) Pelarasan jernal terimaan hapuskira dari tunggakan hasil dan terimaan terdahulu sebanyak RM1,475,374.

(h) Pelarasan tahun lalu dibuat sebanyak RM275,193 bagi penghutang cukai taksiran yang terdahulu.

(i) Pelarasan tahun lalu dibuat sebanyak RM6,298,414 bagi penghutang Notis E dan penghutang Waran F adalah disebabkan ketetapan pemakaian hasil bagi denda dan hukuman yang lain-lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

36. PERKARA PENTING BERLAKU SELEPAS DARIPADA TEMPOH PELAPORAN

Penubuhan Majlis Bandaraya Seremban

Pada 1 Januari 2020, Majlis telah bercantum dengan Majlis Perbandaran Seremban lalu menjadikannya satu Pihak Berkuasa Tempatan yang dikenali sebagai Majlis Bandaraya Seremban selari dengan perintah percantuman Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai tahun 2019. Pencantuman ini tidak memberi kesan yang ketara kepada operasi dan kewangan Majlis Bandaraya Seremban.

Di dalam kewangan tahun 2020 Majlis Perbandaran Nilai akan menyediakan penyata kewangannya yang pertama di mana penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan terakhir yang akan disediakan oleh Majlis.

Perlaksanaan perintah Tempoh Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020

Pada 16 Mac yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 bagi mengekang wabak Covid-19. Tempoh "PKP" ini kemudiannya telah dilanjutkan sehingga 31 Ogos 2020. Sepanjang tempoh PKP ini, Majlis hanya membuka premisnya pada 4 Mei 2020 bagi segala urusan dengan orang awam.

Pelaksanaan PKP oleh Kerajan ini tidak memberikan kesan yang ketara ke atas aliran tunai Majlis serta operasi Majlis di masa hadapan kecuali Majlis telah memberikan pengecualian sewaan premis selama 2 bulan di mana anggaran sewaan premis yang tidak boleh dikutip oleh Majlis adalah berjumlah RM694,596.50.

Tiada pelarasan yang dibuat ke atas aset dan liabiliti Majlis pada tarikh pelaporan disebabkan oleh kesan PKP kerana PKP yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk membendung penularan wabak Covid-19 dan bukannya disebabkan oleh wabak tersebut. Ahli-ahli Majlis berpendapat bahawa "PKP" ini tidak memberikan bukti keadaan yang wujud pada akhir tempoh pelaporan dan ia dinilai sebagai peristiwa yang tidak perlu dilaraskan *("non-adjusting events")*.

## No. 367.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH JELEBU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

### Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Jelebu yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapata saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Jelebu pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Jelebu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

*Emphasis of Matter*

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian bahawa wakil saya tidak dapat menentusahkan nilai hartanah pelaburan rumah kedai Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan di Simpang Durian berjumlah RM2,100,000 disebabkan terdapat rumah kedai yang telah dijual secara sewa beli. Bagaimanapun transaksi tersebut telah direkodkan secara asas tunai. Ini akan memberi kesan terkurang dan terlebih nyata dalam laporan kewangan yang dilaporkan.

Perkara Audit Utama

Perkara Audit Utama adalah perkara berdasarkan penilaian profesional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Jelebu untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Jelebu secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai Perkara Audit Utama dalam menyatakan pendapat saya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Majlis Daerah Jelebu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Daerah Jelebu tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Jelebu yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakauan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Jelebu yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Daerah Jelebu, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Jelebu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Daerah Jelebu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

(a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Daerah Jelebu, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

(b) Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Jelebu.

(c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

(d) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Jelebu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Jelebu atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.

(e) Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Majlis Daerah Jelebu memberi gambaran yang saksama.

(f) Saya menentukan perkara paling signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Daerah Jelebu tahun kewangan semasa sebagai perkara audit utama melalui komunikasi dengan Ahli Majlis. Saya menerangkan perkara ini di dalam Sijil Juruaudit melainkan undang-undang atau peraturan menghalang pendedahan awam atau dalam keadaan yang sangat jarang berlaku, saya menentukan bahawa perkara ini tidak boleh dinyatakan dalam Sijil Juruaudit kerana kesan buruk pendedahan tersebut secara munasabah dijangka akan melebihi faedah kepentingan awam.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis berdasarkan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN
Bertarikh 1 Oktober 2020

SHAMSUL BIN SHAMDIN
*b.p. Ketua Audit Negara Malaysia*

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI
MAJLIS DAERAH JELEBU

Laporan Audit terhadap Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Majlis Daerah Jelebu (MDJ), yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan penyata prestasi kewangan, penyata perubahan aset bersih, penyata aliran tunai dan penyata perbandingan antara amaun bajet dan amaun sebenar untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan bagi dasar-dasar perakaunan penting dan nota penerangan yang lain, sebagaimana yang dibentangkan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai pada tahun kewangan menurut peruntukan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007, Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Akuan Berkanun 1960 di Malaysia.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan kerja-kerja audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab kami mengikut piawaian dijelaskan di bawah seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami pecaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi untuk memberi asas yang munasabah pada pendapat kami.

Perkara yang Diberi Penekanan

Pihak kami tidak dapat menentusahkan nilai hartanah pelaburan Rumah Kedai PKNNS Simpang Durian yang berjumlah RM2,100,000 disebabkan oleh terdapat Rumah Kedai yang telah dijual secara sewabeli walaubagaimanapun transaksi tersebut telah direkodkan secara asas tunai. Ini akan memberi kesan terkurang dan terlebih nyata dalam laporan kewangan yang dilaporkan.

Tanggungjawab Bebas dan Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Majlis berdasarkan keperluan perundangan *(Professional Ethics, Conduct and Practice)* yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia (MIA) *("By Laws")* dan *Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa yang dikuatkuasakan khususnya kepada Akauntan Profesional* (IESBA Code) dan kami telah memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab etika lain menurut keperluan *By-Laws* dan *IESBA Code* tersebut.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Para ahli Majlis bertanggungjawab untuk semua maklumat lain. Maklumat-maklumat lain termasuklah Laporan Ahli-ahli dan tidak termasuk penyata kewangan Majlis dan laporan juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Majlis tidak termasuk terhadap pendapat Laporan Ahli-ahli dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk pendapat untuk kandungan di dalam Laporan Ahli-ahli.

Sehubungan dengan audit kami terhadap penyata kewangan Majlis, kami bertanggungjawab membaca Laporan Ahli-ahli dan mempertimbangkan sama ada Laporan Ahli-ahli tersebut adalah konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Majlis atau maklumat yang kami perolehi tanpa sebarang salah nyata ketara.

Sekiranya, berdasarkan kerja-kerja audit yang telah dijalankan, kami mendapati terdapat salah nyata terhadap Laporan Ahli-ahli, kami dikehendaki untuk melaporkan perkara tersebut. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan berkaitan Laporan Ahli-ahli tersebut.

Tanggungjawab Para Ahli Majlis terhadap Penyata Kewangan

Para ahli Majlis bertanggungjawab dalam penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007, Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Akuan Berkanun 1960 di Malaysia. Para ahli Majlis juga bertanggungjawab untuk kawalan dalaman sebegini yang ditentukan oleh para ahli Majlis adalah perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis yang bebas daripada salah nyata yang ketara, disebabkan penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Majlis, para ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan secara usaha berterusan Majlis, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan tersebut dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan dalam penyediaan penyata kewangan Majlis melainkan jika para ahli Majlis berhasrat untuk membubarkan Majlis atau untuk menghentikan operasinya, atau tidak mempunyai alternatif lain melainkan untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Pengauditan Penyata Kewangan

Adalah menjadi tanggungjawab kami untuk melaksanakan audit bagi memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan Majlis bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan bagi menyatakan pendapat kami di dalam laporan juruaudit. Keyakinan yang munasabah merupakan keyakinan tahap tinggi, akan tetapi ia bukanlah satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan berupaya mengesan salah nyata yang ketara jika ianya wujud. Salah nyata boleh wujud disebabkan oleh penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau berkumpulan, ia boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada dasar pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, kami mengguna pakai asas pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di dalam proses pengauditan kami. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai segala risiko di dalam penyata kewangan Majlis yang disebabkan oleh salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko-risiko tersebut, dan memperolehi bukti-bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk menyokong asas pendapat kami. Risiko untuk tidak dapat mengesan kesalahan yang ketara disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding kesalahan disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan boleh terhasil daripada pakatan sulit, pemalsuan, kesalahan yang dirancang, pemberian gambaran yang salah, atau tindakan yang melangkaui kawalan dalaman.

- Memahami tentang kawalan dalaman untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan menyatakan pendapat bebas mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis.

- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang diguna dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para ahli Majlis.

- Memberi pendapat yang bersesuaian terhadap asas usaha berterusan yang digunakan oleh para ahli Majlis berdasarkan kepada bukti-bukti audit yang diperolehi sama ada wujud perkara ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Perbadanan untuk diteruskan secara berterusan. Jika kami berpendapat bahawa terhadap perkara ketidakpastian ketara, kami dikehendaki mengemukakan pendapat kami di dalam laporan juruaudit dan membuat pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Majlis atau sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, kami akan mengubah pendapat kami. Pendapat kami adalah berdasarkan bukti-bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh penyata kewangan dikemukakan.

  Walaubagaimanapun, peristiwa dan keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Majlis terhenti daripada diteruskan sebagai usaha berterusan.

- Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Majlis secara menyeluruh termasuk pendedahan berkaitan, dan menilai sama ada penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan urusniaga dan peristiwa penting di dalam Majlis.

Kami melaporkan kepada para ahli Majlis tentang perkara-perkara, antara lain, rancangan skop audit, tempoh masa audit dan penemuan-penemuan penting, termasuklah kekurangan dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti sepanjang tempoh pengauditan kami.

Laporan Keperluan Perundangan dan Peraturan

Menurut keperluan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007, Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Akuan, 1960 di Malaysia kami juga melaporkan perkara berikut pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod lain-lain seperti serta daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Majlis telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat semata-mata untuk para ahli Majlis, sebagai sebuah badan, menurut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 tahun 2007, Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Akuan Berkanun 1960 di Malaysia, dan bukan tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi sebarang kandungan di dalam laporan ini.

MELAKA
Bertarikh 25 September 2020

KHAIRUDDIN HASYUDEEN & RAZI
*AF 1161*
*Akauntan Bertauliah*

MOHD ARIF BIN YUSA
*1897/04/22(J)*
*Rakan Kongsi Firma*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH JELEBU

Saya, Abdul Rahim bin A Aziz, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Jelebu bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 dengan seikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar serta nota-nota yang dilampirkan, menurut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya bahawa ia adalah benar mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama yang tersebut di atas di Jelebu, Negeri Sembilan pada 24 September 2020 } ABDUL RAHIM BIN A AZIZ

Di hadapan saya,

NOR NUHA BINTI SULTAN
*Pesuruhjaya Sumpah Majistret*

KENYATAAN OLEH AHLI-AHLI MAJLIS

MAJLIS DARAH JELEBU

Kami, Saiful Bahri bin Jaaman @ Sharman dan Lee Song Sin yang merupakan dua daripada Ahli-Ahli Majlis Daerah Jelebu, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini serta nota-nota di dalamnya adalah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli-Ahli Majlis,

SAIFUL BAHRI BIN JAAMAN @ SHARMAN
*Ahli Majlis,*
*Majlis Daerah Jelebu*

LEE SONG SIN
*Ahli Majlis,*
*Majlis Daerah Jelebu*

Bertarikh 24 September 2020

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| ASET | | |
| ASET SEMASA | | |
| Wang di Tangan dan di Bank (Nota 3) | 1,913,116 | 2,700,684 |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima (Nota 4) | 2,251,886 | 2,261,648 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Terima (Nota 5) | 27,531 | 24,835 |
| Simpanan Tetap (Nota 6) | 2,125,810 | 1,225,809 |
| JUMLAH ASET SEMASA | 6,318,343 | 6,212,976 |
| ASET BUKAN SEMASA | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 7) | 46,898,288 | 49,331,998 |
| Hartanah Pelaburan (Nota 8) | 32,598,341 | 30,482,858 |
| Aset Tak Ketara (Nota 9) | 2 | 1,451 |
| JUMLAH ASET BUKAN SEMASA | 79,496,631 | 79,816,307 |
| JUMLAH ASET | 85,814,974 | 86,029,283 |
| LIABILITI | | |
| LIABILITI SEMASA | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Bayar (Nota 10) | 1,133,106 | 1,023,622 |
| Urusniaga Pertukaran Belum Bayar (Nota 11) | 4,943,608 | 4,024,135 |
| Geran Tertunda (Nota 12) | 250,000 | 250,000 |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA | 6,326,714 | 5,297,757 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 13) | 419,490 | 323,322 |
| JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA | 419,490 | 323,322 |
| JUMLAH LIABILITI | 6,746,204 | 5,621,079 |
| ASET BERSIH | 79,068,770 | 80,408,204 |
| ASET BERSIH | | |
| Kumpulan Wang Majlis (Nota 14) | 58,365,473 | 62,941,123 |
| Kumpulan Rezab Modal (Nota 15) | 20,653,297 | 17,417,081 |
| Kumpulan Wang Pinjaman (Nota 16) | 50,000 | 50,000 |
| JUMLAH ASET BERSIH | 79,068,770 | 80,408,204 |

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| HASIL | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran (Nota 17) | 9,712,637 | 7,594,015 |
| Urusniaga Pertukaran (Nota 18) | 201,431 | 140,217 |
| JUMLAH HASIL | 9,914,068 | 7,734,232 |
| PERBELANJAAN | | |
| Emolumen (Nota 19) | 3,280,952 | 3,059,220 |
| Pengangkutan dan Perjalanan | 31,159 | 18,567 |
| Perhubungan dan Utiliti (Nota 20) | 530,511 | 567,613 |
| Sewaan | 38,757 | 42,768 |
| Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan (Nota 21) | 35,034 | 43,046 |
| Bekalan dan Bahan-bahan Lain (Nota 22) | 54,202 | 136,899 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan (Nota 23) | 97,300 | 111,382 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Lain-lain (Nota 24) | 2,176,734 | 1,826,783 |
| Perbelanjaan Pembangunan (Nota 25) | 4,438,443 | 2,806,659 |
| Bayaran-bayaran Lain (Nota 26) | 97,148 | 61,703 |
| Peruntukan Hutang Ragu | (1,035) | 82,190 |
| Hapuskira hutang lapuk (Nota 27) | 60,286 | 164,520 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan (Nota 13) | 96,168 | 217,324 |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan (Nota 7) | 3,031,703 | 2,621,914 |
| Susutnilai Hartanah Pelaburan (Nota 8) | 355,384 | 332,922 |
| Susutnilai Aset Tak Ketara (Nota 9) | 1,449 | 1,450 |
| Kerugian Penilaian Semula Tanah dan Bangunan | 4,910,350 | 151,660 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 19,234,545 | 12,246,620 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) BERSIH BAGI TAHUN | (9,320,477) | (4,512,388) |

Sila lihat nota-nota kepada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN
KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | Kumpulan Wang Majlis<br>RM | Kumpulan Rezab Modal<br>RM | Kumpulan Wang Pinjaman<br>RM | Jumlah Aset Bersih<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| Baki pada 1 Januari 2018 | 15,457,902 | 1,072,946 | 50,000 | 16,580,848 |
| Aset Infrastruktur | 49,615,499 | — | — | 49,615,499 |
| Penilaian Semula Tanah Majlis | — | 16,344,135 | — | 16,344,135 |
| Geran Tertunda | 2,354,819 | — | — | 2,354,819 |
| Pelunasan Geran Tertunda | 25,291 | — | — | 25,291 |
| Kurangan Bersih Bagi Tahun | (4,512,388) | — | — | (4,512,388) |
| Baki pada 31 Disember 2018 | 62,941,123 | 17,417,081 | 50,000 | 80,408,204 |
| Pelarasan Tahun–Wang Di Bank | 16,229 | — | — | 16,229 |
| Pelarasan Tahun–Deposit | (14,400) | — | — | (14,400) |
| Tambahan Dalam Tahun | 4,742,998 | — | — | 4,742,998 |
| Jualan 1 Unit Rumah Kedai | — | (105,000) | — | (105,000) |

| | Kumpulan Wang Majlis | Kumpulan Rezab Modal | Kumpulan Wang Pinjaman | Jumlah Aset Bersih |
|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM |
| PKNN | | | | |
| Penilaian Semula Tanah Majlis | — | 3,338,489 | — | 3,338,489 |
| Tambahan Kos Bangunan | — | 2,727 | — | 2,727 |
| Kurangan Bersih Bagi Tahun | (9,320,477) | — | — | (9,320,477) |
| Baki pada 31 Disember 2019 | 58,365,473 | 20,653,297 | 50,000 | 79,068,770 |

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI | | |
| (Kurangan) Bagi Tahun | (9,320,477) | (4,512,388) |
| Pergerakan Bukan Tunai: | | |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 3,031,703 | 2,621,914 |
| Susutnilai Hartanah Pelaburan | 355,384 | 332,922 |
| Susutnilai Aset Tak Ketara | 1,449 | 1,450 |
| Pelarasan–Wang Di Bank | 16,229 | — |
| Pelarasan–Wang Deposit | (14,400) | — |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | 96,168 | — |
| Hapuskira hutang lapuk | 60,286 | — |
| Peruntukan Hutang Ragu | (1,035) | — |
| Pelarasan pelupusan hartanah pelaburan | 2,728 | — |
| kerugian atas penilaian semula harta | 4,907,622 | — |
| Geran Tertunda (Terimaan Sumbangan Projek Usahasama) | — | 250,000 |
| Pelupusan Susutnilai | — | (97,023) |
| (Kerugian) Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja | (864,343) | (1,403,125) |
| Perubahan Modal Kerja | | |
| Pergerakan Bersih dalam Belum Terima | | |
| (Peningkatan)/Pengurangan dalam Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima | 9,762 | (356,064) |
| Pengurangan dalam Urusniaga Pertukaran Belum Terima | (61,943) | 44,738 |
| Pergerakan Bersih dalam Belum Bayar | | |
| Peningkatan/(Pengurangan dalam Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Bayar | 109,484 | 4,455 |
| Peningkatan Urusniaga Pertukaran Belum Bayar | 919,473 | 613,061 |
| Peningkatan dalam Manfaat Kakitangan | — | 217,324 |
| Aliran Tunai Bersih (Digunakan Dalam) Daripada Aktiviti Operasi | 112,433 | (879,611) |
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN | | |
| Belian Hartanah, Loji dan Peralatan | — | (10,360) |
| Kerugian Atas Penilaian Semula Tanah dan Bangunan | — | 151,660 |
| Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan | — | 97,866 |

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Aliran Tunai Bersih Dijanakan Daripada Aktiviti Pelaburan | — | 239,166 |
| (Penurunan)/Peningkatan Bersih Dalam Tunai dan Kesataraan Tunai | 112,433 | (640,445) |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | 3,926,493 | 4,566,938 |
| Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun | 4,038,926 | 3,926,493 |
| Tunai Dan Kesataraan Tunai Pada Akhir Tempoh Terdiri Daripada Wang di Tangan dan di Bank | 1,913,116 | 2,700,684 |
| Simpanan Tetap | 2,125,810 | 1,225,809 |
| | 4,038,926 | 3,926,493 |

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

| | Jumlah Bajet | | Jumlah | Varian |
|---|---|---|---|---|
| | Asal | Akhir | Sebenar | Bajet^ |
| | RM | RM | RM | RM |
| PENERIMAAN | | | | |
| Urusniaga Bukan Pertukaran | 6,225,000 | 6,225,000 | 9,712,637 | 3,487,637 |
| Urusniaga Pertukaran | 161,000 | 161,000 | 201,431 | 40,431 |
| Jumlah Penerimaan | 6,386,000 | 6,386,000 | 9,914,068 | 3,528,068 |
| PEMBAYARAN | | | | |
| Emolumen | 3,483,000 | 3,483,000 | 3,280,952 | (202,048) |
| Pengangkutan dan Perjalanan | 20,000 | 31,000 | 31,159 | 159 |
| Perhubungan dan Utiliti | 524,000 | 524,000 | 530,511 | 6,511 |
| Sewaan | 103,000 | 92,000 | 38,757 | (53,243) |
| Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan | 90,000 | 90,000 | 35,034 | (54,966) |
| Bekalan dan Bahan-bahan Lain | 123,000 | 122,000 | 54,202 | (67,798) |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan | 117,000 | 118,000 | 97,300 | (20,700) |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Lain-lain | 1,275,000 | 1,275,000 | 2,176,734 | 901,734 |
| Perbelanjaan Pembangunan | 180,000 | 180,000 | 4,438,443 | 4,258,443 |
| Bayaran-bayaran Lain | 177,000 | 177,000 | 97,148 | (79,852) |
| Peruntukan Hutang Ragu | — | — | (1,035) | (1,035) |
| Hapuskira | 10,000 | 10,000 | 60,286 | 50,286 |
| Manfaat Kakitangan | 61,000 | 61,000 | 96,168 | 35,168 |
| Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan | 223,000 | 223,000 | 3,031,703 | 2,808,703 |
| Susutnilai Hartanah Pelaburan | — | — | 355,384 | 355,384 |
| Susutnilai Aset Tak Ketara | — | — | 1,449 | 1,449 |
| Kerugian Atas Penilaian Semula Tanah/Bangunan | — | — | 4,910,350 | 4,910,350 |
| Jumlah Pembayaran | 6,386,000 | 6,386,000 | 19,234,545 | 12,848,545 |
| PENERIMAAN BERSIH | — | — | (9,320,477) | (9,320,477) |

^ Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN—31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT UMUM

(a) Penubuhan

Majlis Daerah Jelebu telah ditubuhkan pada 28 Ogos 1980 melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

(b) Aktiviti Utama

1. Mempertingkatkan keupayaan dan kapasiti Majlis
2. Memperkasakan tadbir urus Majlis
3. Memperkukuh dan memantapkan sumber hasil Majlis.
4. Mempertingkatkan kualiti hidup komuniti.
5. Memantapkan kolaborasi strategik

(c) Penyata kewangan ini telah disediakan dalam mata wang Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Majlis.

(d) Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Penuh Majlis pada 6 Julai 2020.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perbendaharaan.

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2 (r) kepada Penyata Kewangan.

(b) Hartanah, Loji dan Peralatan

Tiada tanah hakmilik jenis kekal yang dimiliki oleh Majlis Daerah Jelebu.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Jika sesuatu aset diperoleh melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

(c) Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Susut nilai hartanah, loji dan peralatan dikira mengikut kaedah garis lurus berdasarkan jangkaan hayat aset berkenaan dan dikenakan kepada kumpulan masing-masing. Tanah hak milik bebas dan pembinaan dalam bangunan tidak disusutnilai.

Kadar Susutnilai adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah Pajakan | Tempoh Pajakan |
| Bangunan Batu | 1% |
| Bangunan Kayu | 5% |
| Jentera Berat | 12 1/2% |
| Jentera Ringan | 20% |
| Alat-alat Pejabat | 10% |
| Alat-alat Pembersihan | 33 1/3% |
| Aset Infrastrukutur | 2%-10% |

(d) Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti Cukai Taksiran, Sumbangan Membantu Kadar, Lesen dan Permit, Denda dan Hukuman serta Geran Kerajaan.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

(i) Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(ii) Hasil sewa diiktiraf apabila hasil itu diperoleh mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iii) Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

(e) Manfaat Pekerja

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan

diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Manfaat Jangka Panjang

Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantian Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun bagi wanita dan 45 tahun bagi lelaki dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun.

Majlis juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(iii) Pelan Sumbangan Terancang

Seperti diperuntukkan oleh undang-undang, semua perbadanan di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen, dan kumpulan wang simpanan pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

(f) Percukaian

Majlis Daerah Jelebu adalah dikecualikan daripada cukai menurut Seksyen 127, Jadual 6 : Akta Cukai Pendapatan 1967.

(g) Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada Majlis adalah seperti berikut:

Cukai Output

Terimaan hasil cukai taksiran adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil selain cukai taksiran contohnya seperti sewaan ruang niaga, lesen, sewaan dewan adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%) atau berkadar sifar (0%).

Cukai Input

Majlis menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. Majlis boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

Kerajaan Persekutuan telah mengumumkan bahawa mulai 1 Jun 2018, kadar GST sebanyak 6% dimansuhkan. Mulai 1 September 2018 Kerajaan Persekutuan telah memperkenalkan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) untuk menggantikan GST dan Majlis tidak dikenakan sebarang cukai perkhidmatan ke atas hasil yang dikenakan.

(h) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, dan pinjaman dan belum bayar.

Majlis hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat. Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang tiga bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(j) Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

(i) Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

(ii) Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

(k) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urus niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

(i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;

(ii) pembayaran tertunggak;

(iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau

(iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesai serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima serta sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

(l) Peruntukan liabiliti

Peruntukan bagi liabiliti diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut dan jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah material, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

(m) Aset tak ketara

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.

Aset tak ketara diambilalih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.

Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.

Perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 5 tahun.

Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.

Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Selepas pengiktirafan awal sesuatu aset, aset tersebut akan dibawa pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Pelunasan aset bermula apabila pembangunan selesai dan aset sedia untuk digunakan. Ia dilunaskan sepanjang tempoh manfaat masa depan yang dijangkakan. Di dalam tempoh pembangunan, aset diuji untuk rosot nilai dengan sebarang kerugian kemerosotan nilai diiktiraf serta merta dalam penyata prestasi kewangan.

(n) Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(o) Nilai Saksama Instrumen Kewangan

Nilai saksama instrumen kewangan yang didagangkan dalam pasaran aktif pada setiap tarikh laporan adalah ditentukan dengan merujuk harga pasaran disebut tanpa mengurangkan kos urus niaga.

(p) Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli-ahli majlis.

(q) Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar

Bajet tahunan yang disediakan pada asas tunai telah dilulus dan dibentangkan bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2019 hingga 31 Disember 2019. Bajet ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Penuh Majlis pada 30 Ogos 2018. Manakala Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan telah meluluskan bajet ini pada 12 Disember 2018.

Belanjawan dan penyata kewangan Majlis disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan dengan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam prestasi kewangan manakala bajet disediakan pada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Pelarasan antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:

| | Operasi<br>RM | Pelaburan<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|
| Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar | 19,234,545 | — | 19,234,545 |
| Perbezaan Asas (Nota (a)) | (19,122,112) | — | (19,122,112) |
| Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai | 112,433 | — | 112,433 |

(r) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

Kerugian Hutang Ragu bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 3 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

(s) Hartanah Pelaburan

Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperoleh melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul jika ada.

Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susut nilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

Untung atau rugi akibat pelupusan hartanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(t) Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan Hutang Ragu adalah satu jumlah peruntukan yang disediakan bagi mengenalpasti dan menyelaraskan amaun-amaun yang mempunyai usia tunggakan yang lama.

Kesan Pemakaian MPSAS

(u) Aset Infrastruktur

Di dalam tahun kewangan sebelum ini, dalam tempoh peralihan Majlis telah memilih pengecualian di dalam mengiktiraf aset infrastruktur iaitu jalan raya dan pondok bas. Oleh kerana tahun ini merupakan tempoh peralihan terakhir, Majlis telah mengiktiraf aset infrastruktur berjumlah RM49,615,499.

(i) Jalan raya

Kos bagi aset ini ditentukan mengikut nilai kos material pasaran tahun semasa jalan raya berdasarkan kepada spesifikasi jalan dan Majlis telah menganggarkan jangka hayat aset infrastruktur jalan adalah mengikut struktur binaan iaitu selama 20 tahun bersamaan dengan 5%.

(ii) Pondok Menunggu Bas

Bagi pondok menunggu bas, Majlis telah menganggarkan jangka hayat adalah selama 20 tahun iaitu 5%.

(v) Inventori

Majlis memiliki inventori iaitu seperti alat-alat tulis dan alat-alat ganti yang tidak dipermodalkan di dalam penyata kewangan. Oleh kerana inventori tersebut tidak melebihi RM1,000,000, maka ia diiktiraf sebagai belanja (apabila transaksi berlaku) dalam Penyata Prestasi Kewangan.

3. WANG DI TANGAN DAN DI BANK

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Tunai di tangan | 372 | 1,000 |
| Akaun PBB-Operasi (Akaun 1) | 275,173 | 745,671 |
| Akaun Maybank–Pinjaman Kenderaan | 15,092 | 8,913 |
| Akaun Maybank–Kad Kredit | 43,286 | 344,194 |
| Akaun PBB-Pembangunan (Akaun 2) | 1,215,670 | 1,113,098 |
| Akaun CIMB–Wang Deposit | — | 420,536 |
| Akaun PBB–Akaun Amanah (Akaun 3) | 249,468 | 6,500 |
| Akaun PBB–Akaun Kemiskinan (Akaun 4) | 36,890 | 36,473 |
| Akaun BKR–Jompay | 76,165 | 24,299 |
| Akaun Bank Islam | 1,000 | — |
| | 1,913,116 | 2,700,684 |

4. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urus niaga bukan pertukaran belum terima terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Tunggakan Hasil (Nota 4.1) | 2,206,898 | 2,211,047 |
| Wang Pertaruhan (Harta) (Nota 4.2) | 9,145 | 9,145 |
| Pendahuluan (Nota 4.3) | 35,843 | 41,456 |
| | 2,251,886 | 2,261,648 |

4.1 TUNGGAKAN HASIL

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 1,629,751 | 1,826,276 |
| Bayaran Sampah | 6,139 | 6,139 |
| Sewaan | 1,121,198 | 929,857 |
| | 2,757,088 | 2,762,272 |
| Tolak: Peruntukan Hutang Ragu | | |
| Tunggakan Cukai Taksiran Am | (325,950) | (365,255) |
| Tunggakan Sewaan | (224,240) | (185,970) |
| | 2,206,898 | 2,211,047 |

Majlis menetapkan 20 peratus daripada nilai tunggakan hasil Majlis Daerah Jelebu iaitu Cukai Taksiran Am dan Sewaan Bangunan Majlis diambilkira sebagai Peruntukan Hutang Ragu.

4.2 WANG PERTARUHAN (HARTA)

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Bendahari Negeri, Negeri Sembilan | 290 | 290 |
| Tenaga Nasional Berhad | 480 | 480 |
| Jabatan Kerja Raya Jelebu | 10 | 10 |
| Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. | 8,065 | 8,065 |
| Lain-lain | 300 | 300 |
| | 9,145 | 9,145 |

4.3 PENDAHULUAN

| | | |
|---|---|---|
| Pendahuluan Kenderaan | 33,910 | 41,081 |
| Pendahuluan Komputer | 1,933 | 375 |
| | 35,843 | 41,456 |

5. URUS NIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

Urus niaga pertukaran belum terima terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Lain-lain Penghutang (Nota 5.1) | 23,069 | 23,069 |
| Pendapatan Terakru (Nota 5.2) | 4,462 | 1,766 |
| | 27,531 | 24,835 |

5.1 LAIN-LAIN PENGHUTANG

| | | |
|---|---|---|
| Hotel Sri Klawang | — | — |
| Kawalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan | 23,069 | 23,069 |
| | 23,069 | 23,069 |

5.2 PENDAPATAN TERAKRU

| | | |
|---|---|---|
| CIMB Bank Berhad | — | 198 |
| Bank Rakyat | 4,462 | 390 |
| Jualan Aset Kenderaan | — | 1,178 |
| | 4,462 | 1,766 |

6. SIMPANAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| CIMB Bank Berhad | — | 506,672 |
| Maybank Berhad | 225,810 | 219,137 |
| Bank Rakyat | 1,900,000 | 500,000 |
| | 2,125,810 | 1,225,809 |

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Tanah Pajakan | Bangunan | Jentera Berat | Jentera Ringan | Alat-alat Pejabat | Alat-alat Pembersihan | Aset Infrastruktur | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| KOS | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | — | 2,172,414 | 1,192,206 | 180,007 | 1,100,660 | 13,255 | 49,615,499 | 54,274,041 |
| Tambahan dalam tahun | — | 187,000 | 410,998 | — | | — | | 597,998 |
| Pindahan ke Aset Tak Ketara | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pindahan ke Hartanah Pelaburan | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Kerugian Penilaian Tanah/ Bangunan | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | (72,625) | (139,900) | — | — | — | (212,525) |
| KOS PADA 31 DISEMBER 2019 | — | 2,359,414 | 1,530,579 | 40,107 | 1,100,660 | 13,255 | 49,615,499 | 54,659,514 |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2019 | — | 306,846 | 1,082,986 | 179,633 | 878,562 | 13,242 | 2,480,775 | 4,942,044 |
| Susutnilai tahun semasa | — | 23,495 | 470,712 | 349 | 56,372 | — | 2,480,775 | 3,031,703 |
| Pindahan ke Aset Tak Ketara | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pindahan ke Hartanah Pelaburan | — | — | — | — | — | — | — | — |
| Pelupusan dalam tahun | — | — | (72,623) | (139,898) | — | — | — | (212,521) |
| SUSUTNILAI TERKUMPUL PADA 31 DISEMBER 2018 | — | 330,341 | 1,481,075 | 40,084 | 934,934 | 13,242 | 4,961,550 | 7,761,226 |
| AMAUN BAWAAN | | | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | — | 1,865,568 | 109,220 | 374 | 222,098 | 13 | 47,134,724 | 49,331,998 |
| Pada 31 Disember 2019 | — | 2,029,073 | 49,504 | 23 | 165,726 | 13 | 44,653,949 | 46,898,288 |

*Nota: Termasuk dalam item bangunan adalah susutnilai bangunan batu (1%) dan susutnilai bangunan kayu (5%).

8. HARTANAH PELABURAN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| **Kos** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 33,509,122 | 1,077,270 |
| Tambahan Dalam Tahun | 4,145,000 | 15,206,405 |
| Tambahan Penilaian Semula | 3,338,489 | — |
| Pindahan Dari Hartanah, Loji dan Peralatan | — | 17,377,107 |
| Pelupusan Dalam Tahun | (105,000) | (151,660) |
| Kerugian Penilaian Semula | (5,349,143) | — |
| Baki Pada Akhir Tahun | 35,538,468 | 33,509,122 |
| **Pelunasan Terkumpul** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 3,026,264 | 32,318 |
| Susutnilai Tahun Semasa | 355,384 | 332,922 |
| Pindahan Dari Hartanah, Loji dan Peralatan | — | 2,661,024 |
| Pelupusan Dalam Tahun | (2,727) | — |
| Kerugian Penilaian Semula | (438,794) | — |
| | 2,940,127 | 3,026,264 |
| Nilai Buku Bersih | 32,598,341 | 30,482,858 |

9. ASET TAK KETARA

| | | |
|---|---|---|
| **Kos** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 16,199 | — |
| Pindahan Dari Hartanah, Loji dan Peralatan | — | 18,999 |
| Pelupusan Dalam Tahun | — | (2,800) |
| Baki Pada Akhir Tahun | 16,199 | 16,199 |
| **Pelunasan Terkumpul** | | |
| Baki Pada Awal Tahun | 14,748 | — |
| Susutnilai Tahun Semasa | 1,449 | 1,450 |
| Pindahan Dari Hartanah, Loji dan Peralatan | — | 15,258 |
| Pelupusan Dalam Tahun | — | (1,960) |
| | 16,197 | 14,748 |
| Nilai Buku Bersih | 2 | 1,451 |

10. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM BAYAR

Urusniaga bukan pertukaran belum bayar terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Wang Pertaruhan | 1,133,106 | 1,023,622 |
| | 1,133,106 | 1,023,622 |

11. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM BAYAR

Urusniaga pertukaran belum bayar terdiri daripada:

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Perbelanjaan Terakru (Nota 11.1) | 4,831,178 | 3,918,815 |
| Terimaan Terdahulu (Nota 11.2) | 52,423 | 44,959 |
| Akaun Cek Terbatal | 52,706 | 52,706 |
| Pemiutang (Nota 11.3) | 7,301 | 7,655 |
| | 4,943,608 | 4,024,135 |

11.1 PERBELANJAAN TERAKRU

| | | |
|---|---|---|
| Emolumen | 8,516 | 2,268 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 4,822,662 | 3,916,547 |
| Perbelanjaan Lain | — | — |
| Pembangunan | — | — |
| | 4,831,178 | 3,918,815 |

11.2 TERIMAAN TERDAHULU

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 30,387 | 29,243 |
| Sewaan | 22,036 | 15,716 |
| | 52,423 | 44,959 |

11.3 PEMIUTANG

| | | |
|---|---|---|
| Kawalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan | 7,301 | 7,301 |
| Terimaan Daripada KWSP | — | 354 |
| | 7,301 | 7,655 |

12. GERAN TERTUNDA

| | | |
|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun | 250,000 | 2,380,112 |
| Tambahan Geran Tahun Semasa | — | 250,000 |
| Kurangan Geran Tahun Semasa | — | (2,354,821) |
| Tolak Pelunasan | — | (25,291) |
| Baki pada 31 Disember | 250,000 | 250,000 |

13. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun | 323,322 | 105,998 |
| Tambahan | 419,490 | 323,322 |
| Kurangan | (323,322) | (105,998) |
| Penggunaan | — | — |
| Terlebih/Terkurang | — | — |
| Baki Pada Akhir Tahun | 419,490 | 323,322 |

14. KUMPULAN WANG MAJLIS

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun | 62,941,123 | 15,457,901 |
| Pelarasan Wang Tunai di Bank | 16,229 | — |
| Pelarasan Tahun Lepas–Terimaan Deposit 2018 | (14,400) | — |
| Tambahan dalam Tahun–Bangunan | 187,000 | — |
| Tambahan dalam Tahun–Hartanah Pelaburan | 4,145,000 | — |
| Tambahan dalam Tahun–Jentera Berat | 410,998 | — |
| Aset Infrastruktur | — | 49,615,499 |
| Pelarasan Pelunasan Geran Tertunda | — | 25,291 |
| Geran Tertunda | — | 2,354,821 |
| Lebihan Pendapatan | (9,320,477) | (4,512,389) |
| | 58,365,473 | 62,941,123 |

15. KUMPULAN REZAB MODAL

| | | |
|---|---|---|
| Baki Awal - 30 Unit Rumah Kedai PKNNS | 17,417,081 | 1,072,946 |
| Pelbagai Caj | — | — |
| | 17,417,081 | 1,072,946 |
| Tolak: Jualan 1 Unit Rumah Kedai PKNNS | 105,000 | — |
| Baki Akhir - 20 Unit Rumah Kedai PKNNS | 17,312,081 | 1,072,946 |
| Tambahan: Penilaian Semula Bangunan MDJ | 3,338,489 | 16,344,135 |
| Kurangan: | 2,727 | — |
| | 20,653,297 | 17,417,081 |

Nota: 30 unit Rumah Kedai PKNNS Simpang Durian telah diserahkan oleh kepada Majlis Daerah Jelebu oleh Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada 24 Julai 2002. Amaun yang direkodkan ialah baki tertunggak untuk 19 unit di mana 11 unit telah dijual.

16. KUMPULAN WANG PINJAMAN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Baki Pada Awal Tahun | 41,456 | 14,148 |
| Bayaran Balik | (15,812) | (9,793) |
| Pinjaman Dalam Tahun | 10,200 | 37,100 |
| Wang Di Bank Pada 31 Disember | 15,092 | 8,914 |
| Faedah | (1,309) | (994) |
| Bayaran Balik Lebihan Potongan Gaji/Yuran Proses Cek/GST | 373 | 625 |
| | 50,000 | 50,000 |

17. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

Urusniaga bukan pertukaran terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Caruman Bantu Kadar (Nota 17.1) | 396,323 | 396,142 |
| Cukai Taksiran Am (Nota 17.2) | 2,307,894 | 2,199,041 |
| Lesen dan Permit (Nota 17.3) | 356,908 | 450,394 |
| Perkhidmatan dan Bayaran (Nota 17.4) | 176,314 | 145,699 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Sewaan (Nota 17.5) | 833,879 | 666,861 |
| Notis dan Denda (Nota 17.6) | 88,358 | 87,241 |
| Sumbangan Kerajaan (Nota 17.7) | 1,021,881 | 1,128,039 |
| Sumbangan Pembangunan (Nota 17.8) | 4,531,080 | 2,520,598 |
| | 9,712,637 | 7,594,015 |

17.1 CARUMAN BANTU KADAR

| | | |
|---|---|---|
| Kerajaan Persekutuan | 305,720 | 305,539 |
| Kerajaan Negeri | 90,603 | 90,603 |
| | 396,323 | 396,142 |

17.2 CUKAI TAKSIRAN AM

| | | |
|---|---|---|
| Kuala Klawang | 292,968 | 296,793 |
| Petaling | 80,655 | 80,699 |
| Ladang Jelebu | 236,784 | 229,921 |
| Peradong | 1,140 | 1,140 |
| Titi | 620,574 | 620,801 |
| Chennah | 7,333 | 7,688 |
| Sungai Muntuh | 23,967 | 24,126 |
| Pertang | 107,547 | 108,239 |
| Simpang Pertang | 243,408 | 244,436 |
| Simpang Durian | 111,100 | 109,174 |
| Durian Tipus | 10,514 | 10,880 |
| Caruman Badan Berkanun | 571,904 | 465,809 |
| Pelarasan | — | (665) |
| | 2,307,894 | 2,199,041 |

17.3 LESEN DAN PERMIT

| | | |
|---|---|---|
| Kereta Yang Tak Berjentera | — | — |
| Tred, Perniagaan, Perindustrian dan Lain-lain | 77,330 | 87,625 |
| Penjaja | 735 | 1,724 |
| Menara Telekomunikasi | 126,000 | 106,000 |
| Peruncit | 11,950 | 15,033 |
| Papan Iklan dan Kenyataan | 17,454 | 26,704 |
| Pasar | 20,399 | 16,336 |
| Bangunan Sementara | 996 | 1,241 |
| Gerai Tepi Jalan | — | 167 |
| Panggung Wayang, Hiburan Awam dan Lain-lain | 340 | 340 |
| Kedai Kopi, Makan dan Roti | 29,234 | 35,165 |
| Rumah Tumpangan | 1,400 | 2,040 |
| Permit Sementara Niaga | 10,900 | 11,890 |
| Permit Bangunan | 6,650 | 103,264 |
| Pelbagai Permit | 53,520 | 42,865 |
| | 356,908 | 450,394 |

17.4 PERKHIDMATAN DAN BAYARAN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Pembelian Pelan | — | — |
| Prosesan Pelan | 147,954 | 81,694 |
| Prosesan Lesen | 1,176 | 1,308 |
| Proses Pindahmilik | 1,270 | 1,090 |
| Proses Kerja Kecil | 1,650 | 2,850 |
| Pindahmilik Lesen | 72 | 200 |
| Pendaftaran Kontraktor | 3,165 | 2,430 |
| Terimaan Komisen | — | 200 |
| Bayaran Sampah | 3,693 | 4,028 |
| Kain Rentang, Banting dan Lain-lain | 15,353 | 22,057 |
| Pelbagai Bayaran | 1,981 | 29,842 |
| | 176,314 | 145,699 |

17.5 SEWAAN

| | | |
|---|---|---|
| Sewaan Tanah | 127,560 | 65,730 |
| Sewaan Bangunan Pejabat | 30,000 | 30,000 |
| Sewaan Bangunan Perniagaan | 302,804 | 244,344 |
| Sewaan Dewan | 37,624 | 20,212 |
| Sewaan Padang dan Gelanggang | 6,351 | 7,136 |
| Sewaan Hotel | 2,400 | 2,400 |
| Sewaan Pasar | 108,911 | 95,955 |
| Sewaan Gerai | 89,610 | 87,560 |
| Sewaan Tapak | 123,087 | 108,320 |
| Sewaan Peralatan | 5,032 | 3,068 |
| Pelbagai Sewaan | 500 | 2,136 |
| | 833,879 | 666,861 |

17.6 NOTIS DAN DENDA

| | | |
|---|---|---|
| Kompaun Perniagaan | 2,050 | 3,180 |
| Kompaun Ternakan | — | 50 |
| Kompaun Lain-lain | 3,200 | 4,700 |
| Pelan dan Bangunan | 6,082 | 4,781 |
| Kompaun Letak Bahan | — | 500 |
| Denda Lesen | 19,438 | 24,097 |
| Denda Lewat | 8,333 | 4,520 |
| Notis E | 48,490 | 42,608 |
| Kos Sitaan | — | 405 |
| Denda Langgar Syarat Kontrak | 765 | 2,400 |
| | 88,358 | 87,241 |

17.7 SUMBANGAN KERAJAAN

| | | |
|---|---|---|
| Geran Tahunan | 734,520 | 734,520 |
| Bantuan Bil Lampu Jalan | 158,577 | 143,174 |
| Bayaran Perkhidmatan Projek Persekutuan | 128,784 | 250,345 |
| | 1,021,881 | 1,128,039 |

17.8 SUMBANGAN PEMBANGUNAN

| | 2019<br>RM | 2018<br>RM |
|---|---|---|
| Peruntukan Persekutuan/Negeri–Akaun No. 2 | 1,888,634 | 1,365,324 |
| Peruntukan Persekutuan/Negeri–Hapuskira Sistem Logins | — | — |
| Peruntukan Persekutuan/Negeri–Waran Peruntukan | 2,642,446 | 1,155,274 |
| | 4,531,080 | 2,520,598 |

18. URUSNIAGA PERTUKARAN

Urusniaga pertukaran terdiri daripada:

| | | |
|---|---|---|
| Perolehan Jualan Barang (Nota 18.1) | 124,073 | 63,150 |
| Faedah (Nota 18.2) | 74,423 | 65,289 |
| Lain-lain Pendapatan (Nota 18.3) | 2,935 | 11,778 |
| | 201,431 | 140,217 |

18.1 PEROLEHAN JUALAN BARANG

| | | |
|---|---|---|
| Jualan Sebutharga | 30,880 | 8,230 |
| Jualan Tender | — | 3,417 |
| Jualan Borang Cetak | 416 | 1,014 |
| Jualan Papan Lesen | 9,345 | 10,862 |
| Jualan Pelbagai | 83,432 | 39,627 |
| | 124,073 | 63,150 |

18.2 FAEDAH

| | | |
|---|---|---|
| Faedah Pinjaman Kenderaan | 1,309 | 557 |
| Faedah Akaun Semasa | 24,901 | 26,824 |
| Faedah Simpanan Tetap | 40,620 | 38,895 |
| Faedah Simpanan (Akaun Pembangunan) | 7,593 | (987) |
| | 74,423 | 65,289 |

18.3 LAIN-LAIN PENDAPATAN

| | | |
|---|---|---|
| Pelbagai | 968 | — |
| Untung Atas Jualan Kenderaan | 1,525 | 11,778 |
| Untung Atas Jualan–Jentera Ringan | 442 | |
| Pelunasan Geran Tertunda | — | — |
| | 2,935 | 11,778 |

19. EMOLUMEN

| | | |
|---|---|---|
| Gaji | 1,880,878 | 1,811,209 |
| Elaun Tanggungan Kerja | 3,221 | — |
| Elaun Khidmat Awam | 93,292 | 93,153 |
| Imbuhan Tetap Perumahan | 250,427 | 224,192 |
| Elaun Memandu | 5,670 | 6,450 |
| Elaun Motosikal | 1,440 | 1,440 |
| Elaun Sara Hidup | 109,599 | 110,920 |

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Elaun Telefon | 24,640 | 22,780 |
| Elaun Ahli Majlis | 193,966 | 160,055 |
| Kumpulan Wang Simpanan Pekerja | 42,527 | 36,584 |
| Caruman Pencen | 298,816 | 293,304 |
| Caruman Perkeso | 829 | 1,123 |
| Elaun Lebih Masa | 78,509 | 81,571 |
| Pendaftaran Kursus | 410 | 60 |
| Lesen Memandu | — | 90 |
| Imbuhan Tetap Kewangan | 1,920 | 4,188 |
| Imbuhan Tahunan | 294,808 | 212,101 |
| | 3,280,952 | 3,059,220 |

20. PERHUBUNGAN DAN UTILITI

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Pos | 2,101 | 3,105 |
| Telefon | 9,694 | 10,072 |
| Multimedia | 13,331 | 12,933 |
| Elektrik | 457,776 | 408,995 |
| Air | 45,065 | 131,759 |
| Pembentungan | 2,544 | 749 |
| | 530,511 | 567,613 |

21. BEKALAN BAHAN MENTAH DAN BAHAN-BAHAN UNTUK PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Alatganti Kenderaan,Van, Lori dan Lain-lain | — | 354 |
| Alatganti Komputer | 600 | 6,825 |
| Minyak Petrol, Diesel dan Lain-lain | 30,432 | 27,187 |
| Tumbuhan | 325 | |
| Tayar dan Tiub | 2,373 | 8,296 |
| Racun | 1,304 | 384 |
| | 35,034 | 43,046 |

22. BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| Bahan-bahan Bercetak | 436 | 617 |
| Alatulis dan Kelengkapan Pejabat | 706 | 3,637 |
| Bekalan Alat Pembersihan | 1,632 | 1,334 |
| Patil Lesen | 9,180 | 9,180 |
| Bekalan Pejabat yang Lain | 11,137 | 61,279 |
| Sukan | — | — |
| Pakaian Seragam | 31,111 | 60,852 |
| | 54,202 | 136,899 |

23. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN

| | 2019 RM | 2018 RM |
|---|---|---|
| Bangunan Dewan dan Pejabat | 2,308 | 8,070 |
| Tandas Awam | — | 2,789 |
| Bangunan Rumah, Gerai dan Pasar | 1,100 | 452 |
| Jalan dan Lorong Belakang | 4,143 | 3,950 |
| Memasang Papan Tanda | 9,564 | 7,785 |
| Stadium | 3,743 | — |
| Lanskap, Taman Awam dan Padang | — | 1,197 |
| Lampu Jalan | 18,914 | 14,680 |
| Longkang, Parit dan Tali Air | 2,550 | 514 |
| Pengindahan Kawasan dan Bandar | 1,285 | 13,433 |
| Kerja-Kerja Kecil | 7,017 | 12,979 |
| Kenderaan | 34,237 | 43,683 |
| Alatan Pejabat | 9,698 | 96 |
| Komputer | 328 | 1,754 |
| Kelengkapan Hawa Dingin | 290 | — |
| Alat Pemadam Api | 2,123 | — |
| | 97,300 | 111,382 |

24. PERKHIDMATAN IKHTISAS DAN LAIN-LAIN

| | | |
|---|---|---|
| Perubatan | 130,082 | 24,103 |
| Perakaunan dan Auditan | 20,689 | 13,981 |
| Perundangan | 24,688 | 24,089 |
| Kursus | 46,046 | 30,538 |
| Bayaran Juruukur | — | — |
| Pengiklanan | — | 3,000 |
| Perkhidmatan Dobi | — | — |
| Semua Perkhidmatan Lain | 92,848 | 47,687 |
| Penswastaan Perkhidmatan | 1,332,176 | 1,167,741 |
| Perkhidmatan Percetakan | 16,229 | 3,129 |
| Kakitangan Kontrak Sambilan | 472,135 | 453,750 |
| Keraian dan Hospitaliti | 41,841 | 58,765 |
| | 2,176,734 | 1,826,783 |

25. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

| | | |
|---|---|---|
| Peruntukan Majlis Daerah Jelebu | 2,400 | 42,045 |
| Peruntukan Persekutuan/Negeri–Akaun No. 2 | 1,793,597 | 1,609,340 |
| Peruntukan Persekutuan/Negeri–Waran Peruntukan | 2,642,446 | 1,155,274 |
| | 4,438,443 | 2,806,659 |

26. BAYARAN-BAYARAN LAIN

| | | |
|---|---|---|
| Premium Tanah, Cukai dan Lain-lain | 6,479 | 6,146 |
| Pelbagai Insuran | 24,548 | 5,961 |
| Pemberian Kepada Kelab Sukan | 10,000 | 10,000 |
| Ganjaran Pekerja Kontrak | 13,961 | 5,246 |
| Gantian Cuti Rehat | 27,993 | 16,086 |
| Anugerah Khidmat Cemerlang | 6,000 | 6,000 |
| Pengurusan Jenazah | 3,000 | — |
| Bayaran Cukai Perkhidmatan dan Barangan | — | 7,314 |
| Pembelian Harta Modal (Perbelanjaan) | 1,375 | |
| Caj Bank | 3,792 | 4,950 |
| | 97,148 | 61,703 |

27. HAPUSKIRA

| | 2019 | 2018 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Cukai Taksiran Am | 60,286 | 69,787 |
| Sewaan | — | 46,634 |
| Hotel Sri Klawang | — | 47,258 |
| Aset Tak Ketara | — | 840 |
| Tanah | — | 1 |
| Pelarasan Tunggakan Hasil | — | — |
| | 60,286 | 164,520 |

**Hakcipta Pencetak** (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA